

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pernyataan Masalah

Sejarah Islam banyak mencatatkan kisah pemuda dalam menegakkan kebenaran. Contohnya kisah sahabat dan sepupu Nabi iaitu Ja'far bin Abi Talib dilantik menjadi ketua rombongan hijrah, dari Mekah ke Habsyah ketika berumur 20 tahun. Usamah bin Zaid pula dilantik menjadi panglima tentera Islam bagi membebaskan Palestin ketika berumur 18 tahun. Manakala Sultan Muhammad Al-Fatih membebaskan kota Konstantinople pada usia 24 tahun dan Hassan Al-Banna mendirikan gerakan Ikhwanul Muslimin pada usia 23 tahun.¹

Paparan di atas menjelaskan, usia pemuda adalah usia yang tinggi nilainya. Golongan pelajar atau pemuda perlu disedarkan betapa pentingnya mereka memaksimumkan potensi diri. Mereka merupakan aset dakwah yang perlu diberikan pentarbiyyahan yang jitu sehingga mampu membimbing masyarakat bagi mengembalikan kegemilangan Islam.

Universiti merupakan tempat melahirkan cendekiawan dalam pelbagai bidang ilmu. Mereka bakal meneraju bangsa pada masa akan datang. Oleh itu, peranan universiti dalam dakwah Islam adalah amat penting kerana ia merupakan pusat bagi melahirkan modal insan

¹ Mohd Ismail Mustari , *Menjadi Belia Cemerlang*, (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005), 53.

yang unggul, berpengaruh besar dan disegani oleh masyarakat. Golongan pelajar adalah mereka yang mempunyai kekuatan semangat, keazaman dan idealisme untuk merubah dan menjadi agen perubahan (*change agent*). Justeru, peribadi mereka perlu dilentur supaya rohani, intelek, emosi dan jasmani terbina seimbang dan subur.²

Dalam konteks Malaysia, kesedaran untuk melakukan dakwah adalah amat menggalakkan. Ini berdasarkan terdapat banyak pertubuhan dakwah yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengembalikan Islam di tempat yang sepatutnya. Dakwah disebarkan oleh orang perseorangan dan berkumpulan.³ Dakwah juga dilakukan secara menyeluruh, baik di tempat awam seperti di masjid-masjid, di media massa, dan tidak ketinggalan juga di pusat-pusat pengajian seperti di sekolah rendah, menengah dan Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta (IPTA/ IPTS).⁴

Terdapat banyak program dan pengisian dakwah yang diatur oleh pelbagai pihak terhadap pelajar IPT dalam usaha melahirkan modal insan yang baik. Ini disebabkan terdapat pelbagai masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar IPT. Kajian oleh Mazlin Mohamad Mokhtar, pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 2006 terhadap pelajar berumur 18 hingga 25 tahun dari empat buah universiti awam dan swasta menunjukkan 50 peratus daripada 727 pelajar institusi pengajian tinggi terbabit dalam kegiatan seks.⁵ Data ini diperkukuhkan oleh laporan Mohamad A'sim Ismail di

² Tawfiq al-Wa'ite, *Dakwah Seruan Menuju Allah*, (Selangor : Time Training & Services, 2010), 567.

³ Ghazali Darusalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., 1996), 107.

⁴ Zainah Anwar, "Islamic Revivalism in Malaysia: Dakwah among the Students", *Journal of Southeast Asian Studies*, volume 21, (1987), 122.

⁵ Farahwahida Mohd. Yusof dan Norazila Binti Sugiman, "Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks", *Journal of Education Psychology & Counseling*, volume 1, 2011, 1.

Berita Harian 21hb Mac 2011 yang melaporkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah mencatatkan jumlah peningkatan anak tak sah taraf kini mencecah 234,647 daripada lebih 2 juta kelahiran yang didaftarkan ke JPN antara 2006 hingga 2010. Ini menunjukkan pola meningkat terhadap kes hamil luar nikah dan jumlah anak tidak sah taraf (anak zina seramai 10 % daripada keseluruhan bayi yang dilahirkan) di seluruh negara. Sebahagian besar daripada mereka yang terlibat dalam gejala seks luar nikah adalah dalam kalangan kumpulan remaja di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan juga di sekolah menengah. Ini merupakan satu kejadian yang sangat menggerunkan kita semua.⁶

Walaupun pelbagai usaha dakwah telah dipergiatkan, namun umum menyatakan bahawa usaha dakwah di semua peringkat termasuk di IPT menghadapi banyak masalah⁷. Menurut Aidiahmad Dewa,⁸ terdapat beberapa masalah dalam konteks pengislahan masyarakat kampus. Antaranya pengurusan dakwah yang tidak cekap dan dinamik, pelaksanaan program yang kurang menarik dan kreatif, kurang tenaga pendakwah, masalah kewangan organisasi dakwah, kurang kerjasama antara semua pihak di universiti dan pendakwah gagal menjiwai tuntutan dakwah. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia yang mengatakan bahawa antara masalah pelaksanaan program dakwah kampus ialah sambutan yang kurang menggalakkan, kurang kesedaran

⁶ Mohamad A'sim Ismail, "Ibubapa Tidak Boleh Lepas Tangan Pantau Akhlak Anak di IPT", dicapai pada 20 November 2013,

www.bharian.com.my/bharian/article/ibubapatidakbolehlepastanganpantauakhlakanakdiIPT/article/

⁷ Ahmad Atian, *Menuju Kemenangan Dakwah Kampus* (Solo, Indonesia : PT Era Adicitra Intermedia, 2010), 30.

⁸ Aidiahmad Dewa, "Membina Kekuatan Mendepani Tribulasi Dakwah Masa Kini", laman sesawang WordPress, dicapai 18 November 2013, 10tahunkarisma.wordpress.com/himpunan-ucapan-dasar/membina-kekuatan-mendepani-tribulasi-dakwah-masa-kini/

kepentingan program, penyampaian isi kandungan yang tiada pengkhususan, kurang jelas matlamat program dan tiada penilaian (muhasabah) terhadap program.⁹

Tidak dinafikan untuk melahirkan generasi pelajar yang berkualiti seperti memiliki akidah yang benar, ibadah yang utuh dan akhlak yang mantap tentulah banyak permasalahan dan cabaran yang bakal dihadapi oleh pendakwah terutama dalam suasana masyarakat era globalisasi. Pendakwah hendaklah mengenalpasti segala masalah dan kelemahan yang membantut dan melemahkan usaha-usaha pengembangan potensi dakwah terutama dalam kalangan pelajar di IPT. Seterusnya mencari formula yang mapan dan perancangan yang lebih sistematik agar kejayaan dapat dicapai dalam masa yang singkat dan mencapai matlamat yang telah digariskan. Persoalannya, apakah permasalahan pelaksanaan dakwah terhadap golongan pelajar di Universiti Selangor (UNISEL)? Adakah universiti mampu melakukan dakwah mengikut keperluan dan kehendak pelajar? Bagaimana penerimaan pelajar terhadap program dakwah yang dilaksanakan?

Justeru, kajian ini akan mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi universiti dalam usaha menyampaikan dakwah dalam kalangan pelajar di UNISEL. Seterusnya meneroka faktor keperluan dan penerimaan dakwah pelajar. Aspek yang menjadi kajian meliputi masalah berkaitan pihak pentadbiran, tenaga pendakwah, sambutan pelajar dan pendekatan yang digunakan universiti bagi menarik pelajar menghadiri program-program dakwah yang dilaksanakan.

⁹ Mohd Nasir Bin Ripi et al., *Kajian Program Bina Sahsiah Staf di IPTA: Kajian Kes di UTM dan USM (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2006)*, 61-75.

1.1. Tempat Kajian

Kajian memilih universiti sebagai tempat kajian kerana universiti merupakan pusat kecemerlangan ilmu dan pembentukan generasi pelapis masa depan. Malah ia juga merupakan wahana gerakan kebangkitan Islam. Universiti bukan sahaja tempat menuntut ilmu, bahkan tempat untuk mengasah bakat di bidang kepimpinan. Para pelajar bukan hanya belajar secara formal tetapi dalam masa yang sama terlibat dengan kepimpinan di peringkat kolej, fakulti dan universiti. Sejarah membuktikan bahawa kebanyakan pemimpin negara berasal dari pemimpin pelbagai pertubuhan sewaktu menuntut di universiti dahulu. Sebagai contoh Tun Dr Mahathir dan Dato' Seri Anwar Ibrahim merupakan aktivis pelajar di Universiti Malaya begitu juga dengan Dato' Seri Diraja Rais Yatim merupakan aktivis pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia.

UNISEL secara khususnya dipilih kerana ia merupakan universiti negeri yang pertama yang didaftarkan sebagai IPTS di bawah naungan kerajaan negeri Selangor yang berwawasan tinggi untuk melahirkan bakal-bakal pemimpin masa hadapan yang berwibawa, berinovasi dan mampu memimpin masyarakat ke jalan kebenaran.¹⁰ Lebih unik UNISEL yang telah mencapai 12 tahun penubuhannya mempunyai organisasi khusus iaitu Pusat Islam yang menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah. Justeru kajian berpendapat UNISEL amat relevan untuk dijadikan sampel kajian bagi tajuk ini. Tambahan pula Pusat Islam UNISEL secara langsung berada di bawah naungan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang sudah tentu banyak memberi ruang dan peluang untuk menjalankan program dakwah yang luas kepada organisasi ini sebagai pusat pembangunan kecemerlangan pelajar bagi membentuk modal insan.

¹⁰ Buku istiadat konvo unisel ke-2, (t.tp., t.p., t.t.), 2.

Pihak UNISEL telah mengambil inisiatif mewajibkan pelajar-pelajar Muslim bermula kemasukan 2009/ 2010, untuk mengikuti usrah sebagai ganti kepada kokurikulum berkredit. Usaha ini dilakukan bagi pembentukan peribadi sebagai satu pendekatan dakwah kepada pelajar-pelajar.

Kajian juga berpendapat, secara umumnya mana-mana universiti sudah pastinya mempunyai permasalahan dalam membentuk sahsiah pelajar-pelajar. Oleh itu kajian ini boleh memberi generalisasi kepada permasalahan dakwah di semua IPT yang lain. Justeru, kajian dijalankan bagi meneliti permasalahan-permasalahan sepanjang usaha dakwah yang dilakukan terhadap mereka serta meninjau dan mengenalpasti pendekatan dakwah terhadap golongan pelajar di UNISEL.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk :

- 1.2.1 Memahami konsep pelaksanaan dakwah terhadap pelajar-pelajar.
- 1.2.2 Menenalpasti masalah dan pelaksanaan dakwah di UNISEL.
- 1.2.3 Menenalpasti penerimaan dakwah dalam kalangan pelajar UNISEL.

1.3. Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pelbagai pihak, antaranya:

- 1.3.1. Pihak Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengisi keperluan pelajar dari sudut dakwah serta membuat penambahbaikan terhadap program dakwah yang sedia ada berdasarkan latar belakang dan keperluan semasa golongan pelajar. Secara tidak langsung dapat membantu kerajaan dalam mengurangkan gejala keruntuhan akhlak yang melanda negara pada masa kini.
- 1.3.2. Agensi-agensi dan badan-badan dakwah di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/ IPTS) bagi melaksanakan pendekatan yang berkesan dalam menyampaikan risalah dakwah terhadap golongan pelajar. Mereka perlu melihat permasalahan-permasalahan dalam melaksanakan aktiviti dakwah dan berusaha memperbaiki kelemahan yang sedia ada.
- 1.3.3. Pihak pentadbir UNISEL agar dapat melaksanakan program-program dakwah yang sesuai dan terancang bagi menarik pelajar untuk menghadiri program-program yang dianjurkan. Dengan itu, program yang dilaksanakan dapat mencapai objektif yang maksimum.
- 1.3.4. Pendakwah-pendakwah di IPTA dan IPTS khususnya guru-guru agama dapat mendekati dan berdakwah kepada pelajar dengan lebih berkesan.

- 1.3.5. Kajian meninjau secara tuntas permasalahan dakwah yang berlaku di institusi pengajian tinggi yang merupakan tempat melahirkan graduan yang bakal berkhidmat kepada masyarakat.

1.4. Skop Kajian

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji permasalahan dan penerimaan dakwah kampus dalam kalangan pelajar. Untuk mendapat gambaran yang global bagi sesebuah kajian sains sosial seperti ini, kajian menyenaraikan beberapa aspek yang menjadi batasan kajian.

- 1.4.1. Skop kajian dikecilkan hanya kepada pelajar-pelajar Muslim Malaysia Semester Julai 2012. Ini adalah kerana populasi pelajar Muslim mewakili majoriti pelajar-pelajar di UNISEL. Soal selidik yang akan dikemukakan menjurus kepada pelaksanaan dan penerimaan dakwah pelajar.

- 1.4.2. Melalui data yang diperolehi dari Unit Kemasukan Pelajar UNISEL, jumlah populasi pelajar terkini pada Oktober 2011 ialah seramai 9147 pelajar. Manakala bilangan pelajar Muslim seramai 7591 orang. Kajian akan menggunakan kaedah jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan, iaitu jika populasi bagi suatu kajian ialah 8000, maka bilangan responden yang diperlukan ialah 367.¹¹

¹¹ Chua Yan Piaw, “*Kaedah dan Statistik Penyelidikan*”, (McGraw-Hill Malaysia Sdn. Bhd., 2006), 1:186.

1.5. Kajian-kajian Lepas

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, kajian telah menemui beberapa kajian terdahulu yang berkaitan cabaran dan permasalahan dakwah, peranan pelajar dan usaha-usaha dakwah yang dilakukan pelbagai pertubuhan dakwah. Namun begitu, kajian mengenai usaha dakwah yang dilakukan oleh pihak universiti, permasalahan pelaksanaan dan penerimaannya masih belum dilakukan oleh mana-mana kajian sebelum ini. Ini bermakna kajian ini merupakan satu kajian baru yang dapat disumbangkan dalam usaha menyampaikan dakwah terutamanya terhadap golongan pelajar yang merupakan pewaris pemimpin yang akan mencorakkan bumi Malaysia pada masa akan datang.

Fariza Md Sham¹² dalam tulisannya bertajuk *Cabaran Dakwah dalam Era Globalisasi*, melihat cabaran dakwah Islamiyyah dalam era globalisasi antaranya bersangkutan dengan perancangan, strategi dan halangan yang terpaksa dihadapi oleh pendakwah dalam menangani arus perkembangan yang pesat. Selain daripada itu, beliau juga membincangkan cabaran luaran dakwah seperti gerakan missionari Kristian, serangan pemikiran barat, media massa yang merosakkan dan propaganda yang memburukkan Islam menyukarkan gerakan menyebarkan dakwah Islam selain kekurangan ilmu dan kepakaran dalam sains dan teknologi.

Ditinjau dari perspektif cabaran penyebaran dakwah Kristian kepada penganutnya kajian telah menemui beberapa penulisan yang berkaitan. Kajian Daniel Weingartner¹³

¹² Fariza Md Sham, "Cabaran Dakwah dalam Era Globalisasi", dalam Abdul Ghafar Hj. Don (eds), *Dakwah Menjana Masyarakat Madani*. (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 71-83.

¹³ Daniel Weingartner, "Easter Preaching", dalam The news website of the School of Journalism and Electronic Media, (Knoxville: University of Tennessee, 2010).

menyatakan bahawa penyebaran agama Kristian mendapat bantahan dan sambutan yang negatif dalam kalangan pelajar Universiti of Tennessee. Mereka mengutuk pendakwah yang cuba menerangkan tentang dosa perbuatan zina, sodomi dan minum arak. Mereka melemparkan kata-kata yang kesat terhadap pendakwah bebas tersebut. Artikel ini menunjukkan bahawa terdapat cabaran yang hebat dalam menyampaikan mesej dakwah terutamanya dalam kalangan mahasiswa.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunos¹⁴ pula dalam kajiannya bertajuk “*Cabaran Dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang*” menjelaskan bahawa cabaran-cabaran dakwah Islamiah ialah menjadikan seluruh manusia berada di bawah rahmat Allah SWT, mewujudkan masyarakat non-muslim yang boleh hidup secara aman bersama masyarakat muslim, mewujudkan individu, keluarga dan masyarakat Islam serta melahirkan negara yang diredhai Allah SWT.

Selain itu, dakwah juga berhadapan dengan permasalahan yang bersangkutan dengan pendakwah, sasaran dan pengurusan dakwah. Menurut Wahidah Yusof¹⁵ dalam kajiannya *Institusi-institusi Dakwah Islamiah di Malaysia: Satu Kajian Tentang Sumbangan Dan Masalah Dalam Perkembangan Dakwah Masa Kini* menjelaskan terdapat tiga bentuk permasalahan dakwah yang membelenggu institusi-institusi dakwah Islamiah di Malaysia iaitu masalah dalaman, masalah luaran dan masalah antara institusi-institusi dakwah. Antara permasalahan dalaman ialah kekurangan kewangan, tenaga penggerak atau pakar, kelonggaran perancangan dan sambutan serta tanggapan masyarakat terhadap

¹⁴ Ahmad Redzuwan Mohd Yunos, “Cabaran Dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang” (tesis kedoktoran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 381.

¹⁵ Wahidah Yusof, “Institusi-Institusi Dakwah Islamiah di Malaysia: Satu Kajian Tentang Sumbangan Dan Masalah Dalam Perkembangan Dakwah Masa Kini” (disertasi Sarjana Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997), 389.

sesebuah institusi dakwah. Manakala masalah luaran seperti pengaruh kehidupan moden ala-barat, serangan pemikiran barat seperti orientalis dan gerakan menentang agama Islam merupakan cabaran yang perlu dihadapi secara matang. Sementara masalah antara institusi dakwah seperti taksub, ketidakselarasan dalam kerja banyak merugikan tenaga pendakwah. Namun segala permasalahan yang dikaji perlu dilihat semula dalam konteks dakwah kepada remaja yang sudah tentunya mempunyai skop yang berlainan.

Kajian Ahmad Redzuwan Mohd Yunos mempunyai persamaan seperti kajian di atas. Hanya skopnya sahaja berbeza kerana kajian ini memberi fokus kepada masalah dakwah orang asli. Namun isunya tetap sama iaitu masalah pendakwah dan masalah sasaran dakwah. Antara masalah dakwah ialah pendakwah tidak berwibawa, masalah pendakwah tidak konsisten melakukan dakwah, masalah akhlak pendakwah dan masalah pendakwah yang berkaitan *manhaj* dakwah. Manakala masalah sasaran dakwah terbahagi dua iaitu masalah sasaran dakwah non-Muslim dan masalah sasaran dakwah muslim. Masalah sasaran dakwah non-muslim ialah masalah kedegilan dan penentangan sekeras-kerasnya dakwah yang disampaikan, masalah sasaran dakwah yang sanggup menyiksa, memulau dan membunuh serta sikap prejudis terhadap agama Islam. Manakala masalah sasaran dakwah muslim ialah sasaran terpengaruh dengan budaya kehidupan barat, masalah ajaran sesat dan sikap masyarakat terhadap dakwah Islamiah.

Manakala Buttrick, David G¹⁶ telah menulis jurnal yang memfokuskan masalah-masalah yang dihadapi oleh pendakwah dalam kebangkitan dakwah Kristian. Antaranya pendakwah sukar membuktikan sama ada peristiwa kebangkitan yang terdapat dalam

¹⁶ Buttrick, David G., (2011), "Interpretation: A Journal of Bible & Theology", (Vol.65, no.1, Januari 2011), 56-67.

petikan-petikan Bible adalah fakta atau lagenda. Terdapat pelbagai tafsiran kitab Bible tentang kebangkitan Jesus Kristus dan kehidupan selepas kematian di alam akhirat yang menyebabkan pendakwah menjadi keliru dan kurang keyakinan diri.

Artikel jurnal ini disokong oleh David Allis¹⁷ yang bertajuk *The Problems With Preaching* menyebut terdapat beberapa permasalahan dalam penyampaian dakwah Kristian. Antaranya dakwah yang disampaikan oleh paderi biasanya tidak membuka peluang untuk sesi soal jawab, perbincangan atau perbahasan dari kalangan pendengar. Khutbah jarang sekali memberi kesan dan membawa perubahan jangka panjang dalam kehidupan individu. Masyarakat hanya bergantung kepada penyampaian di gereja setiap minggu dan tidak berusaha secara peribadi untuk mempelajari Kitab Bible. Penyampaian Kitab Bible lebih kepada seminar motivasi dan ia menggambarkan tujuan perkumpulan orang Kristian hanyalah sebagai ibadat secara korporat semata. Manakala bayaran kepada paderi yang menyampaikan khutbah mingguan adalah sangat mahal sedangkan ajaran Bible menggalakkan kehidupan bersederhana dan banyak membantu orang miskin. Khutbah gereja juga membosankan dan tidak produktif kerana ramai pendakwah tidak dapat mengaitkan isi bible dengan isu-isu baru dalam kehidupan moden.

Syed Abdul Rahman Syed Hussin¹⁸ telah menulis jurnal yang bertajuk *Permasalahan Ummah dan Dakwah Masa Kini* telah merumuskan beberapa permasalahan dakwah di Malaysia. Antaranya tidak mempunyai perancangan yang komprehensif, tiada penyelidikan yang terperinci, pendakwah tidak mempunyai gaya bahasa penyampaian yang berkesan, lemah penguasaan ilmu dalam kalangan pendakwah, dakwah hanya berfokus

¹⁷ David Allis, "The Problem With Preaching", dicapai 3 Jun 2012", <http://www.hrscn.org>.

¹⁸ Syed Abdul Rahman Syed Husin (1990), *Permasalahan Ummah dan Dakwah Masa Kini*, (Koleksi Persidangan Seminar Kerohanian dan Dakwah, Universiti Malaya), h. 1-9.

kepada orang Melayu sahaja dan terpengaruh dengan ideologi barat. Ini jelas membuktikan bahawa permasalahan dakwah berkisar dalam tiga elemen utama iaitu pengurusan, pendakwah dan sasaran dakwah. Seterusnya beliau mencadangkan beberapa penyelesaian dakwah yang konkrit. Dalam konteks pengurusan beliau mencadangkan agar media massa berperanan untuk menyebarkan dakwah seluas mungkin. Di samping semua pihak yang berkepentingan agama saling bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti Islam. Senergi ini perlu diperkukuhkan agar kesan dakwah dapat dioptimumkan. Selain itu pendakwah mestilah mampu menguasai ilmu agar pendekatan terkini dan kontemporari dapat dilaksanakan seiring dengan situasi zaman. Justeru, menjadi tanggungjawab pendakwah juga untuk menyedarkan umat Islam mengenai peranan dan tugasnya sebagai sebaik-baik umat. Manakala sasaran dakwah pula beliau mencadangkan agar memberi fokus kepada pembinaan identiti individu muslim seperti pemantapan jati diri agar tidak mudah putus asa dan menanamkan harapan masa depan Islam yang gemilang. Namun, perbincangan beliau masih terlalu umum tanpa memberi fokus kepada permasalahan dakwah pelajar khususnya masalah pelaksanaan dan penerimaan dakwah.

Terdapat juga kajian yang membahaskan masalah pelaksanaan program dakwah. Ini dapat diperhatikan kajian oleh Mohamad Zaki Hamid¹⁹ yang bertajuk *Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor: Kajian tentang pelaksanaan Program dakwah dan keberkesanannya* menjelaskan bahawa masalah pelaksanaan program dakwah boleh dilihat dari dua aspek penting yang melibatkan institusi dakwah dan sasaran dakwah. Masalah yang melibatkan institusi dakwah ialah ialah masalah pengurusan organisasi, sumber kewangan, petugas dakwah dan metode dakwah. Manakala masalah sasaran dakwah ialah

¹⁹ Mohamad Zaki Hamid, "Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor: Kajian tentang pelaksanaan Program dakwah dan keberkesanannya."(disertasi Sarjana Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009), 63-70.

komunikasi, penglibatan dan penyertaan pelajar dalam program. Kajian mendapati ciri-ciri program dakwah yang berkesan ialah pengurusan yang baik dan sistematik, isi kandungan dakwah yang menarik, pendekatan dakwah yang tepat, bersumberkan al-quran dan al-sunnah, kepimpinan yg tegas dan bijak serta matlamat dakwah yang jelas.

Namun terdapat juga kajian mengenai dakwah pelajar secara umum tetapi sangat sedikit bilangannya. Contohnya kajian Riduan Mohamad Nor²⁰ dalam bukunya yang bertajuk *Potret Perjuangan Mahasiswa Dalam Cerminan Dekad* menjelaskan faktor-faktor berlakunya kemerosotan gerakan mahasiswa Islam di kampus sepanjang sejarah perjuangan mahasiswa di Malaysia. Antaranya budaya selesa (*comfort zone*) pelajar sehingga mereka tidak kritis akibat kurang membaca, isu militansi yang muncul pada awal alaf baru yang dijadikan alasan oleh pihak universiti untuk mengawal kampus dan aliran pergerakan pelajar, pilihanraya kampus yang telah dipenuhi dengan ugutan, ketidakadilan serta manipulasi pihak HEP dan laporan media tentang mahasiswa yang terlibat dengan kegiatan negatif seperti penagihan dadah, plagiat, industri seks dan budaya hedonisme yang melunturkan rasa hormat terhadap pelajar-pelajar kampus. Namun, buku ini hanya menerangkan permasalahan pelajar di kampus, berbeza dengan kajian ini yang membicarakan tentang permasalahan dakwah kampus khususnya masalah pelaksanaan dan penerimaan dakwah dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan sorotan kajian di atas, kajian mendapati terdapat kekurangan kajian berkaitan masalah dakwah pelajar di universiti. Oleh yang demikian kajian ini dilakukan

²⁰ Riduan Mohamad Nor, *Potret Perjuangan Mahasiswa Dalam Cerminan Dekad* (Kuala Lumpur:Jundi Resources, 2007), 94-100.

dengan tujuan untuk meninjau masalah pelaksanaan dakwah dan penerimaan pelajar khususnya di Universiti Selangor.

1.6. Metodologi Kajian

Metode adalah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti.²¹ Ia merupakan elemen penting bagi menentukan kejayaan sesuatu kajian kerana ia merupakan etika bagi menjejaki jawapan kepada sesuatu persoalan yang ingin dikemukakan. Bagi mendapatkan hasil kajian yang baik dan tepat, kajian menggunakan dua sumber metodologi secara bersepadu dalam penulisan disertasi ini iaitu metodologi pengumpulan data dan penganalisan data.

1.6.1. Metode Pengumpulan Data

Data ialah apa jua maklumat dalam apa jua bentuk yang dikumpul dengan tujuan untuk dianalisis. Secara umumnya data boleh dikategorikan kepada kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif adalah data dalam bentuk angka seperti bilangan, kekerapan, pecahan dan peratus yang dihasil melalui kaedah yang melibatkan proses penghitungan seperti soalselidik dan observasi. Data kualitatif ialah data dalam bentuk maklumat yang terhasil dari sumber-sumber yang dikenalpasti sesuai dengan keperluan kajian berkenaan.²²

²¹ Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005), 1030.

²² Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, (Selangor : Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 68.

Dalam proses pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan oleh kajian, metode yang diaplikasikan ialah kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

a. Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan amat perlu dalam konteks memahami landasan teori dan skop kajian. Kajian membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah memperoleh maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilaksanakan.²³ Bagi tujuan ini kajian telah menggunakan perkhidmatan perpustakaan bagi mendapatkan maklumat terutamanya yang berkaitan dengan takrifan serta segala maklumat yang menjurus kepada huraian bab satu, dua dan tiga. Data-data diperolehi sama ada melalui sumber-sumber rujukan seperti buku-buku, ensiklopedia, jurnal, tesis dan prosiding atau kertas-kertas persidangan yang telah dibentangkan dalam seminar. Bagi memenuhi keperluan tersebut kajian menggunakan beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Kajian juga mendapatkan dokumen dan beberapa buah risalah daripada Pusat Islam dan HEP UNISEL yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan terhadap pelajar-pelajar serta bahan-bahan yang

²³ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, (Malaysia: Mc Graw Hill, 2006), 1: 35.

berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan kajian ini sebagai maklumat tambahan.

b. Kajian Lapangan

Kajian lapangan merupakan satu penyelidikan yang dilakukan dalam keadaan atau situasi yang realistik. Ia merupakan kajian yang sering digunakan dalam kajian sains sosial dan pendidikan. Kajian ini menggambarkan berlakunya keadaan sebenar dan tingkah laku semula jadi.²⁴ Pengkaji perlu berada di tempat kajian dalam masa dan keadaan tertentu untuk memerhati dan mengadakan penyelidikan secara langsung terhadap sampel kajian yang dipilih. Kajian yang dilakukan berlokasi di Universiti Selangor (UNISEL). Kajian telah mengaplikasikan beberapa metode bagi menyempurnakan kajian ini iaitu:

i. Metode Soalselidik

Kajian menggunakan metode soalselidik bagi mendapatkan data-data dan reaksi yang sebenarnya daripada responden. Soalselidik mengandungi soalan yang telah dibentuk khas untuk mengumpul data kajian. Soalan diatur dan digubal dengan teliti supaya responden

²⁴ Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, cet. ke- 4 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 125.

merasa selesai dan boleh mengingat semula perkara-perkara yang telah berlaku yang dikehendaki oleh penyelidik.²⁵

Kebanyakan soalselidik digunakan untuk mengukur persepsi, sikap, motivasi, emosi, perasaan, pandangan dan istilah-istilah yang boleh dirangkumkan sebagai nilai afektif. Tingkahlaku afektif boleh dikelaskan kepada beberapa kategori yang melambangkan nilai daripada segi hierarki atau kepentingan. Seseorang itu boleh dikelaskan sebagai sangat berminat atau kurang minat terhadap sesuatu perkara. Membina soalan dengan menggunakan pengkelasan mengikut kategori dapat membantu kita membuat penilaian yang lebih konkrit.²⁶

Cara yang baik untuk mula menulis soalselidik ialah membayangkan sumber-sumber yang mungkin menyebabkan berlakunya kesilapan dan faktor-faktor responden gagal menjawab sesuatu item dengan baik. Antaranya seperti kekaburan soalan, soalan yang mempunyai dua maksud dan penyusunan kata dalam soalan.²⁷ Oleh itu, untuk mendapatkan data yang boleh dipercayai, soalselidik hendaklah distruktur dengan teliti.²⁸

²⁵ Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi-Suatu Pengenalan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983), 55.

²⁶ Mohd Najib A. Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*, (Universiti Teknologi Malaysia, 1998), 89.

²⁷ Kenneth D. Bailey, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, terj. Hashim Awang, cet. ke-1, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 165.

²⁸ Deobold P. Van Dalen, *Memahami Penyelidikan Pendidikan*, terj. Abdul Fatah Abdul Malik et al., ed. 2 (Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia, 1999).

Soalselidik dilakukan dalam kajian ini, untuk mendapat maklumat tentang latar belakang pelajar, keperluan dakwah pelajar serta penerimaan dakwah dalam kalangan pelajar-pelajar Muslim UNISEL. Bagi memastikan metode ini terlaksana dengan baik, kajian mengadakan pendekatan seperti berikut:

- Mengedarkan borang soalselidik
- Membaca dan menerangkan setiap item kepada responden
- Meminta mereka menjawab soal selidik tersebut
- Mengembalikannya pada masa yang sama
- Kajian akan menganalisa data tersebut sebelum membuat kesimpulan.

Justeru, sebelum penyelidikan sebenar dilaksanakan, kajian rintis (*pilot-test*) dijalankan untuk memastikan bahawa kaedah yang digunakan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.²⁹ Kajian rintis juga dikenali sebagai “kajian mini”, “kajian kebolehlaksanaan” atau “kajian kemunasabahan”. Ia merupakan bahagian penting bagi sebuah kajian yang baik.³⁰ Pengkaji perlu mengetahui sejauh mana kajian yang dijalankan itu tepat dan sah dalam cara pengukurannya.³¹ Antara tujuan kajian rintis adalah untuk mendapat maklumbalas daripada pelajar yang menjawab agar item-

²⁹ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Overview*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, t.t), 48.

³⁰ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan.*, 257.

³¹ Syed Arabi Idris, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi*, 153.

item dan soalan-soalan dapat dimurnikan. Kajian telah membina soalselidik dengan tunjuk ajar dari penyelia setelah beberapa siri perbincangan dan pembetulan yang dilakukan.

Penyelidikan rintis telah dijalankan terhadap 30 responden pelajar Taylors University College Lake Side Campus, Subang Jaya pada Jun 2012. Kumpulan pelajar tersebut dipilih berdasarkan latar belakang demografi yang hampir serupa dengan responden kajian seperti taraf pendidikan, keadaan sosial dan budaya. Soalselidik diedarkan terhadap 30 pelajar yang pernah mengikuti program dakwah yang dianjurkan oleh Muslim Student Association (MSA), Taylors Lakeside Campus. Setelah penyelidikan rintis ini dijalankan dapatan penyelidikan ini telah digunakan untuk memperbaiki soalselidik khususnya dari segi kandungan item dan bahasa yang digunakan.

Setiap soalselidik yang dijalankan mestilah diuji bagi memastikan tahap kebolehpercayaannya. Respons dari soalselidik dimasukkan ke dalam program *Statistical Package For Social Science (SPSS) 13.0 for windows* untuk menentukan kekentalan instrumen. Ujian kesahan dan kebolehpercayaan atau *reliability* soalselidik ini dianalisis dengan menggunakan nilai *alpha cronbach*. Jika nilai alpha adalah lebih 0.5, ia boleh diterima sebagai skala

pengukuran terhadap apa yang sepatutnya hendak diukur.³² Jadual 1.1 menunjukkan indeks ketekalan bagi keseluruhan variable utama dalam ujian rintis bagi soalselidik ini.

Jadual 1.1
Nilai Ketekalan Instrumen

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.970	.971	40

Summary Item Statistics

	Mean	Minimum	Maximum	Range	Maximum / Minimum	Variance	N of Items
Item Means	4.136	3.467	4.533	1.067	1.308	.077	40
Item Variances	.926	.461	1.913	1.452	4.150	.116	40
Inter-Item Correlations	.454	-.195	.895	1.090	-4.581	.037	40

The covariance matrix is calculated and used in the analysis.

Jadual 1.1 menunjukkan nilai ketekalan alpha adalah 0.971. Menurut Peter Tryfos³³ semakin hampir nilai alpha cronbach sesuatu soalselidik itu kepada 1.00 semakin tinggi nilai kebolehpercayaannya. Justeru nilai yang didapati menunjukkan kebolehpercayaan instrumen ini amat baik. Ini membolehkan set soalselidik tersebut boleh digunapakai untuk kajian sebenar.

³² Peter Tryfos, *Sampling Methods For Applied Research*, ed..1 (Canada: J Carey Publishing Service, 1996), 64.

³³ *Ibid.*

ii. Metode Persampelan

Persampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Persampelan merupakan satu aspek penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian.³⁴ Bagi kajian kuantitatif, saiz sampel yang tepat boleh ditentukan dengan menggunakan prosedur-prosedur pengiraan tertentu. Pengiraan dilakukan berdasarkan kepada ralat persampelan dan aras kebolehpercayaan. Pada kebanyakan kajian, ralat persampelan yang paling besar yang dibenarkan ialah 5%, iaitu pada aras kebolehpercayaan 95.0%.

Kajian ini menggunakan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan dalam menentukan jumlah sampel kajian. Oleh kerana jumlah populasi kajian ialah 7591 pelajar Muslim UNISEL, maka populasi kajian yang telah ditetapkan dalam jadual ini adalah seramai 367 orang. Responden yang akan dikaji adalah semua pelajar yang mengambil mata pelajaran wajib Pengajian Islam. Ini bagi mengelakkan responden yang sama dipilih sebagai subjek kajian. Pengkaji menggunakan jenis persampelan rawak mudah untuk memastikan setiap subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian.

³⁴ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, 179.

iii. Metode Temu Bual

Penggunaan teknik temu bual sesuai digunakan untuk memperolehi maklumat yang lebih tepat dan lebih banyak daripada unit kajian meskipun perbelanjaannya mungkin lebih tinggi.³⁵ Melalui kaedah ini, kajian berpeluang menerangkan maksud tinjauan, menerangkan soalan yang susah dan menukar cara menyoal mengikut reaksi responden. Seluruh kejayaan temubual ini bergantung kepada cara interaksi itu berlangsung. Oleh yang demikian suasana semasa temu bual berjalan amatlah penting.³⁶

Antara kelebihan temubual ialah penemubual dapat mencatatkan jawapan secara spontan. Responden tidak mempunyai peluang untuk menarik balik jawapannya yang pertama dan menulis jawapan yang lain seperti yang dapat dilakukan dalam soal selidik. Jawapan yang spontan mungkin mengandungi lebih banyak maklumat dan tidak normatif seperti jawapan semasa responden mempunyai masa untuk memikirkannya.³⁷ Melalui ekspresi muka dan badan responden serta nada suaranya, penemubual mendapat maklumat yang tidak boleh disampaikan melalui jawapan bertulis. Petunjuk-petunjuk pendengaran dan penglihatan ini membantu

³⁵ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, cet. ke-6 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 21.

³⁶ Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, 53.

³⁷ Kenneth D. Bailey, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, 285.

penyelidik menentukan rentak dan nada perbincangan sulit untuk mencungkil maklumat peribadi dan rahsia.³⁸

Beberapa sarjana telah mengemukakan tiga syarat bagi membolehkan temu bual dilakukan dengan jayanya iaitu keupayaan mendapatkan maklumat, kefahaman responden dalam proses temu bual dan motivasi bagi responden untuk menjawab dengan benar.³⁹

Kajian menggunakan metode temu bual ini untuk mendapatkan maklumat secara terus dan telus dari informan supaya dapat memberi maklumat mendalam berkaitan persepsi mahasiswa dan mahasiswi terhadap program-program dakwah yang dilaksanakan oleh Pusat Islam dan Unit Usrah. Kajian menggunakan pita rakaman semasa temubual sebagai alat pembantu kelancaran temubual supaya setiap jawapan kepada persoalan dapat dirumus dengan tepat.

Dalam kalangan pihak pentadbir universiti, kajian menemubual Pengarah Pusat Islam iaitu Tuan Haji Mokhtar Ridzwan. Kajian menemubual beliau berdasarkan peranan dan aspirasi pihak universiti dalam mencorak pelajar. Selain itu, temu bual juga dilakukan terhadap kakitangan Pusat Islam serta Unit Usrah yang terlibat di dalam pengendalian program-program dakwah

³⁸ Deobold P. Van dalen, *Memahami Penyelidikan Pendidikan*, 148.

³⁹ Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi*, 70.

tersebut bagi membolehkan kajian mengamati permasalahan dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Dengan berbuat demikian, kajian dapat meninjau dan mengetahui sikap kakitangan terhadap mahasiswa dan program yang dianjurkan secara keseluruhan. Di samping itu juga, kakitangan diminta menjelaskan objektif setiap program dan kaedah pelaksanaan aktiviti dakwah tersebut di dalam mengubah dan menambah minat mahasiswa dan mahasiswi kepada Islam.

Kajian juga menemubual ketua-ketua pelajar untuk mengetahui masalah pelaksanaan dakwah pelajar ketika mereka menganjurkan program-program berbentuk dakwah. Justeru, kajian dapat menilai masalah pelaksanaan dakwah secara lebih telus dan terperinci dari perspektif pelajar.

iv. Metode Pemerhatian (Observasi)

Kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang paling anjal kerana seseorang itu boleh menjalankan kajian tanpa sebarang soalan dan 'kayu pengukur'. Penyelidik hanya perlu mencatatkan sebarang pemerhatian penting yang berkaitan dengan kehendak penyelidikan.⁴⁰

⁴⁰ Mohd Najib A. Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*, 105.

Ia juga merupakan teknik asal bagi pengumpulan data tentang tingkah laku bukan verbal. Sungguhpun pemerhatian kerap kali melibatkan pandangan atau pancaindera-pancaindera lain seperti pendengaran, sentuhan atau bau.⁴¹

Pemerhatian boleh dilakukan sama ada secara senyap-senyap iaitu subjek tidak menyedari bahawa mereka sedang diperhatikan, atau secara terbuka iaitu subjek menyedari bahawa mereka sedang diperhatikan. Masalah utama pemerhatian terbuka ialah ia mungkin reaktif, iaitu ia mungkin menyebabkan subjek-subjek merasai tidak selesa dan menyebabkan mereka bertindak berlainan daripada biasa di kala mereka tidak dalam pemerhatian.⁴²

Perancangan observasi bermula dengan penyelidik mengenalpasti pembolehubah kajiannya iaitu ciri, nilai dan aspek yang menjadi fokus pemerhatiannya berdasarkan pengetahuan yang sedia ada atau teori yang dirasakan boleh membantu dalam memahami subjek kajiannya. Pemerhatian dalam observasi hendaklah secara objektif, iaitu penyelidik mengenyahkan nilainya dan memfokuskan kepada subjek kajiannya secara telus tanpa mewarnainya dengan apa-apa tafsiran.⁴³

⁴¹ Kenneth D. Bailey, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, 390.

⁴² *Ibid*, 398.

⁴³ Idris Awang (2009), *Kaedah Penyelidikan*, 74.

Dalam penyelidikan ini metode observasi secara senyap digunakan untuk melihat perlakuan dan tindakbalas pelajar serta sambutannya terhadap aktiviti-aktiviti dakwah pelajar yang dilaksanakan UNISEL. Dengan ini kajian dapat menghayati secara langsung apa yang dilaksanakan dan dapat bersama responden bagi mencapai hasil kajian yang terbaik.

1.6.2. Metode Analisa Data

Metode analisa data merupakan pengolahan terhadap segala data-data dan maklumat yang diambil dari responden untuk mencapai satu keputusan terhadap kajian yang dibuat. Tujuan analisis data ialah bagi mendapatkan jawapan kepada soalan kajian. Kajian harus menentukan soal selidik telah dijawab secara sempurna dengan tidak terdapat penipuan. Jumlah responden dan jenis responden yang diperoleh adalah seperti yang ditentukan oleh objektif kajian. Data-data yang terdapat dalam soal selidik perlu diterjemahkan untuk mudah dilakukan analisis.⁴⁴

Kajian ini menggabungkan di antara metode kuantitatif dan kualitatif deskriptif secara kolektif. Kaedah kuantitatif diaplikasikan bagi mengukur keperluan dakwah pelajar serta penerimaan mereka terhadap program dakwah. Data numeratif kajian ini melibatkan peratus kekerapan yang diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan. Setiap item dalam soal selidik akan dihuraikan bagi memastikan setiap permasalahan yang diutarakan akan terjawab dengan jelas. Untuk melengkapkan kajian, kaedah kualitatif deskriptif pula digunakan bagi

⁴⁴ Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi*, 164.

menghuraikan data-data yang diperolehi melalui observasi dan temubual yang dijalankan terhadap para pentadbir dan pimpinan pelajar yang terlibat secara langsung di dalam usaha melaksanakan dakwah pelajar di UNISEL.

Bagi tujuan penyelidikan ini, kajian telah menyediakan satu set soal selidik yang bertujuan untuk melihat keperluan dakwah dalam kalangan pelajar dan penerimaan pelajar terhadap program dakwah. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A soal selidik ini adalah untuk mengetahui latar belakang responden, Bahagian B pula berperanan untuk meneliti faktor keperluan dakwah dalam kalangan pelajar dan Bahagian C mengkaji faktor penerimaan pelajar terhadap program dakwah.

Soal selidik ini menggunakan dua kaedah penentuan tindak balas daripada responden iaitu dengan menggunakan soalan jenis objektif dan juga permarkahan lima peringkat mengikut Skala Likert. Skala tersebut ialah 1 adalah sangat tidak setuju, 2 adalah tidak setuju, 3 adalah sederhana setuju, 4 adalah setuju dan 5 adalah sangat setuju.

Pada tahap akhir penyelidikan, kajian telah menyusun dan menstrukturkan semula data yang dianalisis dan dihuraikan dalam bentuk jadual dan format yang bersesuaian.

Selain daripada pengumpulan data secara kuantitatif, kajian juga melakukan pengumpulan data secara kualitatif iaitu melalui satu set temubual separa

berstruktur. Temubual bentuk ini bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik.⁴⁵

Kajian menggunakan kaedah kualitatif deskriptif iaitu pendekatan penyelidikan yang memaparkan keadaan responden yang melalui kehidupan atau realiti semasa. Menurut Patton laporan penyelidikan seperti ini akan cuba memberi gambaran secara terperinci bagaimana responden berinteraksi dengan kehidupan mereka.⁴⁶ Dalam kajian ini pendekatan dakwah kepada pelajar, pelaksanaan program dakwah dan masalah dakwah pelajar di UNISEL akan dianalisis dalam bentuk naratif untuk mengenalpasti sesuatu faktor dengan tepat dan hampir dengan keadaan sebenar. Maklumat yang dikumpulkan dalam kajian ini seharusnya berupaya menyelami masalah yang dialami oleh staf Pusat Islam dalam melaksanakan dakwah terhadap pelajar.

1.7. Sistematika Penulisan

Melalui sistematika kajian, penyelidikan ini telah dibahagikan kepada lima bahagian utama. Pembahagian ini bagi memudahkan pengkaji membuat dan menyediakan satu kajian melalui perbincangan dan perbahasan mengenai topik-topik kajian dengan lebih teratur, sistematik dan kemas.

⁴⁵ Merriem S.B., *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*, ed. 2, (San Francisco: Jossey-Bass, 1998), 23.

⁴⁶ Patton, M.Q., *Qualitative Evaluation and Research Methods* (London: Thousand Oaks, New Delhi Sage Publications, 1990), 12.

Bab pertama kajian ini dikenali dengan bab pendahuluan. Bab ini menyentuh latar belakang dan pernyataan masalah sebagai landasan penting kepada kajian di mana dalam hal ini kajian menekankan secara ringkas tentang peranan universiti dalam menyampaikan dakwah terhadap golongan pelajar serta cabaran dalam usaha mengembangkan potensi dakwah dalam kalangan pelajar UNISEL. Bab ini juga memberi penjelasan berkenaan tempat kajian yang menjelaskan faktor kajian memilih UNISEL sebagai fokus kajian. Objektif kajian juga dipaparkan untuk menampakkan hasil kajian yang akan dicapai dengan membataskan skop kajian agar tidak menjadikan perbincangan terlalu luas. Di samping itu disenaraikan kajian-kajian lepas untuk menyatakan bahawa kajian yang dibuat oleh penyelidik adalah satu kajian yang baru. Di bahagian akhir bab ini, kajian menerangkan metodologi kajian yang diaplikasikan dalam mengumpulkan maklumat bagi melengkapkan data kajian.

Dalam bab dua, kajian menumpukan kerangka teori tentang masalah pelaksanaan dakwah terhadap pelajar. Kajian membahagikan perbincangan kepada tiga bahagian iaitu pendekatan dan program-program dakwah yang dilaksanakan terhadap pelajar, masalah pelaksanaan dakwah dan faktor kejayaan dan kegagalan program dakwah. Manakala perbincangan bahagian ketiga tertumpu kepada keperluan dakwah kepada pelajar dan penerimaan mereka terhadap dakwah.

Bab ketiga pengkaji memfokuskan kajian berkaitan dakwah pelajar di UNISEL. Kajian mengkaji latar belakang keadaan pelajar, usaha-usaha dakwah yang dilakukan oleh badan-badan dakwah UNISEL serta pendekatan dakwah yang digunakan bagi melaksanakan program dakwah terhadap pelajar. Pengkaji juga merungkai masalah

pelaksanaan dakwah terhadap pelajar berdasarkan temubual dengan pentadbir dan pelaksana.

Bab keempat kajian menumpukan penyelidikan ini dengan memperincikan analisa kajian berkaitan penerimaan dakwah dalam kalangan pelajar UNISEL. Data-data dan maklumat diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada sebahagian pelajar sebagai sampel kajian. Analisa dibuat berdasarkan latar belakang responden dan masalah penerimaan dakwah terhadap pelajar.

Bab lima, kajian membuat kesimpulan dan memberikan beberapa cadangan terbaik yang difikirkan oleh pengkaji berdasarkan kepada sambutan dan masalah dakwah pelajar di UNISEL. Kesimpulan yang dibuat adalah hasil daripada kajian yang dijalankan. Begitu juga dengan cadangan-cadangan tersebut adalah bagi memperlihatkan kepada pihak yang bertanggungjawab berkaitan dengan permasalahan dakwah pelajar di UNISEL. Ini bagi memantapkan lagi usaha badan-badan dakwah UNISEL kepada pelajar. Dengan ini pihak UNISEL dapat menggiatkan usaha dakwah yang lebih baik dari semasa ke semasa.

BAB 2

MASALAH PELAKSANAAN DAN PENERIMAAN DAKWAH TERHADAP PELAJAR

2.0 Pendahuluan

Masalah pelaksanaan dakwah sering berlaku kepada para pendakwah sepanjang zaman. Sejarah telah merakamkan betapa berat ujian yang telah diterima oleh beberapa orang rasul dalam menyampaikan dakwah kepada kaumnya sehingga mereka digelar *ulul ‘azmi* yang bermaksud, mereka yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati. Kenyataan ini digambarkan dalam firman Allah SWT:

فَأَصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُو الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ

Al-Aḥqāf 46: 35

Terjemahan: (jika demikian akibat orang kafir yang menentangmu Wahai Muhammad) maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya Rasul-rasul "Ulil-‘Azmi" (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu)

Pendapat yang masyhur dalam kalangan ulamak menyatakan bahawa rasul-rasul yang mendapat gelaran *ulul ‘azmi* ialah, nabi Nuḥ, nabi Ibrāhīm, nabi Mūsā, nabi ‘Īsā dan nabi Muḥammad SAW.⁴⁷ Mereka telah diejek, disakiti dan dilempar dengan batu namun masih tetap teguh dalam menyebarkan risalah Islam tanpa jemu dan berputus asa.

⁴⁷ Sayyīd Sābiq, *Akidah Islam Menurut al-Qur’ān dan Ḥadīth*, terj. Rangkaian Berkat Sdn. Bhd. & Pustaka Salam Sdn. Bhd. Rangkaian Berkat Sdn. Bhd. & Pustaka Salam Sdn. Bhd., 2005), 238.

Rasūlullāh SAW juga pernah diejek dengan gelaran orang gila. Ini dibuktikan oleh firman Allah SWT:

وَإِنْ يَكَادُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَيُزْلِقُونَكَ بِأَبْصَرِهِمْ لَمَّا سَمِعُوا الذِّكْرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُ

لَمَجْنُونٌ

Al-Qalam 68: 51

Terjemahan: Dan sesungguhnya orang yang kafir itu, hampir-hampir menggelincir dan menjatuhkanmu dengan pandangan mereka (yang penuh dengan permusuhan dan kebencian), semasa mereka mendengar Al-Qur'an sambil berkata: "Sebenarnya (Muhammad) itu, sungguh-sungguh orang gila".

Menurut Al-Zamakhshārī, orang musyrikin memanggil Rasūlullāh SAW gila kerana kebencian dan kedengkian mereka di atas perlantikan Rasūlullāh sebagai nabi yang diutuskan untuk berdakwah kepada manusia.⁴⁸ Namun Rasūlullāh SAW tetap bersabar dan tidak pernah meminta agar disegerakan azab terhadap kaumnya.

Masalah dakwah tidak terhenti dengan wafatnya Rasūlullāh SAW tetapi ia berpanjangan sehingga kini. Ramai pendakwah yang terpaksa berhadapan dengan musuh sama ada dalam kalangan umat Islam sendiri mahupun daripada bukan Islam.

⁴⁸ Wahbah al-Zuhaylī, Al-Tafsīr Al Munīr, ed.1, (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'asir, 1991), 29:76.

Tumpuan perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan masalah pelaksanaan dakwah yang diutarakan oleh Al-Qur'an dan tokoh-tokoh dakwah Islam secara umum. Seterusnya penulis memfokuskan perbincangan kepada permasalahan pelaksanaan dakwah dalam kalangan pelajar berdasarkan sorotan pandangan yang diutarakan oleh tokoh-tokoh dakwah semasa. Tujuannya adalah untuk mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan kepentingan tajuk yang diselidiki di samping mengukuhkan penyelidikan lain yang berkaitan dengan subjek kajian.

2.1. Definisi Dakwah

Dalam bahasa Arab, dakwah terbit dari perkataan *al-da'wah*. Perkataan *al-da'wah* dalam *Mu'jam Al-Wāsiṭ* bermaksud menyeru seseorang.⁴⁹ Manakala *Lisān al-'Arab* pula mendefinisikan *al-da'wah* dengan pelbagai pengertian seperti mengajak dan menyeru.⁵⁰

Kamus Dewan pula mendefinisikan dakwah sebagai kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Manakala berdakwah pula ialah menjalankan kegiatan menyebarkan sesuatu kepercayaan.⁵¹

Perkataan dakwah dalam *The Encyclopedia of Islam* bermaksud ajakan dan seruan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah SWT dan para rasulNya supaya beriman dan yakin kepada agama yang benar iaitu agama Islam.⁵²

⁴⁹ Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *Mu'jam Al-Wāsiṭ*, (Istanbul: *Mu'assasah Thaqāfah Lil Taklīf Wa Ṭaba'ah Wa Nashr Wa Tawzi'*, 1989), 287.

⁵⁰ Abū al-Fardī Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram Ibn Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī, (*Lisān al-'Arab* t.t.,1968), 14:260.

⁵¹ *Kamus Dewan*, 305.

⁵² B. Lewis et al., (*The Encyclopedia of Islam*, t.tp., 1965), 2:5.

Pengertian dakwah di atas juga mempunyai persamaan dengan takrifan yang dikemukakan oleh ‘Abd Karīm Zaydān yang berpendapat, dakwah ialah panggilan kepada Allah SWT ataupun seruan kepada agama Islam.⁵³ Manakala Yūsuf al-Qarḍāwī mentakrifkan dakwah sebagai usaha membawa orang lain kepada Islam supaya mengikut petunjuk agama ini iaitu melaksanakan ketetapanNya di muka bumi. Di samping mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan serta ketaatan hanya kepada Allah SWT. Melepaskan diri dari belenggu selain Allah SWT dan memberi hak kepada orang yang ditentukan haknya oleh Allah SWT. Menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad pada jalanNya.⁵⁴

Definisi tersebut berpandukan firman Allah SWT dalam surah Āli ‘Imrān 3:83.

أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ

يُرْجَعُونَ

Terjemahan: Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu, mereka mencari lain dari agama Allah? Padahal kepadaNyalah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa, dan kepadanya lah mereka dikembalikan.

Pendapat di atas diperkukuhkan lagi dengan pendapat ‘Ali ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd yang menjelaskan bahawa dakwah ialah seruan untuk beriman kepada Allah SWT dan beriman kepada apa yang dibawa oleh rasul dengan cara membenarkan apa yang mereka

⁵³ ‘Abd Karīm Zaydān, Uṣūl al-Da‘wah, ed. 5 (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1967), 5.

⁵⁴ Yūsuf al-Qarḍāwī, Thaḳāfah al-Da‘iyah, (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1978), 5.

khabarkan dan metaati apa yang mereka perintah dan larangi.⁵⁵ Pandangan ini juga selari dengan Dr. Ṭāwfiq al-Wa‘i yang mendefinisikan dakwah sebagai usaha mengajak manusia melalui kata dan tindakan ke arah Islam, melaksanakan ajaran Islam serta melaksanakan syariat Islam.⁵⁶

Semua definisi di atas boleh dirangkumkan dalam satu definisi yang amat luas iaitu dakwah menyeru manusia mengesakan Allah SWT, mengakui dua kalimah syahadah, melaksanakan ajaran Allah SWT di bumi melalui kata dan tindakan sepertimana yang dinyatakan dalam al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah SAW agar akhirnya meletakkan seluruh agama itu kepada Allah SWT. Ini bermakna dakwah ialah menyeru bukan Islam kepada Islam dan menyeru umat Islam supaya melaksanakan Islam, berusaha menegakkan syariat dan ajaran Islam di muka bumi dengan menyuruh manusia melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran supaya manusia memperolehi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

⁵⁵ ‘Ali ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *al-Da‘wah Ilā Allah*, (al-Qāherah: Dār al-Wafā’, 1990), 7.

⁵⁶ Ṭawfiq al Waī, *Dakwah: Seruan Menuju Allah*, 11.

Rajah 2.1

Pendekatan Dakwah



2.2. Pendekatan dakwah

Dr Abdul Karim Zaydan menjelaskan pendekatan yang berkesan bermula dengan mengenal pasti penyakit yang dialami oleh sasaran dakwah kemudian mencari ubatnya.⁵⁷

Dalam surah al-Nahl ayat 125 pula menyatakan beberapa pendekatan dakwah sebagai panduan yang perlu diikuti oleh setiap pendakwah. Firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْ لَهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Manakala Sayyid Quṭb menghuraikan bahawa pendekatan dakwah menurut ayat ini terbahagi kepada tiga cara.

⁵⁷ ‘Abd Karīm Zaydān, *Uṣūl al-Da‘wah*, 405.

- Hikmah iaitu kebijaksanaan. Pendakwah perlu melihat kepada jenis sasaran dakwah dan suasana mereka, teknik seruan yang harus disampaikan dan tidak memberati mereka sebelum mereka bersedia.
- Nasihat yang baik yang boleh meresap ke dalam jiwa tanpa kekerasan untuk menjauhi maksiat dan kerosakan.
- Perdebatan dengan cara yang baik untuk menjelaskan kepada sasaran prinsip-prinsip yang logik sehingga mereka dapat memikirkannya dan tunduk kepada kebenaran.⁵⁸

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pendekatan lain dalam berdakwah yang boleh diaplikasikan oleh pendakwah seperti berikut.

2.2.1. Pembinaan Hubungan

Membina hubungan bertujuan melahirkan perasaan percaya dan terpaut dengan usaha dakwah, seterusnya melenyapkan perasaan syak wasangka terhadap Islam. Pendakwah perlu menggunakan ruang dan peluang yang ada untuk menjalin hubungan dengan sasaran mad'unya. Ini dapat membantu membina ikatan hati dan seterusnya memudahkan mereka menerima Islam.

⁵⁸ Sayyid Quṭb, *Fi Zilāl al-Qur'ān*, (Beirut: Dār al-Shurūq, 1977), 4:2201-2202.

Pendakwah perlu memiliki sifat ihsan, hati yang lembut dan penyayang terhadap sasarannya agar mereka mudah mendengar bahan dakwah yang ingin disampaikan.⁵⁹ Memang sudah menjadi lazim dan fitrah manusia, bahawa mereka akan tersentuh dan tertarik jika terdapat manusia yang mengambil berat terhadap kebajikan mereka.

Daripada ‘Abdullāh bin Amru RA berkata: Rasūlullāh SAW bersabda:

ارحموا أهل الأرض يرحمكم أهل السماء

Terjemahan: “Orang yang berkasih sayang itu dikasihi Allah, maka kasihilah orang-orang yang ada di permukaan bumi nescaya kamu dikasihi makhluk yang berada di langit.”⁶⁰

2.2.2. Berperingkat-peringkat

Dakwah haruslah dikemukakan kepada sasaran dalam keadaan yang bersesuaian dengan tahap pemikiran mereka dari semua golongan dan lapisan. Pendakwah tidak perlu menyampaikan kesemua ajaran Islam secara sekaligus dan terperinci, tetapi dakwah perlu disampaikan secara hikmah, mudah dan beransur-ansur agar mereka tidak merasa berat dan seterusnya meninggalkan Islam. Tarbiah secara beransur-ansur mampu memantapkan suatu pegangan serta mendorong rasa penghayatan. Apa yang penting ialah menanamkan keyakinan kepada Allah SWT dan menyuburkan

⁵⁹ ‘Abd Karīm Zaydān, Uṣūl al-Da‘wah, 84.

⁶⁰ Ḥadīth riwayat Muḥammad bin ‘Abdullāh al-Ḥakim An Naysābūrī, *Al-Ṣaḥīḥainī*, Dār al-Kutub Al-‘Ilmiyyah, Beirut, cet. ke-1., 1990, no ḥadīth 7274.

kecintaan kepada nabi Muḥammad SAW sebelum mengemukakan hukum-hakam dan peraturan-peraturan ibadah.

Sayyidina Jundab bin ‘Abdullāh pernah berkata:

Kami bersama Nabi SAW dan umur kami ketika itu hamper baligh. Baginda SAW mengajarkan kepada kami perkara yang berkaitan dengan keimanan sebelum mengajar al-Quran, selepas itu barulah kami belajar al-Quran dan iman kami bertambah dengannya.⁶¹

2.2.3. Mengetahui Latar Belakang Sasaran Dakwah

Para pendakwah berkewajipan berkenalan dengan sasaran dakwahnya (*mad‘u*) dengan memahami latar belakang kehidupan mereka, pemikiran dan pandangannya terhadap kehidupan ini. Mereka juga perlu mengetahui fitrah pelajar yang sukakan hiburan dan berdebat berdasarkan logik akal. Pemahaman yang mendalam tentang latar belakang *mad‘u* penting agar kita dapat mengetuk pintu hati dan menyampaikan Islam dengan mudah. Ini boleh dimulai dengan menanamkan ‘aqīdah yang kukuh di dalam jiwa mereka.

Apabila sasaran dakwah telah mula mempercayai pendakwah, maka mudahlah untuk mereka mendengar nasihat dan mengikut apa sahaja yang diperkatakan oleh juru dakwah. Para pendakwah juga perlu membina jambatan hati

⁶¹ ‘Abd Fattah Abū Ghuddah, *Al-Rasūl al-Mu‘allim wa Asālibihi fi al-Ta‘alīm*, terj. Shuhadak Mahmud, (Negeri Sembilan: M. Khairi Enterprise, 2001) Tajuk: Mengajar Secara Beransur-ansur, 107.

sehingga lahirnya kasih sayang di antara sasaran dakwahnya. Ini digambarkan melalui firmanNya;

فِيمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لَئِن لَّهُمْ^ط وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ^ط
فَاعْفُ عَنْهُمْ^ط وَأَسْتَغْفِرْ لَهُمْ^ط وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ^ط فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ^ج إِنَّ اللَّهَ

مُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Ālī ‘Imrān 3:159

Terjemahan: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah SWT (kepadamu wahai Muḥammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah SWT, Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang yang bertawakal kepadaNya.

Pada suatu ketika seorang Arab Badwi datang kepada Rasūlullāh SAW untuk bertanya mengenai Islam. Kata-kata dan tingkah lakunya amat kasar sehingga para sahabat menjadi marah sehingga ada yang mahu membunuhnya. Namun

Rasūlullāh SAW tetap tenang dan melayaninya dengan baik sehingga akhirnya Badwi tersebut bersikap sopan. Rasūlullāh SAW membawa satu perbandingan kepada sahabat-sahabatnya yang marah tadi.

Kata Rasūlullāh SAW: “Perumpamaan aku dengan orang Badwi ini umpama seorang yang mempunyai seekor unta. Satu ketika unta itu lari, lalu orang beramai-ramai mengejarnya. Tetapi semakin dikejar semakin jauh unta itu berlari. Maka tuan unta tersebut berseru kepada kepada orang yang mengejar untanya. Biarkanlah urusan aku dengan untaku, aku lebih kenal sifatnya dan lebih sayang kepadanya daripada kamu. Lalu dia dekati unta tersebut, diambilnya rumput kering sebagai umpan sehingga unta tersebut datang sendiri kepadanya lalu berlutut. Tuan unta tersebut terus memasang pelana lalu duduk di atasnya. Maka sekiranya aku biarkan kamu berdasarkan kata-kata kasar yang diucapkan orang Badwi tersebut, kamu akan membunuhnya dan dia masuk neraka dalam kesesatannya”.⁶²

Daripada maksud hadīth di atas, terdapat dua alat penghubung di antara pendakwah dan *mad‘u* iaitu pengetahuannya tentang sifat-sifat dan tabiat mereka dan rasa *mawaddah* yang ikhlas terhadap umat yang dipanggil kepada kebenaran.

2.2.4. Pemberian Hadiah

Salah satu pendekatan yang praktikal untuk menambat hati sasaran *mad‘u* ialah pemberian hadiah.

⁶² M. Natsir, *Fiqhud Da‘wah*, (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd., 1982), 227.

Daripada Abī Hurayrah berkata: Sabda Rasūlullāh SAW:

عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال تهادوا تحابوا

Terjemahan: “Berilah hadiah, kerana dengan pemberian itu dapat menyuburkan kasih sayang.”⁶³

Pemberian hadiah tersebut akan menatijahkan pertautan hati yang intim. Oleh itu apabila hati sudah bertaut, maka mudahlah para pendakwah untuk mengajak mereka kepada kebaikan dan mengubah cara serta gaya kehidupannya. Sesungguhnya hakikat dakwah itu ialah menguasai hati *mad‘u*.

2.2.5. Menunjukkan Contoh Akhlak Yang Mulia

Di antara media terbaik dalam menyampaikan dakwah ialah melalui sifat-sifat terpuji serta suri teladan yang baik. Akhlak yang baik lebih berkesan berbanding ucapan atau perkataan yang diutarakan oleh pendakwah. As Shahīd Ḥassan Al-Bannā sendiri selalu berpesan kepada pendakwah supaya menjadikan diri mereka umpama seponon pokok buah, walaupun dilempar dengan kayu atau batu tetap menaburkan buah-buahan yang manis.⁶⁴ Pendakwah perlu bersabar dalam menghadapi karenah *mad‘unya*, bersikap pemaaf dan benar dan berhati-hati dalam mengeluarkan kata-kata. Budi pekerti mereka ibarat sebuah buku yang dapat dibaca serta mewakili keindahan Islam yang bakal ditatapi oleh masyarakat. Sejarah telah

⁶³ Ḥadīth riwayat Abī Hurayrah, Ahmad bin Al-Ḥusāyn bin ‘Ali bin Mūsā Abū Bakr al-Bayhāqī, *Sunan al-Bayhāqī al-Kubrā*, jilid 6, Ḥadīth no 11726, (Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dār al-Bāz, 1994) 169.

⁶⁴ Muṣṭafā Mashhūr, *Jalan Dakwah*, Mohd Tahir Daeng Mengati terj., ed.2 (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1986), 155.

membuktikan bahawa Rasūlullāh SAW merupakan suri teladan yang terbaik sepanjang zaman.

Tanpa akhlak yang baik, tidak akan ada *uswah* yang baik, tidak akan ada *lisān hāl* yang menarik dan juga tidak mungkin ada hubungan rasa ikhlas yang mesra. Ini digambarkan menerusi ayat-ayat al-Qur’ān di bawah.

﴿ أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴾

Al-Baqarah 2:44

Terjemahan: Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴾

﴿ كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴾

As-Sāf 61: 2-3

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya!. Amat besar kebenciannya di sisi Allah SWT, kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.

Sekiranya para pendakwah jauh dari iltizam dengan kewajipan Islam, ini akan menjadi fitnah kepada Islam. Para pendakwah perlu menjaga bicara dan kata-katanya apabila menyampaikan dakwah. Mereka selalunya menjadi ikutan dan contoh dalam kehidupan *mad'unya*. Segala amalan dalam kehidupan mereka menjadi perhatian dan bualan masyarakat.

Ini digambarkan dalam kisah kehidupan Rasūlullāh SAW ketika beliau memerintahkan para sahabat sebanyak tiga kali untuk untuk bercukur dan mengorbankan haiwan selepas perjanjian Hdaybiyyah tetapi kecewa kerana sahabat-sahabatnya tidak menurut perintahnya. Namun atas cadangan isterinya Ummu Salāmah agar beliau terlebih melakukannya, maka barulah sahabat-sahabat yang lain mengikuti jejak langkah Rasūlullāh SAW.⁶⁵

2.2.6. Pendidikan dan Pengajaran

Apabila sasaran telah menunjukkan minat kepada Islam, maka pendakwah perlulah berusaha memberikan apa yang diperlukan oleh *mad'unya* untuk mengikis amalan *jāhīliyyah* mereka dan mengajarkan kepada mereka tentang perkara-perkara pokok di dalam Islam. Di dalam diri mereka masih banyak kuman penyakit yang perlu dibersihkan seperti penyakit syirik dalam pelbagai bentuk. Sekiranya kita mengabaikan aspek ini kemungkinan mereka akan kembali semula kepada agama asal mereka kerana beranggapan bahawa Islam itu tiada beza dengan agama mereka.

Dalam sejarah ada menyebutkan bahawa apabila 'Umair bin Wahab memeluk

⁶⁵ Muḥammad As Saīr Al-Wakīl, *Usus Ad Da'wah wa Ādāb Ad Du'āt*, ed.4 (Al Madīnah Al Munawwarah: Dārul Wafā', 1993), 95


Islam, Rasūlullāh SAW berkata kepada sahabatnya. Ajarilah saudaramu tentang agamanya dan bacakanlah kepadanya al-Qur'ān.⁶⁶

Dalam menangani isu-isu dakwah masa kini, sudah tentu para pendakwah perlu berusaha dengan pelbagai cara dan pendekatan yang sesuai untuk mendekati golongan ini. Pendekatan yang betul akan memudahkan mereka kembali ke pangkal jalan dan menerima dakwah dengan hati terbuka.

⁶⁶ *Ibid.*

Rajah 2.2

Program-Program Dakwah



2.3. Program-program Dakwah

Program dakwah yang dimaksudkan adalah sesuatu rancangan atau program yang telah diatur dan disusun rapi supaya program dakwah yang dijalankan dapat memberi manfaat dan berkesan kepada sasaran dakwah. Terdapat beberapa bentuk program dakwah yang biasa diaplikasikan oleh pendakwah seperti berikut:

2.3.1. Program Kuliah dan Ceramah

Program kuliah biasa dijalankan dalam senggang waktu antara maghrib dan isya' serta subuh. Di dalam kuliah agama biasanya diterangkan ayat-ayat *al-Qur'ān*, hadīth-hadīth Nabi atau menerangkan permasalahan agama meliputi ibadah harian. Manakala program ceramah pula dilaksanakan bersempena dengan hari-hari kebesaran Islam yang tertentu seperti Peristiwa Isrā' Mi'rāj, Nişfu Sya'bān, Maulidur Rasūl, Nuzūl *al-Qur'ān* dan lain-lain. Biasanya topik-topik yang dibincangkan berkaitan dengan aspek kemasyarakatan, kekeluargaan hal ehwal semasa, sosial dan sebagainya. Program dakwah ini biasanya menggunakan masa sekitar satu hingga dua jam sahaja berbanding sesetengah program yang mengambil masa yang panjang.⁶⁷

⁶⁷ Zubaidah Bayan, "Program Dakwah Terhadap Banduan Wanita di Penjara Tengerang, Indonesia", (disertasi, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008), 26.

2.3.2. Program Kursus dan Seminar

Melalui kursus yang dijalankan peserta berpeluang berbincang dan bertanyakan soalan secara lebih mendalam dan melakukan sesuatu aktiviti atau ibadah secara amali. Manakala seminar ialah persidangan untuk membahaskan sesuatu masalah yang dikendalikan oleh orang yang pakar dalam bidang-bidang tertentu. Di antara contoh program kursus dan seminar yang dijalankan ialah Kursus pengurusan jenazah, Kursus imam dan makmum, Seminar keibubapaan, Seminar ekonomi, Seminar Politik dan lain-lain. Objektif utama program sebegini ialah untuk membenteng dan mendedahkan kepada masyarakat topik-topik penting terutamanya yang berkaitan dengan ibadah harian atau kewajipan penting yang perlu difahami secara terperinci. Tenaga pengajar bagi aktiviti sebegini adalah dalam kalangan orang yang profesional dalam sesuatu bidang. Bagi program sebegini bayaran penyertaan dikenakan untuk menampung kos penganjuran program.⁶⁸

2.3.3. Program kemasyarakatan

Kebanyakan program dijalankan secara tidak berkala seperti program ziarah ke rumah anak-anak yatim, pertandingan tilawah *al-Qur'ān*, berzanji dan azan dan ibadah korban berkelompok. Tujuan utama program ini ialah untuk menarik perhatian masyarakat agar sama-sama mempunyai perasaan bertanggungjawab memakmur dan mendekatkan diri dengan aktiviti surau dan masjid.⁶⁹

⁶⁸ Munir bin Md Amin, “*Program Dakwah Masjid di Daerah Gombak: Suatu Kajian Tentang Keberkesanannya*”, (disertasi, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 87-95.

⁶⁹ *Ibid.*

2.3.4. Program Khusus Wanita

Bentuk-bentuk program yang dijalankan meliputi kelas fardhu ain, kelas pengajian al-Qur'ān dan tajwid, kuliah dan ceramah agama berkaitan wanita serta program bacaan yasin dan tahlil. Tujuan utama program ialah memberi pendekatan khusus terhadap hukum-hukum berkaitan wanita serta mengeratkan silatur rahim sesama wanita.

2.3.5. Bimbingan Usrah

Bimbingan usrah ialah perkumpulan kecil di antara 5 hingga 10 orang ahli yang dibimbing oleh seorang naqib. Ia merupakan salah satu metode tarbiyah yang diaplikasikan oleh Rasūlullāh SAW yang bermatlamatkan peningkatan kefahaman ahli tentang ajaran Islam yang shumūl.⁷⁰ Usrah mempunyai pengisian tersendiri seperti kajian buku yang dijadikan bahan perbincangan bersama ahli kumpulan usrah yang lain.

Bentuk-bentuk program yang dijelaskan ini mampu membentuk akhlak yang mulia dalam kalangan sasaran. Ia amat penting untuk dilaksanakan dalam kehidupan masyarakat kini supaya dapat membantu mereka dalam memahami Islam dan seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

⁷⁰ Sulaiman Ibrahim, "Tarbiyah Dakwah Untuk Golongan Remaja: Suatu Tinjauan Terhadap Manhaj Ikhwan al-Muslimin" (makalah, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Dakwah dan Perubahan Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia, 5-6 November 1997), 17.

2.4. Masalah Pelaksanaan Program Dakwah

Masalah ditakrifkan sebagai sesuatu yang memerlukan penyelesaian atau perkara yang menimbulkan kesukaran.⁷¹ Ia juga membawa pengertian halangan atau gangguan yang melambat dan menggagalkan rancangan dalam mencapai sesuatu aktiviti yang dijalankan.

Pelaksanaan membawa maksud proses melaksanakan atau menjalankan atau mengusahakan rancangan.⁷² Manakala program pula ialah rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan.⁷³

Untuk melicinkan pelaksanaan program, kebanyakan organisasi Islam menubuhkan biro-biro tertentu. Lazimnya biro yang bertanggungjawab secara khusus merancang dan merangka program ialah biro dakwah dan kemudiannya dikemukakan kepada mesyuarat jawatankuasa organisasi untuk kelulusan, pindaan atau tambahan.

Justeru, program dakwah akan dapat dilaksanakan dengan baik apabila ia dirancang dengan sistematik mengikut matlamat umum dan khusus yang digariskan oleh pihak penganjur. Kejayaan atau kegagalan program yang dianjurkan bergantung kepada perancangan yang rapi dengan mengambilkira elemen-elemen yang membantu penerimaan dakwah serta keizinan daripada Allah SWT.

Dakwah adalah suatu usaha murni yang melibatkan banyak pihak untuk menjayakannya. Dalam melaksanakan program-program berbentuk dakwah setiap

⁷¹ *Kamus Dewan*, 1001.

⁷² *Ibid*, 871.

⁷³ *Ibid*, 1233.

organisasi dakwah pasti akan mengalami masalah sama ada berpunca dari pendakwah, organisasi dakwah ataupun sasaran dakwah. Oleh itu program dakwah yang dilaksanakan sangat memerlukan kerjasama dan kepakaran dalam pelbagai ilmu supaya sasaran tidak merasa bosan dan jemu untuk mengikuti program dakwah tersebut. Pendakwah perlu melengkapkan diri dengan ilmu psikologi agar mereka dapat memahami jiwa golongan yang disasarkan. Namun begitu, setiap permasalahan pasti ada penyelesaiannya. Untuk meminimumkan permasalahan tersebut organisasi dakwah perlu mengkaji faktor-faktor kejayaan dan perkara-perkara yang membawa kegagalan.

2.4.1. Teori Masalah Pelaksanaan Dakwah Secara Umum

Masalah pelaksanaan dakwah Islamiah secara umumnya boleh ditinjau dari dua sudut iaitu dari aspek sasaran dakwah dan pendakwah itu sendiri. Untuk menganalisa masalah ini, penulis cuba mengimbuai sejarah awal penyebaran dakwah oleh para nabi dan rasul melalui paparan ayat-ayat al-Qur'an. Ternyata al-Qur'an menjelaskan bahawa masalah dakwah yang muncul pada awal pengutusan para rasul datangnya dari sasaran dakwah. Ini dijelaskan dalam firman Allah SWT:

وَإِنِّي كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوا أَصْبَعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ وَأَسْتَعْشَوْا ثِيَابَهُمْ

وَأَصْرُوا وَأَسْتَكْبَرُوا أَسْتَكْبَارًا ﴿٧﴾

Nūh 71:7

Terjemahan: Dan Sesungguhnya aku, tiap-tiap kali menyeru mereka (beriman) supaya Engkau mengampunkan dosa-dosa mereka, mereka

menyumbatkan telinganya dengan jari masing-masing, dan berselubung dengan pakaiannya, serta berdegil dengan keingkarannya, dan berlaku sombong takbur dengan melampau.

Menurut Ibn Kathīr, ayat ini menceritakan kisah nabi Nūḥ as yang mengadu kepada Allah SWT yang Maha Perkasa lagi Maha Mulia tentang perlakuan yang tidak menyenangkan yang beliau terima dari kaumnya. Mereka bukan sahaja enggan menerima seruan dakwah beliau, malah menyumbat telinga mereka agar tidak mendengar apa yang beliau ingin sampaikan. Mereka dengan bangganya tetap berada dalam kemusyrikan dan kekufuran.⁷⁴

Kisah Nabi Nūḥ as menggambarkan kepada generasi sesudah beliau, bahawa beliau sentiasa pasrah dan *reḍa* terhadap segala ketentuan daripada Allah SWT dan berserah diri kepadaNya. Bahkan memaksimumkan usaha dakwah sambil menanti pertolongan dan petunjuk Allah SWT.

Huraian ini menjelaskan bahawa tidak timbul masalah pendakwah pada zaman rasul kerana mereka merupakan golongan yang terpilih dan memiliki sifat yang sesuai sebagai seorang pendakwah. Masalah yang timbul pada zaman tersebut datangnya dari sasaran dakwah seperti bersikap degil dan menentang sekeras-kerasnya dakwah yang disampaikan.

⁷⁴ ‘Abdullāh bin Muḥammad , *Tafsīr Ibn kathīr*, terj. M. Abdul ghoffar E.M. et all, (Jakarta: Pustaka Imam Ash Shafi‘i, 2003), 8:298.

Fakta di atas disokong oleh Muṣṭafā Mashhūr di mana beliau menjelaskan antara masalah yang ditimbulkan oleh sasaran dakwah ialah manusia yang berpaling dari dakwah Islamiah, ejekan, penyiksaan, kelaparan dan kesusahan.⁷⁵

Sayyīd Quṭb pula menegaskan bahawa telah menjadi asam garam kehidupan seorang pendakwah bahawa mereka akan disakiti, dianiaya dan dimusuhi oleh golongan yang membenci kebenaran.⁷⁶ Firman Allah SWT:

الْمَرْءُ أَحْسَبُ النَّاسِ أَنْ يُتْرَكَوَأَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿١﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ^ط فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ﴿٢﴾

Al-‘Ankabūt 29: 1-3

Terjemahan: Alif, Laam, Miim. Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuiNya tentang orang yang berdusta.

Ayat di atas menggambarkan bahawa para rasul menerima ujian yang amat berat dalam usaha mengajak manusia kepada kebenaran. Ini merupakan sunnah

⁷⁵ Muṣṭafā Mashhūr, *Min Fiqh al-Da‘wah ilā-al-Islam*, (Beirut, al-Maktabah al-Islāmi, 1995), 191.

⁷⁶ Sayyīd Quṭb, *Petunjuk Sepanjang Jalan*, terj. H. Salahuddin Abdullah, ed.4 (Kuala Lumpur: t.p., 1994), 194.

yang bakal dilalui oleh setiap para pendakwah yang ikhlas untuk menyebarkan Islam. Sebagaimana Ibn Kathīr menjelaskan bahawa setiap manusia yang beriman pasti akan menerima ujian. Manakala golongan yang paling berat ujiannya adalah para Nabi, kemudian orang soleh dan seterusnya hamba-hambanya yang beriman sesuai dengan keimanan yang mereka miliki.⁷⁷ Ini dijelaskan dalam ḥadīth ṣaḥīḥ:

Diceritakan kepada kami Qutaibah, diceritakan kepada kami Ḥammād bin Zaid, daripada ‘Āṣim bin Bahdalah, daripada Mus‘ab bin Sa‘id, daripada bapanya berkata: Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ عَاصِمِ بْنِ يَهْدَلَةَ عَنْ مُصْعَبِ بْنِ سَعْدٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ أَشَدُّ بَلَاءً قَالَ الْأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الْأَمْثَلُ فَأَلْأَمْثَلُ فَيَبْتَلِي الرَّجُلَ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ فَإِنْ كَانَ دِينُهُ صَلْبًا اشْتَدَّ بَلَاؤُهُ

Terjemahan: “Siapakah orang yang paling hebat ujiannya? Jawab Rasulullah SAW: Para Nabi kemudian mereka yang hampir dengannya. Maka seseorang itu diuji sesuai dengan agamanya. Jika agamanya semakin kuat, semakin bertambah pula ujiannya”.⁷⁸

Sayyīd Quṭb seterusnya menjelaskan secara terperinci ujian yang merupakan *sunnatullāh* terhadap keimanan kaum yang beriman. Menurutnya fitnah itu sama ada dalam bentuk menghadapi gangguan daripada orang yang batil

⁷⁷ Abdullah bin Muḥammad, *Tafsīr Ibnu Kathīr*, 310.

⁷⁸ Ḥadīth riwayat at-Tarmīzī, *Al-Jamī’ As Shaḥīḥ Sunan At Tarmīzī, Dār Iḥyā’ At Turāth Al-‘Arabī*, Beirut, jilid 4, no ḥadīth 2398, 601.

sehingga orang mukmin tidak mendapat pembelaan dan tiada kekuatan untuk menghadapinya.⁷⁹

Melalui sorotan sejarah, dapat dijelaskan sesungguhnya Allah SWT mengingatkan para pendakwah bahawa masalah pelaksanaan dakwah yang akan timbul adalah daripada sasaran dakwah Islamiah. Ini adalah kerana para pendakwah yang merupakan kalangan para rasul merupakan manusia yang terpilih dan sudah semestinya memiliki akhlak yang sempurna dan ciri-ciri pendakwah yang unggul.

Oleh itu, para pendakwah perlu memantapkan keimanan dan bersedia dalam menghadapi ujian yang akan dilalui apabila berhadapan dengan sasaran dakwah. Mereka perlu menyuburkan bekalan rohani agar tidak mudah berputus asa kerana tugas dakwah adalah sangat murni dan merupakan warisan dari para rasul.

Manakala permasalahan pelaksanaan dakwah yang kedua disebabkan pendakwah itu sendiri. Penulis telah menyorot beberapa pandangan dari tokoh-tokoh dakwah yang membuktikan bahawa faktor pendakwah juga memberi kesan ke atas kejayaan dakwah Islamiah.

Menurut Muṣṭafā Mashhūr antara masalah yang timbul daripada pendakwah ialah seperti masalah pangkat, isteri dan anak, cintakan dunia dan kekerasan hati.⁸⁰ Beliau juga menegaskan bahawa masalah dakwah juga adalah dari aspek penyelewengan dari matlamat atau sasaran dakwah, kefahaman, wasilah dan cara

⁷⁹ M. Qurāysh Shihāb, *Tafsīr al-Miṣbah, Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'ān v. 10*, ed. 2., (Jakarta: Penerbit Lentera Hati, 2004), 440.

⁸⁰ Muṣṭafā Mashhūr, *Min Fiqh al-Dakwah ila-al-Islam*, 191.

serta langkah-langkah dalam gerak kerja dakwah. Penyelewengan dari matlamat bermaksud pendakwah terpengaruh dengan nafsu dan kehendak-kehendak keduniaan seperti *riyā'*, *takabbur*, gila pangkat, menunjuk-nunjuk, mempamerkan kebendaan seperti pangkat, kebesaran, harta atau kuasa. Penyelewengan dari sasaran, umpamanya merasa cukup dengan hanya mengerjakan ibadah, berzikir, mengajar, melakukan amar makruf nahi munkar tetapi meninggalkan jihad dan enggan mendirikan Daulah Islam serta mengembalikan khilafah di tempat yang tertinggi.⁸¹

Pendakwah perlu sedar bahawa jalan dakwah adalah jalan yang dipenuhi dengan segala perkara yang dibenci oleh hawa nafsu dan bukanlah merupakan jalan yang ditaburi bunga-bunga yang mewangi. Terdapat banyak rintangan yang menghalang serta penyelewengan yang mungkin terjadi sehingga menyebabkan orang berpaling dari jalan dakwah.⁸²

Justeru, pendakwah perlu memiliki ilmu-ilmu fiqh dakwah serta menghayati perjuangan sebenar para pendakwah sepanjang zaman agar tidak tergelincir dari matlamat mencari keredhaan Allah SWT.

Menurut Sayyid Quṭb terdapat juga fitnah dalam bentuk-bentuk yang lain seperti fitnah keluarga dan teman-teman yang meminta mereka mengalah dan kembali kepada kekufuran atas dasar cinta dan kekerabatan. Selain daripada itu, terdapat juga fitnah dalam bentuk kemegahan hidup dan hiasan duniawi yang

⁸¹ Muṣṭafā Mashhūr (1999), *Jalan Dakwah Antara Keaslian dan Penyelewengan*, terj. Mohd Yusof Ismail, ed. 3 (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1999), 25.

⁸² Muṣṭafā Mashhūr, *Jalan Dakwah*, 61.

melimpah, mendapat kejayaan dan kepercayaan dalam masyarakat. Ada juga fitnah dalam bentuk keterasingan dalam masyarakat akibat mempertahankan akidah. Fitnah yang paling besar dan dahsyat ialah fitnah hawa nafsu dan syahwat untuk meraih kekuasaan dan kekayaan. Ketika itu, tiada siapa pun dapat bertahan kecuali yang diperlihara Allah SWT dan mereka itulah yang membuktikan hakikat iman pada diri mereka.⁸³

Manakala Fathī Yakān pula menjelaskan bahawa, antara masalah dakwah yang dihadapi ialah masalah pengurusan organisasi dakwah, kekurangan daya ketahanan pendakwah, pendakwah hidup dalam masyarakat Jahiliah dan yang paling besar ialah masalah wanita dan dunia.⁸⁴

Sementara *Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Buḥārī* pula menegaskan, masalah dakwah berpunca daripada kejahilan untuk memperjuangkan dakwah, kekangan ilmu dan kaedah dakwah. Di samping itu, masalah dakwah yang lain seperti masalah kafir mengkafir sesama manusia, masalah negara Islam dan kafir dan masalah politik orang Islam dan pengikutnya.⁸⁵

Fakta ini dikuatkan lagi oleh Ab Aziz Mohd Zin yang menyatakan bahawa masalah dakwah boleh dibahagikan kepada beberapa faktor seperti masalah pendakwah, jentera dakwah atau organisasi dakwah, sasaran dakwah dan musuh dakwah.⁸⁶

⁸³ M. Qurāish Shihāb, *Tafsīr al-Miṣbah*, 2004), 440.

⁸⁴ Fathī Yakān, *Mushkilāt al-Da'wah wa Da'iyāt* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1980), 12.

⁸⁵ Al-Buḥārī, *Muhammad Sa'īd Ramaḍān, Hākadhā fal Nad'ū ilā al-'Islām*, (Damshīq: Maktabah al Farābī, t.t.), 84 -107.

⁸⁶ Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1999), 135.

Manakala menurut Fariza Md Sham pula, masalah dakwah dalam era globalisasi terbahagi kepada dua kategori. Pertama; masalah dalaman dakwah iaitu perkara-perkara yang menyangkut tentang fenomena-fenomena dakwah seperti metode dakwah, isi dakwah, perancangan, strategi dan pendakwah itu sendiri. Kedua: masalah luaran dakwah seperti masalah *missionary* Kristian, serangan pemikiran, media massa yang merosakkan dan propaganda menentang Islam.⁸⁷

Kesimpulannya, penjelasan dari para sarjana Islam menjelaskan bahawa, di samping wujudnya masalah sasaran dakwah, akan wujud juga masalah daripada pendakwah kerana mereka bukanlah rasul yang *ma'şum* dari kesalahan, tetapi merupakan manusia biasa yang mempunyai kesedaran untuk memikul amanah dakwah yang sudah semestinya terdedah dengan pelbagai kelemahan dan kekurangan.

Justeru, dalam sesuatu usaha dakwah yang dilakukan, ada dua pihak yang terlibat iaitu pendakwah dan sasaran dakwah. Kedua-dua pihak ini boleh mendatangkan masalah jika dakwah tidak dilakukan dengan betul.

⁸⁷ Fariza Md Sham, “Cabaran Dakwah dalam Era Globalisasi”, *Dakwah Menjana Masyarakat Madani*, et al., (makalah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 74 – 78.

2.4.2. Teori pelaksanaan Program (Teori Pengurusan)

Pelaksanaan dakwah perlu dilakukan dengan perancangan dan persiapan yang teliti bagi menatijahkan kejayaan dalam berdakwah. Ia tidak boleh dilakukan sambil lewa sebaliknya disusun secara bertahap dengan mengambil kira faktor-faktor yang ada pada sasaran dan melihat kepada keadaan persekitaran serta latar belakang sasaran. Pendakwah perlu kreatif bagi menarik minat sasaran terhadap Islam.

Dr ‘Alī Jarīshah menjelaskan bahawa metode penyampaian dakwah kepada remaja adalah berbeza dengan dakwah kepada orang dewasa, metode dakwah kepada kaum wanita berbeza dengan kaum lelaki, metode dakwah kepada kanak-kanak berbeza dengan orang tua dan metode dakwah kepada orang Mukmin juga tidak sama dengan metode dakwah kepada bukan Mukmin.⁸⁸

Oleh itu, pelaksanaan program berkait rapat dengan pengurusan. Manakala kejayaan pengurusan pula memerlukan elemen-elemen seperti semangat berpasukan (*teamwork*), perlaksanaan syura, pembahagian tugas, perlantikan pengurus atau pemimpin yang berkeelayakan dan penilaian semula (*muhasabah*).⁸⁹

⁸⁸ ‘Alī Jarīshah, *Du‘āt Lā Bughāt*, (Kuwayt: Dār al-Buḥūth al-‘Ālamīyyah, 1979), 39.

⁸⁹ Mohamad Nazli Omar, “Pengurusan Dakwah di Negeri Maju: Kajian Tentang Cabaran dan Masalahnya di Melaka” (tesis kedoktoran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013), 128-135.



Teori pengurusan

Pengurusan merupakan aspek penting bagi memastikan sesuatu organisasi berdaya saing dan mencapai objektif yang disasarkan. Pengurusan dalam Islam bertujuan mencari keredhaan Allah SWT bagi mencapai *al-falāḥ* di dunia dan akhirat. Namun pengurusan institusi dakwah dan masjid sering dilabelkan sebagai lemah dan tidak berinovasi. Tugas dakwah memerlukan satu usaha yang serius dan tersusun rapi. Sesuatu perubahan tidak dapat berlaku dengan satu usaha yang sambil lewa sahaja. Demikian juga dengan usaha dakwah. Matlamat dakwah tidak akan tercapai hanya dengan niat yang baik.

Mary Follet menakrifkan pengurusan sebagai cara atau kemahiran melaksanakan sesuatu tugas menerusi manusia⁹⁰.

Muhammad Al-Burāy melihat pengurusan sebagai aktiviti-aktiviti kumpulan manusia yang tersusun, melaksanakan tugas secara paling berkesan, secara kerjasama, dengan harmoni dan membuat keputusan-keputusan yang rasional.⁹¹

Perkara-perkara yang melibatkan pengurusan ialah perancangan, penyusunan, penyeliaan, kepimpinan dan dorongan, penyediaan belanjawan dan pengawalan.

i. Semangat Berpasukan (*teamwork*)

Bekerjasama adalah unsur utama yang penting dalam sesebuah organisasi Islam. Kejayaan akan dicapai apabila kesemua anggotanya bersatu dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai misi yang digariskan bersama dan yang terpenting ialah bekerja untuk mencapai keredhaan Allah SWT.

⁹⁰ Abdul Halim El-Muhammady, *Pengurusan Dalam Islam*, ed.1 (Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1996), 122.

⁹¹ *Ibid*, 139.

Sesebuah Organisasi mestilah bersatu mencari jalan ke arah penyelarasan tugas masing-masing. Kepentingan peribadi mestilah ditolak sebaliknya mengutamakan kerja berpasukan dan mewujudkan keikhlasan dalam bekerja. Selagi organisasi berpecah belah maka sukarkan visi dan misi yang telah digariskan oleh organisasi akan tercapai. Dengan perpaduan yang mantap dalam kalangan staf dan inter fakulti pelaksanaan dakwah akan lebih berjaya.⁹²

ii. **Perlaksanaan *Shūrā***

Shūrā merupakan proses dalam memutuskan keputusan yang dijalankan secara bermesyuarat dan ia perlu diperkasakan dalam pengurusan sesebuah institusi atau organisasi Islam. Islam menjadikan *shūrā* sebagai peraturan untuk meneliti pendapat orang lain serta menyatukan pendapat-pendapat tersebut melalui dialog bersama sehingga tercapainya satu persetujuan.⁹³

Shūrā dalam organisasi perlu melibatkan penyertaan dua pihak iaitu pengurusan dan staf. Pendekatan ini sangat mustahak kerana ia akan mewujudkan satu perkongsian maklumat dan berupaya menjadi titik tolak kepada kecemerlangan organisasi. Justeru perbincangan dua hala ini akan mewujudkan suasana yang kondusif secara tidak langsung menambahkan

⁹² Mohd. Shahir Hj Abdullah, Masalah Sosial: Strategi Penyelesaian Menerusi Organisasi Dakwah, dalam *Dakwah Dan Perubahan Sosial*, ed Fariza Md Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2000), 165.

⁹³ Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor, *Dimensi Pengurusan Islam*, (t.tp.: t.p., 2006), 194.

nilai kesatuan dan kemesraan antara kepimpinan dan staf. Bertukar-tukar nasihat, menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah dari melakukan kemungkaran terbukti berupaya untuk mewujudkan organisasi yang cemerlang.⁹⁴

Firman Allah SWT ;

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Āli ‘Imrān 3: 159

Terjemahan: Dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepadaNya.

iii. Pembahagian Tugas

Pembahagian tugas mengikut bidang dan kepakaran ahli merupakan unsur yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Tindakan menyerahkan sesuatu tugas yang tidak sejajar dengan keupayaan seseorang akan menimbulkan konflik dan kesan buruk ke atas prestasi sesebuah organisasi.

⁹⁴ Sohair Abdel Moneim Sery, Konsep Pengurusan Pentadbiran Menurut Ajaran Islam, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1990), 74.

Daripada Abū Hurayrah RA berkata: Rasūlullah SAW bersabda:

إِذَا وُسِّدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرْ السَّاعَةَ

Terjemahan: “Apabila diserahkan sesuatu urusan kepada bukan ahlinya, maka nantikanlah saat kehancurannya”.⁹⁵

Selain itu, kita hendaklah mengenalpasti kemahiran, pengalaman dan keupayaan staf. Tahap iltizam, pengorbanan dan disiplin merupakan perkara yang sangat mempengaruhi kualiti staf. Tambahan pula kauntiti staf sangat mempengaruhi kualiti kerja. Sekiranya jumlah staf amat sedikit maka keupayaan untuk mempengaruhi cara hidup masyarakat adalah terhad. Manakala staf yang ramai tetapi tidak berkualiti juga tidak berguna. Bahkan kadang-kadang boleh membawa masalah kerana sumber tenaga tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.⁹⁶

Menurut Mohd Shahir Sidik, organisasi yang cemerlang mestilah bersandarkan kepada pengurusan yang cekap dan berkesan. Antara ciri organisasi yang mantap ialah pembahagian tanggungjawab dan kuasa mengikut kedudukan dan peranan dalam struktur organisasi, pelaksanaan aktiviti yang cekap dan penyesuaian dengan perubahan persekitaran.⁹⁷

⁹⁵ Ḥadīth riwayat Muḥammad bin Isma‘īl Abū ‘Abdullah al-Bukhārī Al- Ja‘fi, Dār Ibn Kathīr, Beirut, cet. ke-3, 1987, no hadith 59.

⁹⁶ Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah*, (Selangor: Ummah Media Sdn. Bhd. 1990), 29.

⁹⁷ Mohd Shahar Sidik, Pengurusan Organisasi dari Perspektif Islam, dalam *Pegurusan Dalam Islam*, ed Abd Halim el-Muhammady (Bangi: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1996), 122-125.

iv. Melantik Pengurus atau Pemimpin Yang Berkelayakan

Pemilihan pengurus perlu dibuat dengan teliti. Pengurus yang dilantik mestilah orang yang benar-benar layak dan memenuhi kriteria sebagai seorang pemimpin yang baik. Dalam hal ini Rasūlullāh SAW bersabda;⁹⁸

Terjemahan: “Sesiapa yang melantik seseorang untuk memimpin sepuluh orang sedangkan dalam kumpulan tadi masih ada orang yang lebih layak tetapi tidak dilantik, sesungguhnya dia mengkhianati Allah, Rasulnya dan seluruh masyarakat Islam”.

Sikap dan peranan pemimpin amat penting dalam membina suasana kreatif dalam organisasi. Pemimpin hendaklah sentiasa peka terhadap tanduknya agar ia tidak menyekat perkembangan kreativiti stafnya. Pemimpin yang hanya suka memberi arahan tetapi gagal mempengaruhi dan meyakinkan stafnya adalah pemimpin yang lemah. Malah lazimnya staf yang berada dalam organisasi akan mula tidak mempercayai kepimpinannya.⁹⁹

⁹⁸ Ahmad Ibrāhīm Abū Sīn, *Pengurusan dalam Islam*, terj. Abd Rashid Ngah dan Jusoh Kadir, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 147.

⁹⁹ Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah*, 100.

Selain daripada itu, pemimpin yang berkredibiliti dan berwawasan perlu menekankan aspek pengurusan kewangan dan bijak menjana dana untuk memastikan keutuhan organisasi demi menjayakan setiap program yang telah direncana mengikut bajet yang telah ditetapkan.


v. Penilaian Semula (*Muḥāsabah*)

Muḥāsabah mempunyai peranan penting dalam menjelaskan sejauh mana masyarakat menerima pelaksanaan pengurusannya. Sekiranya dalam mengurus sesebuah institusi terdapat kepincangan dan kelemahan yang perlu diperbaiki, maka pengurus atau pemimpin itu berpeluang untuk memperbaiki kualiti dan cara pentadbirannya.¹⁰⁰

¹⁰⁰ Auni Abdullah, *Hisbah dan Pentadbiran Negara*, (Kuala Lumpur: Ikdas Sdn. Bhd., 2000), 31-32.

Rajah 2.4

Faktor kejayaan program



2.5. Faktor-faktor Kejayaan dan Kegagalan Program

Berikut dinyatakan faktor-faktor yang membawa kejayaan dalam melaksanakan program dan faktor-faktor kegagalan sesuatu program agar dapat menjadi panduan kepada pendakwah sebelum merancang aktiviti dakwah.

2.5.1 Faktor Kejayaan Program

Antara faktor kejayaan pelaksanaan dakwah bergantung kepada kewibawaan pendakwah, *uslub* penyampaian dakwah, kandungan dakwah yang bersesuaian dengan sasaran dakwah.

i. Keperibadian dan Kewibawaan Pendakwah

Dakwah kepada Allah SWT perlu dilaksanakan dengan hikmah dan menunjukkan contoh yang baik. Seorang pendakwah yang bijak tidak akan mengucapkan semua perkara yang diketahuinya kepada setiap orang yang dikenalnya, tetapi berbicara mengikut kadar kecerdikan dan kefahaman sasaran dakwahnya.¹⁰¹ Mereka perlu memulakan dakwah dengan sesuatu yang asas dan mudah serta tidak terlalu mendalam sehingga menyebabkan mad'unya terasa berat lalu lari dari dakwah.

Keperibadian dan kewibawaan pendakwah menyebabkan beliau dapat memberikan jawapan kepada persoalan-persoalan yang diajukan terhadap beliau mengikut tahap kemampuan sasaran *mad'ū*. Apabila sasaran dakwah telah mula mempercayai pendakwah, maka mudahlah untuk mereka mendengar nasihat dan mengikut apa sahaja yang diperkatakan oleh juru dakwah. Para pendakwah juga perlu membina jambatan hati sehingga lahirnya kasih sayang di antara sasaran dakwahnya. Ini digambarkan melalui firmanNya;

¹⁰¹ Hammām ‘Abdul Rahīm Sa‘īd, *Qawāid Ad-Da‘wah Ilā Allāh*, (t.tp, t.p, t.t.), 73

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ ۗ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ ۗ
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ ۗ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ

تُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Āli ‘Imrān 3:159

Terjemahan: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah SWT (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakal kepada Allah SWT, Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang yang bertawakal kepadaNya

ii. Mengenalpasti Latar Belakang dan Permasalahan Sasaran

Pendakwah yang berjaya umpama seorang doktor yang mampu menganalisa penyakit pesakit samada berada di tahap permulaan, pertengahan atau pun kritikal. Doktor yang berjaya ialah yang dapat menyesuaikan ubat dengan penyakit sehingga penyakit itu sembuh. Sebelum diberikan ubat, pesakit hendaklah diperiksa untuk dikenalpasti punca-punca penyakitnya dan memberikan ubat yang sesuai dengannya. Begitu juga pendakwah harus

mengenalpasti latar belakang dan masalah yang dihadapi oleh sasarannya terlebih dahulu sebelum memulakan dakwahnya. Dengan memahami secara mendalam latar belakang *mad'u*, memungkinkan pendakwah menunjuk jalan keluar terhadap kekusutan dan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat.¹⁰²

iii. *Uslub Penyampaian Dakwah Yang Bersesuaian*

Di antara pokok dan kunci kejayaan dakwah ialah mengetahui teknik dan kesenian di dalam menyampaikan dakwah. Ini adalah kerana pendakwah sentiasa berhadapan dengan pelbagai ragam dan tanggapan masyarakat. Pendakwah perlu mengkaji dan memahami latar belakang golongan masyarakat sasaran, persekitaran tempat dan elemen-elemen yang boleh membantu mengembangkan dakwah di sesebuah tempat. Para pendakwah harus mampu memilih metode dakwah yang tepat mengikut kepada sasarannya agar mereka dapat memahami dan seterusnya menerima dakwah yang disampaikan dengan mudah.¹⁰³

Penyampaian dakwah akan lebih berkesan apabila pendakwah menyampaikan dakwahnya dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami mengikut kemampuan akal sasarannya. Bahasa yang tersusun rapi merupakan jambatan dan pembuka hati untuk menerima seruan dakwah.¹⁰⁴ Sebagai contoh apabila mereka berbicara kepada golongan intelektual,

¹⁰² Abd Karīm Zaydān, *Uṣūl al-Da'wah*, 421.

¹⁰³ *Ibid*, 141.

¹⁰⁴ *Ibid*, 148.

seharusnya pendakwah menggunakan bahasa yang canggih dan *sofistikated*. Manakala apabila sasaran *mad'unya* adalah dalam kalangan orang awam , maka pendakwah harus menggunakan bahasa yang mudah difahami.

iv. Isi Kandungan Dakwah Yang Bersesuaian

Dakwah yang baik ialah dakwah yang cuba melihat kepada sasaran dan perkembangannya, supaya dapat diselaraskan. Perkembangan dan perubahan sasaran akan terus berlaku, maka pendekatan dakwah dalam bentuk ini juga terus berlaku. Dakwah yang berpengaruh ialah apabila sasarannya tidak berasa ia suatu beban untuk menghayati, dan perasaan tersebut bergantung kepada sejauh mana kefahaman sasaran terhadap dakwah, terutamanya dalam hal-hal akidah. Kefahaman terhadap perkara-perkara tersebut secara jelas berdasarkan peringkat-peringkat hendaklah diusahakan, supaya Islam dihayati secara mantap dari semua peringkat.¹⁰⁵

Sekiranya pendakwah hanya menyampaikan seruan dakwahnya tanpa melihat kepada tahap kefahaman sasarannya ditakuti mereka silap dalam memahami urusan agama ini dengan tepat sehingga boleh menimbulkan fitnah kepada Islam.¹⁰⁶

¹⁰⁵ Ab. Aziz Mohd. Zin, *Psikologi Dakwah*, (Bangi: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 275.

¹⁰⁶ *Ibid*, 76.

Rasūlullāh SAW bersabda;

حَدِّثُوا النَّاسَ بِمَا يَعْرِفُونَ أَتُحِبُّونَ أَنْ يُكذَّبَ اللهُ وَرَسُولُهُ


Terjemahan: “Berbicaralah kepada manusia dengan apa yang diketahuinya. Adakah kamu suka mereka mendustakan Allah dan RasulNya?”¹⁰⁷

Dari maksud ḥadīth di atas dapat difahami bahawa kebijaksanaan dalam berdakwah serta berbicara kepada mereka dalam bidang yang dapat mereka fahami akan memberikan natijah yang amat berkesan. Masyarakat akan tertarik kepada Islam dan merasai keagungan Islam lalu turut berjihad menegakkan ajaran-ajarannya.

¹⁰⁷ Ḥadīth riwayat al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Bukhārī, Kitāb al-‘Ilm, Bab Keistimewaan Ilmu, Jilid 1, no ḥadīth 127, 59.

Rajah 2.5

Faktor-faktor kegagalan program



2.5.2 Faktor Kegagalan Program

Terdapat beberapa faktor kegagalan program dakwah yang sering berlaku di kalangan pelajar.

i. Kelemahan Dalam Merancang

Titik permulaan dalam pengurusan ialah perancangan. Tanpa perancangan yang teliti, sesuatu perkara itu tidak mungkin dapat diuruskan dengan baik. Kepentingan perancangan dalam kehidupan seorang Muslim dapat digambarkan melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Ḥashr 59: 18.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۗ اِنَّ اللّٰهَ

خَيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿١٨﴾

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). dan (sekali lagi diingatkan): bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan.

Menurut Ibn Kathīr, ayat ini mengingatkan orang yang beriman supaya benar-benar bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan segala

perintahnya dan menjauhi larangannya. Mereka juga dikehendaki bersiap sedia iaitu merancang kehidupan mereka sebagai bekalan untuk menghadapi hari akhirat.¹⁰⁸

Perancangan yang lemah akan mempengaruhi keseluruhan aspek pengurusan yang lain dan menyebabkan kegagalan di dalam mencapai matlamat yang digariskan. Oleh itu umat Islam tidak boleh melakukan sesuatu pekerjaan yang diamanahkan dengan tergesa-gesa, sambil lewa atau secara mengejut. Kurangnya persediaan seperti ini akan memberi kesan negatif kepada kelancaran sesuatu program.

Masalah perancangan juga melibatkan aspek promosi sesebuah aktiviti. Ketiadaan perancangan yang baik mengakibatkan promosi kurang dititikberatkan dan memberi kesan untuk mendapatkan penyertaan masyarakat terhadap program yang dirangka. Malah masalah ini ditambah lagi dengan kelemahan merancang masa yang sesuai untuk melaksanakan aktiviti.

Justeru, untuk memastikan kejayaan di dalam pengurusan, maka para pengurus perlu menyenaraikan segala rancangan atau kegiatan yang hendak dilaksanakan bagi mencapai sesuatu objektif. Mereka juga perlu menyediakan carta organisasi bagi tujuan mengagihkan tanggungjawab mengikut pengkhususan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu supaya

¹⁰⁸ H Salim Bahreisy, H. Said Bahreisy, *Terjemah Singkat Tafsir Ibn Katsier*, (Kuala Lumpur: Victoria, 1994), 8&9:89.

tugasan itu tidak bertembung atau bertindih di antara ahli jawatankuasa yang dilantik.¹⁰⁹

ii. Kelemahan Kepimpinan

Kepimpinan adalah elemen penting dalam sesuatu institusi. Ia merupakan perkara yang amat mustahak dalam mentadbir sebuah institusi bagi memastikan segala objektif yang telah dirancang akan mencapai sasarannya. Antara kelemahan yang lazim dilakukan ialah seperti autokratik, pentingkan diri sendiri, emosional dan sambil lewa.¹¹⁰

Terdapat juga pengurus yang tidak pernah memberi pengiktirafan terhadap pekerja bawahannya walaupun hanya dengan memberi ucapan terima kasih atau sebuah senyuman yang ikhlas. Malah ada yang mudah menyalahkan orang lain tanpa memuhasabah diri sendiri. Ini akan menyebabkan timbul perasaan ketidakpuasan hati kerana mereka tidak dihargai. Kesannya, mereka tidak melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan sepenuh hati dan tidak produktif.¹¹¹

Oleh itu, sebagai seorang pengurus perlu ada kemampuan dalam memberi arahan yang jelas dan membuat keputusan yang tepat serta mampu

¹⁰⁹ Ahmad Ibrāhīm Abū Sīn, *Pengurusan Dalam Islam*, 127.

¹¹⁰ Syed Othman Alhabsyi, “*Quality and Productivity Consciousness: An Islamic Approach*”, *Quality Management in Islamic Perspectives*, (t.tp: Leeds Publication, 1996), 169.

¹¹¹ *Ibid.*

mengawal kakitangan di bawahnya. Seorang pengurus Islam mestilah menunjukkan contoh yang baik kepada kakitangan bawahannya.

Seorang pengurus juga merupakan pakar motivasi bagi pekerja. Beliau perlu bertindak sebagai pendorong bagi mempertingkatkan kualiti pekerja lain dan menyediakan persekitaran kerja yang harmonis. Seorang pengurus yang bijak mesti peka dengan perubahan yang berlaku dalam persekitaran dalaman dan luaran organisasi. Mereka perlu inovatif, kreatif dan dinamik serta memberi kepercayaan penuh kepada pekerja dalam melaksanakan segala tugas. Walau bagaimanapun pemantauan terhadap tugas-tugas yang diberikan perlu dibuat sebaik mungkin.¹¹²

iii. Kekurangan Sumber Tenaga

Kekurangan pegawai-pegawai agama yang ditempatkan dalam sesebuah institusi Islam juga menyumbang kepada lemahnya sesuatu pengurusan sehinggakan mereka tidak menang tangan untuk melaksanakan kerja-kerja yang diamanahkan. Secara tidak langsung gagal untuk membuat perancangan secara sistematik. Ini dapat dilihat di sesetengah institusi masjid dan mahkamah syariah. Pegawai-pegawai tidak ramai untuk memantau keseluruhan aktiviti masjid tetapi jumlah masjid dan surau semakin bertambah. Begitu juga dengan bahagian pendakwaan, jumlah pegawainya

¹¹² Azman Che Omar, *Pengurusan di Malaysia Dari Perspektif Islam*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 23.

yag sedikit tidak mampu mendakwa kesemua kes kerana setiap kes perlu kepada kajian yang teliti.¹¹³

Oleh kerana masalah kekurangan tenaga, menyebabkan pengurus atau pentadbir tidak dapat fokus kepada tugas dengan sebaik mungkin. Mereka terlalu sibuk sehingga kadang kala mengendalikan sesuatu program sekadar melepaskan batok di tangga.

iv. Kewangan

Peruntukan yang terhad dari pihak berwajib menyekat kelancaran pelaksanaan program. Malah masalah ini lebih ketara dalam pengurusan organisasi dakwah dalam kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sumber kewangan dalam melaksanakan aktiviti banyak tertakluk kepada yuran peserta, sumbangan penaja atau orang perseorangan. Namun untuk lebih menjamin keberkesanan sesebuah usaha dakwah, maka adalah lebih baik sekiranya perkara tersebut tidak dipandang sebelah mata ataupun terus diketepikan.¹¹⁴

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ Ab Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam di Malaysia*, ed.1 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 281.

v. Komunikasi

Dalam masalah komunikasi, terdapat sesetengah arahan dari pihak pengurus yang tidak lengkap dan kurang jelas. Kadang kala pula bahasa yang digunakan agak kasar sehingga menyinggung perasaan pekerja.

Para pemimpin seharusnya menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami dan nada suara yang terkawal dan sesuai. Ini adalah kerana nada suara boleh menimbulkan tanggapan yang pelbagai. Justeru, pemimpin perlu mengelakkan nada suara yang bersifat mengarah dan mengelakkan perbincangan isu yang boleh menyebabkan pertelingkahan atau bersifat kontroversi.¹¹⁵

Allah SWT berfirman;

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَأَعْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ﴿١٩﴾

Luqmān 31:19

Terjemahan: Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.

¹¹⁵ Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor, *Dimensi Pengurusan Islam*, ed. 1 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 151.

Sekiranya perlu, perkara yang penting hendaklah disebut berulang kali supaya arahan yang diberikan benar-benar jelas dan dapat difahami dengan baik. Prinsip ini amat bersesuaian dengan apa yang diamalkan oleh Rasūlullāh SAW. Apabila baginda memperkatakan sesuatu perkara yang penting dan rumit, baginda akan mengulanginya sebanyak tiga kali. Baginda juga berbuat perkara yang sama dalam majlis yang dihadiri oleh ramai orang kerana bimbang suaranya tidak dapat didengari dengan baik.¹¹⁶

vi. Disiplin

Seorang pengurus yang lemah, tidak berdisiplin dan longgar akhlaknya sudah tentu gagal dalam memimpin organisasinya dengan baik. Kakitangan bawahan tidak akan menghormati atau berasa segan dengan pengurus seperti ini, malah dia mungkin akan diperlecehkan oleh pekerjaannya. Kadang kala pekerja akan terikut-ikut dengan perbuatan ketuanya seperti tidak menghargai masa, mengutamakan kepentingan diri daripada keperluan institusinya dan sikap menangguhkan kerja.

Dalam masalah ini, seorang pengurus atau pemimpin haruslah sedar bahawa kedudukannya di tempat atasan bukanlah merupakan satu anugerah tetapi ia adalah satu amanah berat daripada Allah SWT. Ia bukan satu

¹¹⁶ *Ibid*, 153.

keistimewaan dan penghormatan tetapi merupakan tanggungjawab yang akan dipersoalkan oleh Allah SWT.¹¹⁷

Diceritakan kepada kami Abu Nu'man, diceritakan kepada kami Ḥammad bin Zaid, daripada Ayyub, daripada Nafi' Sabda Rasūlullāh SAW; daripada Abdullah. Sabda Nabi SAW;¹¹⁸

حدثنا أبو النُّعْمَان حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ نَافِعٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Terjemahan: “Semua kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin itu bertanggungjawab keatas yang dipimpinnya”.

vii. Birokrasi

Birokrasi merupakan satu sistem kerja yang dapat meningkatkan keberkesanan kerja. Namun, apabila ia melibatkan kerendah birokrasi dalam pengurusan, maka ia akan menghalang kelicinan aktiviti yang diadakan.¹¹⁹

Sebagai contoh, pekerja bawahan tiada kebebasan untuk menyuarakan pendapat dalam menentukan sesuatu keputusan. Kedudukan

¹¹⁷ Wan Liz Osman Wan Omar, *Pengurusan Islam Abad ke-21*, (t.tp.: Utusan Publications & Distributors, 1996), 211.

¹¹⁸ Muḥammad bin Ismā‘īl Abū ‘Abdullāh al-Bukhārī al-Ja’fī, *Al-Jāmī’ As Ṣaḥīḥ al Mukhtasar*, Kitab Nikah, Jilid 5, ḥadīth no 4892, cet. ke-3, (Beirut, Dar Ibn Katsir, 1987), 1988.

¹¹⁹ Ab Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam di Malaysia*, (2006), 289.

mereka tidak ubah seperti orang suruhan yang mengikut segala arahan yang telah diputuskan oleh pegawai-pegawai atasan atau pemerintah.

2.6. Pelajar sebagai *mad'u*

Golongan pelajar suka mencari dan meneliti bukti-bukti akal tentang kebenaran Islam. Kepada golongan ini metode dakwah yang sesuai ialah dengan menjaga martabat ilmu yang mereka ada iaitu dengan memberi persoalan-persoalan yang menyebabkan mereka berfikir tentang keindahan Islam. Tanpa penguasaan yang jitu terhadap unsur-unsur psikologi manusia, maka pendakwah akan merasa sukar untuk menarik dan mempengaruhi sasarannya. Perkara ini akan menyebabkan mereka mudah berputus asa.

2.6.1. Psikologi pelajar

Aristotle membahagikan perkembangan manusia kepada tiga fasa utama iaitu peringkat bayi (tujuh tahun pertama), fasa pra remaja (tujuh tahun hingga awal remaja) dan fasa remaja (12 hingga 21 tahun).¹²⁰

Menurut Kamus Dewan, remaja ialah individu yang mulai dewasa, sudah sampai umur kahwin dan sudah akil baligh. Ia juga bermakna lelaki dan perempuan muda yang mulai terbit rasa cinta berahi.¹²¹

¹²⁰ Muuss Rolf E., *Adolescent Behaviour and Society: A Book of Readings*, (New York: Randon House Inc., 1975), 8.

¹²¹ Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 1046.

Berdasarkan definisi yang diberikan, remaja ialah individu yang mengalami banyak perubahan dan proses kematangan sebagai satu persediaan untuk menjadi dewasa. Perubahan yang dimaksudkan ialah perubahan dalam pelbagai aspek pada dirinya.

Terdapat juga ahli psikologi yang membahagikan usia remaja kepada awal remaja, pertengahan remaja dan akhir remaja. Setiap peringkat diperincikan aspek perkembangannya yang meliputi aspek fizikal, mental, sosial dan lain-lain lagi. Awal remaja bermula pada usia 10 hingga 15 tahun, pertengahan remaja bermula 15 hingga 18 tahun dan akhir remaja pula dikatakan bermula pada usia 19 hingga 24 tahun.¹²²

Kesimpulannya, peringkat-peringkat remaja yang ditentukan oleh para pengkaji menjelaskan tahap-tahap perubahan yang berlaku, di mana pada peringkat pra remaja dan remaja, seseorang individu mendepani perubahan pesat pada diri dan kebanyakan remaja menghadapi kejutan dan gangguan emosi. Sementara di peringkat belia atau akhir remaja, seseorang itu dikatakan memiliki emosi yang lebih stabil dalam menghadapi perubahan pada dirinya.¹²³

Justeru, pelajar merupakan golongan yang mengakhiri zaman remaja yang juga disebut sebagai belia. Usia belia bermula pada usia 17 hingga 24 tahun. Belia

¹²² Khadijah Haidi Khalid, *Meneroka Alam Remaja*, (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1994), 14-16.

¹²³ Fathiyah Mohd Fakhrudin, "Pembangunan Akhlak Remaja Menurut al-Qur'an: Kajian Tentang Pendekatannya Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah-Sekolah Menengah di Ampang, Selangor Darul Ehsan", (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2002), 41.

cenderung membuat sesuatu yang mempamerkan kedewasaan dan kematangan.¹²⁴ Mereka mempunyai fikiran dan kecenderungan tersendiri. Oleh itu pendakwah perlu menambat dan menyelami hati mereka sesuai dengan tahap pemikiran dan kecenderungan pelajar.

Setiap peringkat usia perlu memenuhi aspek psikologi dan mental. Pada peringkat remaja dan pra dewasa melibatkan beberapa peringkat psikologi seperti berikut:¹²⁵

- i. Sangat setia dengan kawan dan lebih cenderung menjauhi saranan orang dewasa dan keluarga.
- ii. Suka memendam rahsia. Bimbang masalahnya terbongkar kerana takut dikritik oleh orang lain.
- iii. Suka menentang amalan biasa yang tidak bersesuaian dengan apa yang dirancang dan matlamatnya.
- iv. Wujud pertembungan dalam diri dengan kepercayaannya. Dia bertanya tentang Allah SWT, tentang kewujudannya. Dia tidak matang dalam soal hidup dan meragui segala perkara. Dia mungkin mencuba pelbagai perkara.

Oleh itu, pendakwah perlu mampu memahami haluan psikologi dan mental mereka serta mampu melayannya dengan penuh bijaksana. Keinginan mereka perlu dipenuhi dengan fahaman dan fikiran yang bernas, rancangan yang bijak dan terancang dengan melakukan langkah-langkah berikut:

¹²⁴ Hurlock, Elizabeth Bergner, *Adolescent Development*, (New York: McGraw Hill Inc., 1973), 2.

¹²⁵ *Ibid.*

- a. Pendakwah perlu melibatkan golongan sebaya dalam kalangan pelajar yang peka dan beriltizam, memiliki sifat-sifat tertentu yang boleh menjadi *qudwah* dalam aspek ilmu, akhlak, iman dan iltizam dengan ajaran Islam. Dengan kelebihan dan kemampuan yang ada, mereka mampu menjadi daya penarik kepada rakan-rakan yang lain.
- b. Pendakwah perlu berusaha mendapatkan kepercayaan pemuda-pemuda dengan cara mendekati mereka, bergaul dengan kata-kata yang baik, memberi hadiah sempena kejayaan dalam peperiksaan dan melakukan ziarah. Setelah mereka mempercayai pendakwah, mereka akan mudah mendengar kebenaran dan menerimanya.
- c. Pendakwah perlu sabar, memaafkan kesilapan dan membuka ruang untuk pelajar menyampaikan apa yang ada dalam diri mereka. Segala nasihat mestilah disertakan dengan bukti, jauhi rasa ego atau suka menang. Dakwah perlu disampaikan dengan nada persaudaraan dan kasih sayang.
- d. Keraguan dan keengkarannya pemuda-pemuda itu tidak sepatutnya dibalas dengan cercaan, cacian dan pengusiran. Ia sepatutnya dilayan dengan cara yang betul supaya mereka mendapat kebenaran. Seperti kata psikologi, pertembungan agama dan keraguan merupakan gejala orang muda pada zaman ini.

Justeru, pendakwah perlu menyediakan hujah-hujah yang jelas serta bukti-bukti akal dan nas untuk diberikan kepada pemuda sedikit demi sedikit hingga penyakit mereka sembuh.¹²⁶

Rajah 2.6

Keperluan dakwah kepada pelajar



¹²⁶ Tawfiq al Wa'ite, *Dakwah: Seruan Menuju Allah*, 557-559.

2.6.2. Keperluan Dakwah Kepada Pelajar

Pelajar merupakan golongan pewaris yang bakal menentukan masa depan negara. Bahkan mereka juga diharapkan bakal menjadi mujahid dakwah yang akan memberi impak yang besar dalam mengetengahkan Islam sebagai satu cara hidup yang syumul dalam masyarakat di Malaysia. Oleh itu pembinaan generasi pelajar yang soleh dan musleh perlu diberikan penumpuan secara khusus. Namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai cabaran dalam mendekati golongan ini terutamanya di era globalisasi kini. Justeru, dalam usaha menarik minat golongan ini kepada Islam pendakwah perlu bersifat sabar dan mengkaji latar belakang serta permasalahan sebenar mereka supaya pendekatan dakwah yang sesuai boleh diaplikasikan terhadap golongan ini.

Terdapat beberapa tokoh dakwah yang membincangkan masalah dakwah remaja dan pelajar yang dilihat dari aspek masalah dalaman dan luaran seperti berikut:

i. Lemahnya ikatan akidah

Masalah pertama dakwah pelajar ialah lemahnya ikatan akidah dalam diri mereka. Pada peringkat ini, mereka sedang mencari identiti kerana mengalami masa peralihan di antara zaman remaja dan awal dewasa. Keyakinan mereka terhadap dosa dan pahala, balasan syurga dan neraka masih terlalu nipis. Akibat kurangnya keimanan dan akidah yang mantap ini tidak dapat membentengi mereka dari melakukan maksiat serta terjebak

dengan gejala sosial.¹²⁷ Oleh itu, pembinaan akidah pada masa muda ini memerlukan pembangunan yang serius.

Al Shahīd Ḥassan Al-Bannā telah menyatakan bahawa keimanan, keikhlasan, semangat dan usaha adalah sifat-sifat istimewa para pemuda. Namun sifat-sifat ini kian luntur dalam diri para pemuda yang menyebabkan mereka sukar menyambut seruan dakwah. Mereka tidak memahami hakikat sebenar sistem Islam dan menolak sebarang ajakan untuk kembali kepada Islam.¹²⁸

Keseluruhan sistem yang diguna pakai dalam urusan hidup mereka adalah sistem yang diikuti secara membuta tuli tanpa panduan ajaran Islam yang sebenar. Walaupun mereka mendirikan sembahyang, namun sembahyang mereka hanyalah berbentuk ritual semata-mata, tiada nilai rohani dan rasa takut kepada Allah kecuali hanya segelintir yang mendapat hidayah Allah SWT. Hari-hari yang dilalui penuh dengan sia-sia tanpa dimanfaatkan untuk memperbaharui diri dan membersihkan jiwa.¹²⁹

Justeru, tugas pendakwah ialah menghubungkan hati manusia dengan Allah SWT, mengenalkan manusia dengan tuhan mereka, menanamkan rasa cinta pada Allah SWT yang menjadikan manusia dan memiliki alam ini. Akidah yang mantap akan memberi kesan yang mendalam dalam diri

¹²⁷ ‘Abdullāh Naṣīh ‘Ulwān, *Tarbiyyatul Aulād Fīl Islām*, , cet. ke- 9, (Kaḥerah: Dār Al-Salām, 1985), 2:641.

¹²⁸ “Penulis tidak diketahui”, *Majmu‘ah Rasāil Al-Imām Al-Shahīd Ḥasan al-Bannā*, (Al-Iskandāriyyah: Dār al-Da‘wah, 1989), 97.

¹²⁹ Abdul Hamid al-Ghazali, *Perkara Asas Dalam Agenda Kebangkitan Ummah: Kajian berdasarkan Gagasan Imam Al-Banna*, terj. Solehan Ayub, (Selangor: Penerbitan Teras Bakti, 2004), 364.

mereka serta membimbing mereka mengenali hakikat kewujudan mereka di dunia. Kenyataan ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۗ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ۗ
ذَٰلِكُمْ وَصَّيْنَاكُمْ بِهِ ۗ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Al-An‘ām 6:153

Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.

Akidah ini akan membimbing dan memperteguhkan akhlak manusia serta melembutkan hati untuk menerima hidayah Allah SWT.

ii. Terpengaruh gelombang budaya barat yang melalaikan

Masalah dakwah pelajar yang kedua ialah terpengaruh dengan gelombang budaya barat yang melalaikan. Perkara ini berlaku disebabkan mereka kurang memahami Islam secara syumul serta tidak mempunyai jati diri yang mantap. Mereka tenggelam dengan budaya hiburan yang berleluasa dan mempersonakan. Barat berjaya menguasai hati, fikiran dan perasaan mereka.

Akibatnya lahirlah generasi yang kehilangan identiti dan jauh daripada ajaran dan landasan Islam.¹³⁰

Hiburan merupakan salah satu agenda barat untuk melekakan umat Islam terutama golongan pelajar. Walaupun menikmati hiburan merupakan fitrah bagi pemuda namun hiburan yang berlebihan menyebabkan para pemuda khususnya pelajar kurang berminat dengan aktiviti dakwah. Sesungguhnya inilah perencanaan yang disusun rapi oleh musuh-musuh Islam untuk menghancurkan umat Islam dan menjajah negara-negara Islam dengan suatu penjajahan moden. Hasilnya pemuda-pemuda Islam akan menjadi jumud, bukan lagi golongan yang dinamik yang sanggup berjuang dan berjihad.

Dr. Sidek Baba juga menegaskan bahawa pelajar kini sering dikaitkan dengan kecelaruan identiti. Mereka mengagumi proses pembaratan yang mencorakkan gaya hidup serta pemikiran baru dan membina idola yang bukan bersifat fitrah sehingga mencairkan jati diri seorang Muslim.¹³¹

Memang tidak dapat dinafikan bahawa dunia semakin canggih, kehidupan di bumi semakin indah dan menarik, manusia semakin mewah, namun semua perkara ini tidak mungkin memberikan kebahagiaan dan ketenangan kepada manusia. Fitrah manusia memerlukan agama sebagai panduan hidup.

¹³⁰ Abdul hamid al-Ghazali, *Perkara Asas Dalam Agenda Kebangkitan Ummah*, 365.

¹³¹ Sidek Baba, *Remaja dan Islam*, ed.1 (Selangor, Karya bestari Sdn. Bhd., 2007), 150.

Menurut ‘Abdullāh Nāṣih ‘Ulwān para pemuda hendaklah menaruh keyakinan yang sepenuhnya kepada kebenaran dan kemenangan Islam. Mereka hendaklah sedar bahawa barat telah menggunakan pelbagai metode dan teknik supaya umat Islam tidak lagi berpegang dan menghayati agama mereka sendiri.¹³² Akibatnya golongan terpelajar ini menganggap bahawa Islam itu hanyalah berkaitan hubungan di antara manusia dengan Allah sahaja dan agama itu merupakan urusan peribadi.

Justeru, para pemuda hendaklah mempunyai maklumat yang lengkap terhadap musuh-musuh Islam yang sentiasa mencari peluang untuk melalaikan umat Islam seperti gerakan Yahudi, Freemason, Kristian dan Komunis. Di antara teknik yang digunakan ialah dengan minuman keras, perhubungan seks yang haram dan wanita.¹³³ Natijahnya, para pemuda khususnya pelajar sudah tidak berminat lagi untuk mendalami dan menghayati ajaran Islam sepenuhnya.

Kesimpulannya, para pemuda hendaklah mengenali ajaran-ajaran Islam yang tulen agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan budaya barat yang sudah sebatikan dalam kehidupan seharian mereka. Mereka perlu mengenali musuh Islam yang giat merancang untuk menjauhkan umat Islam dari ajaran yang sebenar.

¹³² ‘Abdullāh Nāṣih ‘Ulwān, *Peranan Pemuda Di Dalam Menyampaikan Risalah Islam*, terj. Kamaludin Mustafa, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1987), 29.

¹³³ *Ibid*, 22.

iii. Hidup dalam kemewahan dan kesenangan

Masalah dakwah pemuda yang ketiga ialah hidup dalam kemewahan dan kesenangan. Pemuda yang lahir dalam suasana ini akan lebih mementingkan diri sendiri daripada memikirkan tentang orang lain. Mereka leka dalam kenikmatan dunia dan merasa selesa dengan kehidupan berfoya-foya. Mereka tidak merasakan keperluan dan kepentingan dakwah dalam kehidupan.¹³⁴ Malah segala kelebihan, masa dan tenaga mereka hanya bagi mencapai kepentingan peribadi sahaja.

Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia bersama-sama dengan tenaga akademik semua universiti di Semenanjung Malaysia mengenai budaya lepak dalam kalangan remaja dan pelajar menunjukkan bahawa 45% daripada 6110 orang subjek kajian tertumpu kepada kegiatan lepaknya di pusat membeli belah. Sewaktu ditemubual sebanyak 24% menghabiskan masa 1 hingga 2 jam, 10% di antara 2 hingga 3 jam dan 10% yang telah melepak lebih daripada 4 jam. Sebanyak 48% melakukan tingkah laku lepak sekali seminggu, 18% dua kali seminggu, 11% 3 kali seminggu dan 12% melakukan kegiatan melepak setiap hari. Secara purata golongan ini menghabiskan masa lapangnya sebanyak 16.3 jam seminggu.¹³⁵

¹³⁴ *Himpunan Risalah Imam Hasan al-Banna*, 133.

¹³⁵ Asmah Bee Mohd . Noor dan Iran Herman, *Membina Kesejahteraan Remaja*, ed.1 (Selangor: Tekno Edar, 1995), 103.

Kajian budaya lepak ini memberikan gambaran kepada masyarakat bahawa mereka membuang masa begitu sahaja tanpa sebarang amal untuk orang lain. Malah tidak pernah mengambil berat sedikit pun tentang nasib orang Islam yang lain.

Peribadi sebegini adalah manifestasi dari *ḥadīth* Rasūlullāh SAW yang menggambarkan peribadi umat Islam di akhir zaman ibarat buih, iaitu peribadi yang mencintai dunia dan takut kepada kematian. Hidup mereka terikat kepada dunia sehingga tertipu dengan keindahan dunia yang melalaikan. Justeru, peribadi sebegini mestilah diproses dan ditarbiyyah agar mereka tidak terus lalai dengan tipu daya dunia serta memahami bahawa segala harta dan kemewahan yang mereka miliki hanya bersifat sementara. Harta tidak dapat memberi manfaat di akhirat sekiranya tidak digunakan pada jalan kebaikan.

iv. Merasa lemah dan kurang yakin pada diri sendiri

Merasa lemah dan kurang yakin dengan diri sendiri merupakan faktor yang keempat. Ini disebabkan kekeliruan dan kekaburan dalam kalangan orang Islam dalam memahami maksud Islam sebagai *al-Dīn*. Mereka berpendapat bahawa urusan dunia dan akhirat itu adalah dua aspek kehidupan yang berasingan atau terpisah di antara satu sama lain. Akibatnya terjadilah kehidupan umat Islam yang hidup dalam keadaan dilema dalam negara yang membangun dengan ciri-ciri dan nilai hidup yang saling bertentangan.

Mereka hanya mempraktikkan Islam apabila ia bersesuaian dengan kehendak nafsu.

Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mahu menyambut seruan dakwah dan merasa selesa dengan suasana yang sedia ada. Sistem pendidikan ala barat yang diterapkan dalam institusi pendidikan menyebabkan mereka hilang jati diri.

Dari perbincangan di atas, penulis mendapati bahawa memahami jiwa pelajar adalah sangat penting bagi mengetahui kehendak dan kemahuan yang sering diperlukan oleh mereka. Mereka perlu diberi motivasi untuk meningkatkan keyakinan diri dengan cara dorongan bukan paksaan. Terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang menggambarkan tentang dorongan kepada manusia agar mencintai akhirat lebih daripada dunia. Contohnya dalam surah Hūd (11): 15.

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَالَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا

يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾

Hūd 11:15

Terjemahan: Sesiapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh al-Qur'an tentang sah batalnya), maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka di dunia, dan mereka tidak dikurangkan sedikitpun padanya.

Allah SWT telah memberi peringatan kepada manusia agar berhati-hati dan tidak tertipu dengan helah dunia yang melalaikan manusia. Maka sesiapa yang mengkehendaki dunia, mereka akan memperolehnya iaitu kenikmatan yang bersifat sementara, maka sesiapa yang lebih mencintai akhirat maka mereka akan beruntung kerana sesungguhnya kehidupan itu lebih kekal abadi.

Galakan dan bimbingan dalam menentukan arah tujuan kehidupan pelajar boleh diterapkan melalui motivasi sebagaimana yang digambarkan oleh ayat di atas.

v. Terburu-buru dan mudah berputus asa

Terburu-buru dan mudah berputus asa merupakan masalah dakwah pelajar yang kelima. Golongan pelajar biasanya merupakan golongan yang ideal dan sukakan natijah yang segera. Mereka sepatutnya perlu bersabar dalam mendidik jiwa kerana kesabaran itulah yang akan membuahkan keimanan yang tinggi kepadaNya.¹³⁶ Al Quran menempelak orang yang mudah kecewa dan berputus asa dalam firmanNya;

¹³⁶ Ghazali Darusalam, *Dinamika ilmu Dakwah Islamiah*, ed.1 (Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., 1996), 153.

يَبْنَئِ أَذْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِنْ يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَأْيِسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا

يَأْيِسُ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ ﴿٨٧﴾

Yūsof 12:87

Terjemahan: Wahai anak-anakku! Pergilah dan intiplah khabar berita mengenai Yusuf dan saudaranya (Bunjamin), dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir".

Ayat di atas membuktikan bahawa seseorang Muslim tidak harus merasa kecewa dan berputus harap kerana sifat-sifat yang demikian boleh menghapuskan sifat kelelakian dan kesatriaan serta menghancurkan umat.

Shāikh Muṣṭafā Mashhūr menyatakan bahawa pemuda memiliki peribadi mukmin yang lemah. Beliau menegaskan bahawa bilangan pemuda Islam pada masa kini ramai tetapi kurang berkualiti. Mereka tidak mempunyai peribadi mukmin yang kuat dan tidak berpengaruh untuk merubah suasana masyarakat yang semakin rosak. Jiwa mereka lemah sehingga tidak mampu membangunkan diri sendiri dan umat Islam yang lain.¹³⁷

¹³⁷ Muṣṭafā Mashhūr, *Jalan Dakwah*, 133.

Fakta ini disokong oleh Muḥammad Aḥmad Ar Rashīd. Beliau menyatakan bahawa golongan pemuda mempunyai sifat kurang bersabar akibat sifat terburu-buru yang ditanamkan Allah SWT ke dalam diri mereka. Mereka bersifat tamak dan tergesa-gesa apabila membuat sesuatu tindakan sehingga mudah merasa bosan dan berputus asa pada hal sebelumnya mempunyai semangat yang tinggi. Sifat ini boleh merugikan dakwah dan perlu dibendung agar mereka tidak menjadi fitnah kepada Islam.¹³⁸

Tambahan pula golongan pemuda ini merupakan golongan yang agak sukar untuk dibentuk kerana mereka sering mewujudkan perasaan ego dan mudah menentang. Oleh itu dalam usaha menjalankan dakwah kepada golongan belia ini hendaklah dijalankan dengan sabar dan *mushāwarah*.¹³⁹

Keperibadian pemuda Islam kini amat jauh berbeza dengan peribadi Islam yang hidup di awal Islam yang warak dan tahu membezakan perkara-perkara yang halal dan haram. Sifat mukmin sejati telah beransur-ansur hilang dari diri mereka menyebabkan mereka mempunyai sifat prejudis kepada dakwah.¹⁴⁰

Generasi pelajar juga tidak konsisten dalam bermujahadah. Walaupun mereka merupakan golongan yang bersemangat tinggi, namun sering gopoh dan terburu-buru dalam membuat perubahan diri. Mereka

¹³⁸ Muḥammad Aḥmad Ar Rashīd, Al- 'Awāiq, (t.tp., t.t., Muassasah al-Risālah), 1:21.

¹³⁹ Ghazali Darusalam, *Dinamika ilmu Dakwah Islamiah*, ed.1, 154.

¹⁴⁰ Noraini Ismail, "Pengaruh Falsafah Pragmatisme Ke atas Pemikiran Pelajar Melayu Islam: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, Kuala Lumpur" (disertasi, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 2001), 125-136.

mudah dibentuk apabila berada bersama golongan yang baik, sebaliknya mudah berubah apabila bergaul dengan rakan sebaya yang kurang baik.¹⁴¹

Malah, ahli psikologi Islam seperti al-Ghazali, al-Rāzī, Muḥammad ‘Uthmān Najātī, Muḥammad ‘Izuddīn Tawfīq, Samīḥ ‘Aṭīf al-Zāyn dan Hassan Langgulung melihat tekanan emosi dari sudut kegelisahan jiwa atau emosi manusia seperti gelisah, kecewa, bimbang keterlaluan, terburu-buru dan putus asa. Emosi ini wujud kerana hati manusia tidak beriman kepada Allah. Di samping itu, tekanan juga dikaitkan dengan penyakit hati seperti hasad dengki, sombong, ujub dan riak.¹⁴²

Muṣṭafā Mashhūr telah menerangkan sifat-sifat pemuda yang perlu diambil berat apabila berdakwah kepada mereka. Menurut beliau “Sesiapapun mudah sahaja membuat sesuatu kerja dan mengorbankan hidupnya kerana Allah, tetapi di waktu hendak menundukkan nafsunya dan melatih dirinya beriltizam dengan ajaran-ajaran Islam, beriltizam dengan akhlak-akhlak Islam dan adab-adab Islam adalah amat susah dan payah sekali.”¹⁴³

Kesimpulannya, peringkat remaja kebiasaannya dipengaruhi oleh pelbagai gangguan emosi dan tekanan hidup yang mendesak. Oleh itu bimbingan, sokongan serta panduan daripada ibu bapa, keluarga, rakan-

¹⁴¹ Fariza Md Sham, “Tekanan Emosi Remaja Islam”, laman sesawang UKM, dicapai 15 Julai 2010 <http://pkukmweb.ukm.my/>.

¹⁴² *Ibid.*

¹⁴³ Muṣṭafā Mashhūr, *Jalan Dakwah*, 135.

rakan sebaya serta masyarakat setempat amat diperlukan agar golongan pelajar dapat menempoh peringkat usia ini dengan lebih tenteram dan penuh yakin.

vi. Jahil tentang *taṣawwūr Islām* yang sebenar

Masalah seterusnya adalah jahil tentang *taṣawwūr Islām* yang sebenar. Muṣṭafā Mashhūr pernah mengungkapkan bahawa membentuk para pemuda lebih susah daripada membuat kilang-kilang dan bangunan-bangunan. Mereka merupakan golongan yang kurang sabar dalam mendidik diri dan menentang nafsu. Ini disebabkan oleh kurangnya pemahaman dan penghayatan akidah tauhid yang sejati, iaitu akidah yang telah membentuk generasi Muslim yang pertama dan mampu memancarkan amal yang bersungguh-sungguh di dalam diri mereka. Akidah yang memberikan kepada pendokongnya hati yang mencintai Allah di waktu rahsia dan terang, di waktu marah dan reda, di dalam segala keadaan kerana semata-mata mengharap redha Ilahi serta takutkan kemurkaan dariNya.¹⁴⁴

Pengaruh kemajuan teknologi moden, idea-idea modeniti, teori-teori sains yang menonjolkan sekularisme telah mempengaruhi jiwa masyarakat muslim. Masyarakat Islam hari ini, telah lama mengalami kerosakan yang teruk dalam pelbagai bidang kehidupan, akibat dari penjajahan fizikal dan mental barat serta akibat dari kepincangan dalam sendiri dan pemulihannya memerlukan diagnosis yang mendalam dan pengubatan yang bersungguh-

¹⁴⁴ *Ibid*, 137 – 139.

sungguh dan istimewa. Malah nilai-nilai akhlak atau moral Islam sudah pun tercabar.¹⁴⁵

Rajah 2.7

Penerimaan dakwah pelajar



¹⁴⁵ Mohamad Nazli Omar, Pengurusan Dakwah di Negeri Maju: Kajian Tentang Cabaran dan Masalahnya di Melaka, 112.

2.6.3 Penerimaan Dakwah Pelajar

Penerimaan dan sambutan terhadap program dakwah merupakan salah satu faktor penting dalam menilai keberkesanan program dakwah. Aktiviti-aktiviti yang menarik dan sesuai dengan latar belakang sasaran membantu menarik minat mereka untuk menyertai program yang dijalankan. Sehubungan dengan itu, pendakwah perlu mengkaji keperluan dan kecenderungan sasaran serta mempelbagaikan kaedah penyampaian dakwah bagi mendapat sambutan yang positif. Mereka perlu memperbaiki kelemahan yang wujud dalam melaksanakan aktiviti dakwah agar dapat dijadikan kayu ukur dalam memperbaiki perjalanan sesuatu program dakwah dan natijahnya pelaksanaan dakwah akan bertambah mantap dan efisien.

Perancangan program dakwah perlu mengambil kira beberapa perkara berikut:

i. Penganjuran (Tempat, Masa dan Promosi)

Pemilihan Tempat

Pemilihan tempat dan masa yang sesuai juga berperanan dalam membantu penerimaan pelajar terhadap program dakwah. Rasūlullāh SAW bijak memilih waktu dan tempat ketika hendak berdakwah kepada manusia. Ini adalah kerana manusia adakalanya mudah menerima dakwah ketika berada di tempat yang berbeza dan waktu yang sesuai. Ketika Rasūlullāh SAW

diperintahkan berdakwah secara terang, beliau telah memilih waktu ketika orang ramai berada di kawasan tersebut waktu siang hari dan beliau naik ke Bukit Şofā untuk menampakkan dirinya dan suaranya jelas kedengaran.¹⁴⁶

Rasūlullāh SAW juga bijak memilih tempat di mana ramai manusia berkumpul antaranya di pasar-pasar yang terdapat di sekitar Mekah seperti Pasar *‘Ukaz* dan Pasar *Dhi al-Majāz*.¹⁴⁷

Pemilihan Masa/ Waktu

Program yang dijalankan pada waktu tengahari yang panas dalam keadaan tempat yang kurang selesa dan sempit juga boleh menjejaskan penyertaan dan keberkesanan dakwah.¹⁴⁸ Oleh itu, pendakwah perlu bijak mencari masa dan tempat yang sesuai sebelum melaksanakan sesuatu program.

Promosi

Promosi yang meluas dari pihak penganjur juga tidak kurang pentingnya. Ini kerana setiap program yang telah direncana dengan rapi jika tidak disusuli dengan promosi yang mantap pastinya akan gagal. Justeru, Pihak penganjur perlu menggunakan pelbagai medium pemasaran terutamanya elektronik seperti *facebook*, *email* dan *twitter* selain cara biasa seperti *hand bill*, poster dan *banner*. Pendapat ini disokong oleh David yang menegaskan bahawa

¹⁴⁶ Ibn Hishām, *Sīrah Ibn Hishām*, (Qahīrah:Dār al-Hadīth, 1983), 1:237.

¹⁴⁷ *Ibid.*

¹⁴⁸ Rahimah Hashim, “*Ilmu Komunikasi: Kaedah dan Teknik Dalam Dakwah Islamiah*”, ed. Abdullah Muhammad Zain et al, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 140.

promosi yang dibuat melalui internet merupakan elemen penting dalam menarik perhatian masyarakat ke atas sesuatu produk dan akan memberi impak positif ke atasnya.¹⁴⁹ Oleh itu, promosi yang hebat dapat menarik minat sasaran dakwah untuk turut terlibat dan menjayakan program yang telah dirancang.

Dalam industri perniagaan kejayaan Syarikat Apple tidak dapat dinafikan. Produknya yang berkualiti seperti Iphone, Ipod, Ipad, Mac Book Air dan Mac Book Pro sangat terkenal dan diminati oleh penggunanya. Menurut Majalah Niaga¹⁵⁰ antara faktor kejayaan Syarikat Apple ialah hasil promisinya yang mantap sehingga membentuk persepsi pasaran bahawa jenamanya adalah jenama yang berteknologi tinggi. Bahkan pemiliknya dipandang sebagai mereka yang inovatif, bijak, bergaya dan berbeza dengan orang lain.

Kenyataan di atas jelas menunjukkan impak promosi terhadap sesuatu produk atau kejayaan sesuatu program.

¹⁴⁹ David Irwan, *Exploiting IT In Business: Putting Technology To Work To Grow Your Profit* (Great Britain, Hawksmere, 1999), 5.

¹⁵⁰ Mazlan Mohamad, "Rahsia Kejayaan Apple", laman sesawang Majalah Niaga, dicapai pada 12 November 2013, www.majalahniaga.com/rahsia-kejayaan-apple-steve-job.html.

ii. Pengisian (Penampilan Penceramah, Mesej dan Bentuk Program)

Penampilan Penceramah

Faktor penceramah merupakan unsur utama dalam penerimaan pelajar terhadap program dakwah. Sekiranya penceramah membuat penyampaian yang baik, sudah tentu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat.

Penceramah perlulah membuat persiapan diri dari pelbagai sudut. Cara bertutur dan penampilan pendakwah yang ceria akan menarik perhatian orang yang mendengar dan melihatnya kerana pada dasarnya jiwa manusia cenderung dan mudah tertarik dengan penampilan yang indah dan baik.¹⁵¹ Pendakwah perlu banyakkkan senyuman kerana senyuman yang hangat mempunyai pengaruh yang besar dalam menggerakkan hati untuk menerima seruan dakwah.¹⁵²

Pemilihan Mesej

Pemilihan mesej dakwah yang hendak disampaikan haruslah sesuai dengan sasaran. Lazimnya manusia tidak suka memikirkan perkara-perkara yang berat dan sukar untuk difahami. Oleh itu, mesej dakwah yang hendak

¹⁵¹ ‘Abbās As-Sīsī, *Al-Ṭorīq Ilā al-Qulūb*, juz. 1, cet. ke-6, (al- Mansūrah, *Dār al-Wafā’*, ,2009), 75.

¹⁵² *Ibid.*, 73.

disampaikan perlulah jelas dan nyata. Selain daripada itu, untuk menarik perhatian, mesej Islam yang dikemukakan haruslah dalam keadaan yang berubah-ubah. Perubahan ini berlaku pada gaya dan bentuk persembahan pada nama-nama penting dan sebagainya. Contoh perubahan pada nama-nama penting seperti nama al-Qur'ān diubah-ubah kepada *al-Furqān*, *al-Dhikr* dan *al-Tanzīl*. Nama kiamat diubah-ubah kepada al-Waqi'ah, al-Qari'ah, al-Ghasyiyah dan al-Haqah. Dengan perubahan-perubahan seperti ini, Islam kelihatan sangat dinamik.¹⁵³

Zāin al-'Abidīn al-Rikābī telah menjelaskan, di antara syarat penting dalam penyampaian dakwah ialah cara penyampaian mesej dakwah kepada sasaran dengan kaedah memberi kefahaman secara terang dan jelas. Kaedah ini bertepatan dengan agama Islam sebagai agama yang indah dan mudah untuk dipelajari serta dihayati. Oleh yang demikian, ia hendaklah disampaikan dengan cara yang sejelas-jelasnya untuk menarik perhatian.¹⁵⁴

Selain itu, menurut Ab. Aziz Mohd Zain, media elektronik juga boleh digunakan dalam menyampaikan mesej dakwah. Penggunaan media yang betul akan menjadi tarikan dan memberi kesan yang baik kepada audien.¹⁵⁵

¹⁵³ Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, cet. ke-3, (Bangi: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 194-197.

¹⁵⁴ Zāin al-'Abidīn al-Rikābī, *Al-Nazriyyāt al-Islāmiyyah fī al-'ilm al-Islāmī wa al-'alāqāt al-Islāmiyyah*, (Riyād: t.pt., 1979) 299.

¹⁵⁵ Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 189.

Bentuk Program

Bidang dakwah perlu diperluaskan mengikut perkembangan zaman seperti melalui pendidikan, kebajikan, kebudayaan, sosial dan media massa. Malahan ia juga perlu dipelbagaikan mengikut keperluan sasaran. Di antara program yang sesuai untuk golongan pelajar seperti perhimpunan ala *summer camp*, pertandingan kesenian Islam, lawatan sambil belajar, kursus kesetiausahaan, kemahiran komunikasi, pengurusan masa dan kaunseling Islam.¹⁵⁶

iii. Penyampaian (Kemahiran Berkomunikasi dan Penggunaan Alat Bantu Mengajar)

Kemahiran Berkomunikasi

Pendakwah juga perlu memiliki kemahiran berkomunikasi secara sehala, dua hala atau pelbagai hala. Penguasaan ilmu kemanusiaan seperti psikologi, sosiologi, akhlak, pendidikan juga penting untuk memahami sasaran secara dekat. Penguasaan sebeginilah yang digunakan oleh dunia barat sehingga dengan mudah mereka dapat menguasai pemikiran orang Islam.¹⁵⁷

Bimbingan yang ikhlas dan nasihat yang berkesan yang ditujukan kepada jiwa yang bersih, hati yang jujur, akal yang waras dan sihat tentulah mudah untuk diterima dan memberi kesan yang hebat kepada jiwa tersebut. Namun dalam hal ini juga pendekatan nasihat dan bimbingan yang betul

¹⁵⁶ Munir bin Md Amin, *Program Dakwah Masjid di Daerah Gombak*, 65-66.

¹⁵⁷ *Ibid.*, 61.

akan mudah diterima dan perubahan juga akan lebih positif. Oleh sebab itu, Rasūlullāh SAW mengingatkan agar proses memberi nasihat ini boleh disertai dengan senda gurau yang tidak melampau, mestilah berhemah, sentiasa melihat suasana dan kondisi, sentiasa cermat, memberi keterangan dengan jelas dan terang serta tidak berbelit-belit.¹⁵⁸

Penggunaan Alat Bantu Mengajar

Penggunaan teknologi multimedia yang mengintegrasikan pelbagai media dalam menyampaikan maklumat dapat membantu mempermudah pembelajaran bagi setiap individu. Sebagai contoh multimedia yang menggunakan aplikasi perisian Microsoft Office Power Point banyak membantu pelajar dalam menerima maklumat dengan mudah dan senang difahami.¹⁵⁹ Oleh itu, pendakwah perlu menggunakan alat bantu mengajar yang terkini seperti *Laser Crystal Display* (LCD) bagi memastikan penyampaian yang lebih berkesan. Secara tidak langsung sasaran lebih tertarik untuk terus bersama dalam program yang dianjurkan.

iv. Pemahaman

Penerimaan pelajar terhadap program dakwah yang dilaksanakan juga bergantung kepada kefahaman mereka mengenai kepentingan menghayati

¹⁵⁸ ‘Abd Fattah Abū Ghuddah, *Al-Rasūl al-Mu‘allim wa Asālībihi fi al-Ta‘alīm*. Tajuk: Menggunakan Pendekatan seloka dan Bergurau Senda, 214

¹⁵⁹ Siti Aishah Abu Bakar, “Penggunaan Multimedia Dalam Khutbah Jumaat: Kajian Terhadap Penerimaan Jemaah di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq Bangsar Kuala Lumpur” (disertasi, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 76.

Islam dalam kehidupan seorang Muslim. Kenyataan ini disokong oleh kajian Abdull Rahman Mahmood yang membuktikan bahawa terdapat kolerasi antara penerimaan orang bukan Islam dan kefahaman terhadap Islam.¹⁶⁰

Selain itu, penerimaan dakwah juga didorong kepada profil keluarga sama ada pendidikan, latar belakang lokasi dan bangsa. Lazimnya jika ibubapa mereka mempunyai latar belakang pendidikan agama yang kukuh, anak-anak juga akan berminat untuk mengikuti program-program keagamaan.

2.7. Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, jelas bahawa masalah pelaksanaan dakwah berpunca dari kelemahan pendakwah dalam merancang dan mengurus dakwah. Pengurusan yang dimaksudkan hendaklah mampu menentukan objektif yang hendak dicapai supaya matlamat umumnya dapat diperolehi. Juga mewujudkan suatu struktur pengurusan yang mampu mengelola, merancang, merencana, membuat strategi, mengawal dan melaksanakan segala tugas yang telah diamanahkan dengan sebaik-baiknya. Kejayaan dalam sesebuah pengurusan Islam banyak bergantung kepada kecekapan dan kesungguhan individu dalam melaksanakan misi sesebuah organisasi serta keupayaan mereka mempengaruhi orang lain untuk mencapai sesuatu matlamat.

¹⁶⁰ Abdull Rahman Mahmood et al., "Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi Di Malaysia", *Jurnal Hadhari*, bil 2, (2009), 49.

Faktor kedua yang menyumbang kepada pelaksanaan dakwah ialah faktor pelajar yang merupakan sasaran dakwah. Kebanyakan pelajar kurang memahami erti kepentingan dakwah dalam kehidupan mereka, di samping pengaruh budaya hiburan yang melalaikan serta keadaan hidup yang selesa.

Sehubungan dengan itu, dalam konteks penyelidikan ini penulis akan memfokuskan penyelidikan berhubung permasalahan yang dihadapi pendakwah terhadap usaha-usaha mengajak pelajar UNISEL untuk menghayati Islam sebagai satu cara hidup.

BAB 3

ANALISIS PELAKSANAAN DAKWAH TERHADAP PELAJAR UNISEL

3.0 Pendahuluan

Bab tiga ini bertujuan untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenalpasti pelaksanaan dakwah yang telah dijalankan kepada pelajar-pelajar di UNISEL. Oleh itu, kajian akan mengemukakan analisa pelaksanaan dakwah terhadap pelajar dengan memberi penumpuan terhadap latar belakang pelajar, usaha dakwah, pendekatan dakwah dan masalah pelaksanaan dakwah. Latar belakang keadaan pelajar adalah aspek yang penting untuk dikaji agar dapat disesuaikan dengan keperluan dan metodologi dalam penyampaian dakwah. Usaha dakwah pula perlu dianalisis untuk melihat kesungguhan organisasi dan badan-badan dakwah di UNISEL dalam menyampaikan seruan dakwah kepada pelajar. Pendekatan dakwah yang sesuai amat penting bagi menarik pelajar menghadiri program yang dilaksanakan. Manakala masalah pelaksanaan dakwah pelajar pula dikaji dari sudut kakitangan Pusat Islam dan pengurusan universiti.

Pelajar amat perlu kepada bimbingan bagi menyedarkan mereka mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai seorang Muslim serta kepentingan membentuk sahsiah Islamiah yang mantap. Usaha yang berterusan dengan mempelbagaikan kaedah dakwah perlu ditumpukan terhadap golongan ini, agar lahirnya ramai pelapis golongan profesional yang menghayati Islam sebagai al-dīn dalam kehidupan mereka.

Pendakwah perlu memahami perkembangan psikologi pelajar supaya dakwah yang disampaikan dapat memberi impak yang maksimum kepada sasaran dakwah. Aspek keagamaan adalah satu faktor yang penting dalam perkembangan personaliti manusia kerana agama boleh membantu individu menjadi matang. Manakala komitmen kepada kepercayaan beragama akan memberi makna kepada tujuan dan arah kehidupan.¹⁶¹

Menyedari betapa pentingnya golongan pelajar sebagai agen perubahan masyarakat pada masa akan datang, pelbagai pihak telah memainkan peranan untuk melaksanakan aktiviti dakwah terhadap mereka. Usaha dakwah ini telah dilakukan oleh beberapa badan dalaman universiti seperti Pusat Islam UNISEL, Unit Usrah di bawah seliaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Data-data dalam bab ini diperolehi berdasarkan laporan, minit mesyuarat dan dokumen dari badan-badan dakwah yang dibuat kajian. Selain daripada itu, kajian ini turut menggunakan kaedah temubual berstruktur. Beberapa orang informan telah dikenal pasti bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Antara informan tersebut ialah individu yang terlibat secara langsung dengan program dakwah pelajar seperti pengarah, pegawai dan penyelaras yang mewakili badan dakwah tersebut untuk ditemu bual.

3.1. Latar Belakang Keadaan Pelajar di UNISEL

UNISEL merupakan universiti negeri pertama di Malaysia yang bernaung di bawah kerajaan negeri Selangor. Ia didaftarkan sebagai institusi pengajian tinggi swasta yang

¹⁶¹ Azlina Abu Bakar@Mohd, *Psikologi Personaliti Individu*, (Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd., 2002), 74.

dikendalikan oleh Kumpulan Darul Ehsan (KDEB) melalui anak syarikatnya Pendidikan Industri Yayasan Selangor Sdn. Bhd.¹⁶² Semenjak penubuhannya pada 24 Ogos 1999, jumlah keseluruhan pelajar adalah seramai 58,085 pelajar. Manakala populasi pelajar kini mencecah 14,000 pelajar.¹⁶³ Jumlah pelajar ini membuka ruang yang luas untuk menyebarkan dakwah terhadap golongan pelajar.

Namun begitu dalam usaha menyampaikan seruan dakwah Islam, pendakwah perlu mengetahui keadaan pelajar UNISEL supaya metode yang tepat dapat diaplikasikan terhadap golongan sasaran ini. Kajian menemubual beberapa informan untuk mendapatkan pandangan mereka tentang keadaan sosial pelajar di UNISEL. Berdasarkan hasil temubual tersebut, hampir keseluruhan informan mengatakan bahawa pelajar UNISEL menghadapi masalah keruntuhan akhlak. Masalah disiplin pelajar juga agak membimbangkan. Terdapat beberapa kes pelajar seperti penyalahgunaan dadah, mengandungi anak luar nikah dan kes samseng.¹⁶⁴ Kenyataan ini disokong oleh Mohd Hafiz Bin Zainuddin selaku Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Nuqaba' yang menegaskan kegawatan masalah sosial pelajar. Terdapat pelajar Muslim yang minum arak, 'clubbing', tidak menunaikan solat dan kes penzinaan dilaporkan berlaku pada setiap semester.¹⁶⁵ Menurut pemerhatian kajian, pelajar-pelajar perempuan juga ramai yang menggunakan pengecat kuku, mewarnakan rambut dan bebas berpasangan dengan pelajar lelaki.

Menurut laporan perangkaan yang dikeluarkan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar UNISEL, statistik yang menunjukkan jumlah tangkapan dalam operasi yang dijalankan

¹⁶² Buku Istiadat Konvo Unisel ke-2, 2.

¹⁶³ Data yang diperolehi melalui Jabatan Kemasukan Pelajar UNISEL pada 30 September 2011.

¹⁶⁴ Norsianti Binti Talib, (Pegawai Hal Ehwal Pelajar UNISEL), dalam temubual dengan penulis, pada 9 Jun 2011.


¹⁶⁵ Mohd Hafiz Bin Zainuddin, (Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Nuqaba' Sessi 2010/2011), dalam temubual dengan penulis, pada 10 Ogos 2011.

pada semester 2/2010/2011 adalah seperti berikut. Seramai 75 pelajar terlibat dengan kesalahan Etika Pakaian, 7 pelajar terlibat dalam Etika Sosial, 98 pelajar terlibat dalam Etika Peperiksaan, 14 pelajar Etika Operasi Malam dan 16 pelajar terlibat dalam Etika Kasih.¹⁶⁶

Graf berikut menunjukkan keputusan soal selidik yang dijalankan berkaitan perkara-perkara keruntuhan akhlak terhadap pelajar-pelajar UNISEL dalam program Anda Bijak Jauhi Zina (ABJZ) yang dijalankan oleh staf Pusat Islam.

Graf 3.1

Soal selidik program Anda Bijak Jauhi Zina



Sumber: Laporan program Anda Bijak Jauhi Zina, UNISEL, 12 April 2011.

¹⁶⁶ Perangkaan Unit Disiplin Pelajar HEP (laporan, Universiti Selangor, Bestari Jaya, semester 2/2010/2011).

Daripada jumlah pelajar seramai 182 orang yang dikaji, 72% pernah keluar bersama pasangan, 34.6% pernah menerima gambar lucah melalui MMS dan internet, 29.8% pernah melayari laman web lucah, 25.8% pernah bergaul dengan kawan-kawan yang suka merempit, 17% pernah ke kelab malam, 14.9% pernah menghayalkan adegan-adegan yang dilihat di video dan web lucah, 11.5% pernah minum arak, 6% pernah melakukan seks dengan lain jantina, 2.2% pernah mengambil pil khayal atau jenis dadah yang lain dan 1.1% pernah melakukan seks dengan sama jantina.¹⁶⁷

Justeru gambaran keadaan pelajar UNISEL, menunjukkan usaha dakwah amat perlu ditingkatkan terhadap mereka. Pelajar perlu dibantu untuk mengingatkan mereka tentang tujuan dan matlamat hidup serta memelihara jati diri sebagai seorang Muslim. Sejalan dengan aspirasi UNISEL bagi melahirkan pelajar yang seimbang di antara kecemerlangan akademik dan akhlak, pelbagai usaha dakwah telah dirangka bagi melahirkan pelajar yang berilmu dan bersahsiah tinggi.

3.2. Pendekatan Dakwah Kepada Pelajar UNISEL

Seterusnya perbincangan difokuskan kepada pendekatan dakwah kepada pelajar UNISEL. Penggunaan perkataan pendekatan dakwah menyamai metode, *uslub*, *manhaj* dan *wasīlah* yang turut digunakan bagi menggambarkan cara, kaedah dan metode dalam berdakwah. Program-program yang dirancang untuk golongan pelajar haruslah menggunakan perkataan yang boleh menarik minat golongan ini kepada program tersebut.

¹⁶⁷ Program Kempen Anda Bijak Jauhi Zina (laporan, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 12 April 2011).

Dalam menjalankan dakwah, terdapat beberapa pendekatan yang diambil oleh badan-badan dakwah di UNISEL. Antaranya ialah:

3.2.1. Pendekatan Dakwah Pelajar Kepada Pelajar

Bagi memastikan dakwah sampai kepada pelajar secara keseluruhannya, badan-badan dakwah menggunakan pimpinan pelajar dan *nuqabā'* sebagai medium atau agen dakwah. Beberapa siri pertemuan disusun bagi membimbing para pimpinan pelajar agar mereka dapat menjadi *feeder* dalam menggerakkan dakwah dalam kalangan pelajar. Dengan ini banyak program dakwah dapat dirancang secara kerjasama dengan persatuan dan pimpinan pelajar.¹⁶⁸

3.2.2. Pendekatan Dakwah Melalui Tarbiah

Tarbiah dalam usaha pembinaan insan merupakan agenda utama badan-badan dakwah UNISEL. Tarbiah bertujuan mengubah manusia daripada keadaan yang buruk kepada yang lebih baik, daripada maksiat kepada ketaatan kepada Allah SWT dan daripada kesesatan kepada hidayah. Oleh itu, usrah mingguan pelajar telah diwajibkan oleh pihak universiti bagi mentarbiah pelajar secara konsisten dari aspek pembangunan akidah, syariah dan akhlak. Manakala kuliah maghrib tetap dilaksanakan setiap hari walaupun penyertaan pelajar agak mendukacitakan.¹⁶⁹

¹⁶⁸ Mohd Saedal Atas Bin Abdul Ghani, (Penyelaras Akademik Subjek Usrah UNISEL) dalam temubual dengan penulis, pada 17 Jun 2011.

¹⁶⁹ *Ibid.*

3.2.3. Pendekatan Dakwah Melalui Kerjasama Fakulti-fakulti

Penganjuran aktiviti dakwah yang melibatkan pelajar sebagai sasaran utama sudah semestinya memerlukan kerjasama yang erat dari pihak pengurusan fakulti. Kerjasama yang dimaksudkan ialah dengan meminta pihak fakulti menghantar sejumlah pelajar yang ditetapkan untuk menghadiri program yang dianjurkan. Di samping itu, surat jemputan rasmi juga dikeluarkan bagi menjemput dekan, pensyarah serta kakitangan fakulti ke program-program rasmi yang dianjurkan oleh badan-badan dakwah. Pendekatan ini terbukti berjaya meramaikan bilangan peserta dan memeriahkan lagi program.¹⁷⁰

3.2.4. Pendekatan Dakwah Melalui Laman Sosial

Laman sosial merupakan saluran maklumat yang mampu menyampaikan mesej dakwah yang berkesan. Menyedari bahawa pelajar zaman kini amat meminati internet, maka badan-badan dakwah UNISEL memanfaatkan sepenuhnya ruang maya yang ada untuk mewar-warkan aktiviti-aktiviti dakwah yang dijalankan di dalam kampus. Ustazah Noor Azzah Mohd Yusof telah diamanahkan untuk menyelaras dan mengemaskini maklumat laman sosial Pusat Islam seperti *face book*, *blog* dan laman web. Menurut beliau, secara tidak langsung melalui interaksi maya yang diwujudkan pelbagai mesej dakwah dapat disampaikan kepada pelajar dengan lebih berkesan.¹⁷¹

¹⁷⁰ Hj. Mokhtar Hj. Ridzwan, (Pengarah Pusat Islam UNISEL), dalam temubual dengan penulis, 17 Jun 2011.

¹⁷¹ Noor Azzah Mohd Yusof, (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Pusat Islam merangkap Ketua Unit Penerbitan dan Sistem maklumat) dalam temubual dengan penulis, 24 Ogos 2011.

3.2.5. Pendekatan Dakwah Mengikut Hari Kebesaran Islam

Telah menjadi adat dalam masyarakat melayu di Malaysia untuk menyambut hari kebesaran Islam dengan mengadakan aktiviti ceramah agama. Pusat Islam di bawah Unit Program Kebesaran Islam dan Kursus Amali bertanggungjawab memikirkan variasi aktiviti yang sesuai bagi menarik lebih ramai pelajar menghadiri majlis ilmu sempena hari kebesaran Islam. Selain ceramah perdana, pelbagai aktiviti sampingan dianjurkan seperti pertandingan nasyid, melukis poster, perarakan pelajar dan lain-lain lagi.¹⁷²

3.2.6. Pendekatan dakwah melalui akhlak dan contoh teladan

Di antara media terbaik dalam menyampaikan dakwah ialah melalui sifat-sifat terpuji serta suri teladan yang baik. Akhlak yang baik lebih berkesan berbanding ucapan atau perkataan yang diutarakan oleh pendakwah. As-Shahīd Ḥassan Al-Bannā sendiri selalu berpesan kepada pendakwah supaya menjadikan diri mereka umpama sepohon pokok buah, walaupun dilempar dengan kayu atau batu tetap menaburkan buah-buahan yang manis.

Justeru, staf badan-badan dakwah di UNISEL sentiasa mempamerkan akhlak yang baik terutamanya apabila berurusan dengan sasaran dakwah. Melalui pemerhatian, di pejabat Pusat Islam telah disediakan satu ruangan khas untuk pelajar-pelajar khususnya para *nuqabā'* dan ahli jawatan kuasa masjid berbincang

¹⁷² Mohd Fathur Rahman Bin Kasdiran, (Pegawai Hal Ehwal Islam Pusat Islam UNISEL), dalam temubual dengan penulis, 17 Jun 2011.

mengenai aktiviti-aktiviti dakwah pelajar. Layanan staf kepada pelajar amat mesra ibarat adik beradik. Hubungan yang baik antara staf dan pimpinan pelajar memudahkan aktiviti dan perancangan dakwah untuk dilaksanakan secara bersama.

Secara kesimpulannya, keberkesanan dakwah bergantung kepada usaha dan pendekatan yang diaplikasikan oleh pendakwah. Dalam konteks melahirkan pelajar yang beriman dan berketerampilan tinggi, usaha dakwah yang berstrategi perlulah difikirkan agar dakwah yang dilaksanakan bakal melahirkan pemimpin ummah yang berwibawa dan berhemah tinggi.

3.3 Usaha-usaha Dakwah Pelajar di UNISEL

Terdapat dua pihak yang berperanan menjalankan aktiviti dakwah di UNISEL iaitu pihak dalaman dan luaran. Pihak dalaman universiti adalah Pusat Islam UNISEL dan unit usrah Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Pihak luaran yang terlibat pula ialah Kerajaan Negeri Selangor di bawah program SPIES (*Spiritual, Physical, Intellectual, Emotional, dan Social*). Manakala kaunselor pula lebih menumpukan bimbingan kepada pelajar yang bermasalah. Namun kajian ini hanya menumpukan aktiviti dakwah yang dilaksanakan oleh pihak universiti sahaja.

3.3.1 Pusat Islam UNISEL

i. Latar Belakang

Pusat Islam Universiti Industri Selangor ditubuhkan atas kehendak Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Razali Agus, Naib Canselor UNISEL keempat dalam satu pertemuan beliau dengan semua staf bahagian Hal Ehwal Pelajar Unisel pada 15 Ogos 2007, bagi menggantikan Unit Agama dan Pembangunan Insan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar di Kampus Bestari Jaya UNISEL. Unit ini telah berjaya menganjurkan pelbagai aktiviti dan program dari semasa ke semasa, yang pada ketika itu berada di bawah kepimpinan, Naib Canselor UNISEL Prof. Dato Dr. Adnan Alias dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Hal Ehwal Pelajar UNISEL, Prof. Dr. Rustam Abbas.¹⁷³

Hasrat murni Prof Dato Dr Razali Agus menggantikan Unit Agama dan Pembangunan Insan dinaik taraf menjadi Pusat Islam UNISEL yang secara langsung di bawah pentadbiran pengurusan tertinggi iaitu Naib Canselor, merupakan satu pengiktirafan kepada Pusat Islam demi mengangkat martabat Islam sebagai agama rasmi.

Secara langsung ia memberi ruang kepada semua staf Unit Agama dan Pembangunan Insan yang telah diserapkan di bawah pentadbiran Pusat Islam UNISEL, agar dapat terus berperanan dengan lebih luas bagi

¹⁷³ Risalah Pusat Islam Unisel, bil 1/2008.

menjadikan Pusat Islam sebagai pusat membangun kecemerlangan modal insan dan pusat ibadah melalui pelbagai aktiviti.¹⁷⁴

Namun pentadbiran Pusat Islam UNISEL kini diletakkan semula di bawah unit Hal Ehwal Pelajar yang diketuai oleh Prof Madya Hj Zainal Abidin bin Kidam semenjak Ogos 2009 apabila Dato' Dr Rosti Saruwono dilantik menjadi Naib Canselor UNISEL ke lima.¹⁷⁵

ii. Falsafah

Berkeyakinan setiap insan mempunyai bakat dan potensi diri, untuk mencapai kecemerlangan melalui integrasi ilmu, nilai-nilai murni sejagat, bagi melahirkan modal insan yang berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan untuk membangunkan agama, bangsa dan negara.¹⁷⁶

iii. Objektif

Pusat Islam telah menggariskan beberapa objektif yang perlu dicapai sebagai panduan kepada staf seperti berikut:

¹⁷⁴ Pusat Islam UNISEL, laman sesawang *Pusat Islam*, dicapai 24 Mei 2011, <http://pusatislam.unisel.edu.my>.

¹⁷⁵ Hj. Mokhtar Hj Ridzwan, (Pengarah Pusat Islam UNISEL), dalam temubual dengan penulis, 24 Ogos 2011 .

¹⁷⁶ Buku Panduan Staf Pusat Islam (2008).


- Menjadi pusat yang bertanggungjawab dalam bidang keagamaan di samping bidang lain yang diperlukan universiti dan masyarakat demi memenuhi keperluan industri.
- Memberi perundingan khidmat nasihat peribadi dan kelompok kepada pelajar dan staf yang memerlukan.
- Membentuk peribadi dan sahsiah mulia dalam kalangan pelajar dan staf melalui penerapan nilai ilmu, etika dan moral ke arah pembentukan *Towering Personality*.
- Menganjurkan program ke arah membangunkan modal insan dalam bentuk kursus, latihan, seminar, wacana intelektual, bengkel, forum pengajian dan kuliah yang melibatkan penyertaan warga UNISEL dan masyarakat luar.
- Bekerjasama dengan fakulti-fakulti dalam menganjurkan pelbagai program pendidikan, penyelidikan dan penerbitan (3P).
- Menjalinkan hubungan kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan dan bukan kerajaan serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam menganjurkan program-program.¹⁷⁷

¹⁷⁷ *Ibid.*

iv. Struktur Organisasi

Rajah 3.2

Struktur Organisasi Pusat Islam



Sumber: unisel-pusatislam.blogspot.com, 2011

Pusat Islam mempunyai lima unit yang akan merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk membangunkan modal insan di UNISEL secara holistik selari dengan moto Pusat Islam. Unit-unit tersebut ialah:

- Unit Program Kebesaran Islam dan Kursus Amali
- Unit Pengurusan Zakat dan Pendidikan
- Unit Penerbitan dan Penyelarasan Modul
- Unit Pentadbiran, Kewangan dan Latihan
- Unit Khidmat Nasihat dan Pembangunan Wanita

Menurut Tuan Haji Mokhtar Haji Ridzwan, klien Pusat Islam adalah pelajar, oleh itu strategi yang tersusun perlu dibuat untuk mendekati para pelajar.¹⁷⁸ Justeru, semua unit telah digerakkan secara intensif bagi merancang program dakwah untuk warga UNISEL khususnya pelajar.

v. Program Dakwah Pelajar

Pusat Islam UNISEL telah mengadakan beberapa program dakwah kepada pelajar. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, penulis telah menemubual Ustaz Abdul Rahman Ridewan, Pegawai Pusat Islam yang terlibat secara langsung merancang program tahunan Pusat Islam UNISEL. Menurut beliau, kebanyakan program yang dilaksanakan adalah untuk pelajar dan staf UNISEL. Walau bagaimanapun, kehadiran pelajar adalah lebih dominan

¹⁷⁸ Mesyuarat Pengurusan Pusat Islam (laporan, Universiti Selangor, Bestari Jaya, Bil 5 2007/2008).

berbanding dengan kehadiran staf kerana kebiasaan program banyak dijalankan pada waktu malam dan hujung minggu.¹⁷⁹

Agenda dakwah Pusat Islam pula disusun mengikut pembahagian unit-unit yang telah dipertanggungjawabkan.

- **Unit Program Kebesaran Islam dan Kursus Amali**

Unit ini bertanggungjawab mengadakan program-program keagamaan bersempena hari kebesaran Islam setiap tahun. Antara program tahunan yang dianjurkan ialah seperti berikut:

- a. **Sambutan *Ma'al Hijrah***

Majlis Sambutan *Ma'al Hijrah* merupakan anjuran bersama antara unit ini dengan Jabatan Agama Islam Selangor. Peristiwa bersejarah ini disambut setiap tahun sebagai satu peringatan dan penyuntik semangat umat untuk terus memperjuangkan risalah Islam yang dibawa oleh baginda Rasūlullāh SAW. Antara aktiviti yang diadakan ialah pidato perdana bertajuk *Hijrah Mereformasikan Ummah* yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr Sidek Fadzil, pertandingan nasyid dan pertandingan debat sekolah peringkat daerah Kuala Selangor. Seramai 400 pelajar telah menyertai program ini.¹⁸⁰

¹⁷⁹ Abdul Rahman Bin Ridewan (2011), dalam temubual dengan penulis, 24 ogos 2011.

¹⁸⁰ Program/ aktiviti Pusat Islam 2010 (laporan, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2010).

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Memberi peluang kepada warga UNISEL memahami dan menghayati falsafah peristiwa Maal Hijrah.
- ii. Mengenang kembali pengorbanan Baginda Rasūlullāh SAW dan para sahabat dalam menentukan kelangsungan Islam dan masa depan umatnya.
- iii. Menghayati erti hijrah yang sebenarnya untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian.¹⁸¹

b. Maulidur Rasul

Aktiviti yang diadakan sempena Maulidur Rasul ialah perarakan pelajar dan staf, pertandingan perbarisan dan sebanduk yang dihasilkan oleh pelajar UNISEL, ceramah yang disampaikan oleh Dr. Badrul Amin Baharom dan penganugerahan tokoh Maulidur Rasul yang disampaikan oleh Dr Zulkifli bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor. Sambutan program sangat menggalakkan dengan penyertaan peserta seramai 500 pelajar yang terlibat.

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Mengenang kembali perjuangan Rasūlullāh SAW dalam menyebarkan risalah Islam.
- ii. Mencontohi gerak kerja Baginda Rasūlullāh SAW dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

¹⁸¹ Program Majlis Sambutan Maal Hijrah 2010 (kertas kerja, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2010).

- iii. Melahirkan sifat cinta dan kasih sayang kepada Baginda Rasūlullāh SAW.
- iv. Menghayati dan mengamalkan sunnah Rasūlullāh SAW.¹⁸²

c. Iḥyā' Ramaḍān

Iḥyā' Ramaḍān merupakan program yang dirancang bagi mengisi ruang ibadah sepanjang bulan Ramaḍān. Beberapa aktiviti dijalankan seperti tazkirah Ramadhan yang dibuat selepas solat Zohor, majlis berbuka puasa yang ditaja melalui sumbangan staf UNISEL dan para dermawan, solat sunat terawih pada setiap malam yang dipimpin oleh pegawai pusat Islam dan persatuan pelajar mengikut giliran dan tadarus al-Quran selepas solat terawih dalam kalangan jemaah masjid termasuk pelajar UNISEL. Peserta tadarus akan diberi cenderamata dan sijil penyertaan pada Majlis Khatam al-Quran. Pada 10 malam terakhir juga diadakan program *i'tikāf* dan *qiyāmullāil* di masjid UNISEL.¹⁸³ Seramai 400 pelajar yang terlibat dalam program ini.

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Memberi kesedaran berkaitan bulan Ramadhān adalah peluang untuk melaksanakan ibadah yang dituntut oleh Islam.
- ii. Bermuhasabah diri serta prihatin dalam melaksanakan perintah Allah SWT serta melatih diri melaksanakan tuntutan Islam sebagai satu disiplin hidup sepanjang zaman.

¹⁸² Aktiviti Pusat Islam UNISEL 2011 (perancangan program, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2011).

¹⁸³ Program Ihyak Ramadhan 2011 (kertas kerja, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2011).

- iii. Menyedari dan menghayati bahawa bulan Memberi kesedaran berkaitan bulan Ramadhān sebagai satu ujian yang besar bagi mempraktikkan sifat sabar dan daya tahan serta ketekunan dalam melaksanakan ibadah puasa.
- iv. Menjalin *'ukhuwwah Islamiyyah* serta semangat jati diri dalam kalangan warga UNISEL dalam melaksanakan semua program yang dianjurkan.
- v. Mengikhlaskan hati menyumbang sebahagian harta ke arah kebajikan dan beramal jariah.¹⁸⁴

d. Kursus Imam, Bilal dan Makmum

Kursus ini bertujuan melatih pelajar menjadi imam, bilal dan makmum yang terbaik, kedudukan imam dan makmum, syarat menjadi imam dan permasalahan yang berkaitan dengan solat. Oleh kerana modulnya bersesuaian dengan subjek asas kepimpinan (ZKU 1112), pelajar yang mengambil subjek ini diwajibkan menyertai kursus tersebut. Penceramah dan fasilitator yang dijemput khas daripada pegawai JAIS yang merupakan orang yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Slot kursus berakhir dengan praktikal solat oleh para peserta kursus dan penyerahan sijil penyertaan.¹⁸⁵ Seramai 150 pelajar telah menyertai kursus ini.

¹⁸⁴ Program Ihya' Ramadhan 2011 (minit mesyuarat, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2011).

¹⁸⁵ Risalah Pusat Islam ed. ke- 2, julai 2009, 10.

e. Majlis Sambutan Isrā' Mi'rāj

Program ini merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Islam secara konsisten. Pusat Islam telah menjemput penceramah tersohor iaitu Ustaz Dr Zahazan Muhammad. Seramai 500 pelajar yang menyertai program ini.¹⁸⁶

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Mengenang kembali peristiwa besar Isrā' Mi'rāj yang telah berlaku ke atas Baginda Nabi SAW.
- ii. Mengambil iktibar dan pengajaran dari peristiwa bersejarah ini.
- iii. Melahirkan sifat kasih sayang dan cinta kepada Baginda Nabi SAW.

f. Kursus Pengurusan Jenazah

Program ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran generasi muda yang semakin tipis dalam melaksanakan tanggungjawab menguruskan jenazah. Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk mendalami secara amali proses penyelenggaraan jenazah bermula dari cara mengadap orang yang sedang nazak sehingga kepada pengebumian jenazah. Program ini dihadiri oleh 250 pelajar.

¹⁸⁶ Program yang telah dijalankan oleh Pusat Islam UNISEL (laporan, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2009).

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Memberi kemahiran secara praktis dalam tatacara pengurusan jenazah.
- ii. Menunaikan tanggungjawab sebagai seorang Muslim untuk menguruskan jenazah apabila berlaku kematian.
- iii. Melaksanakan kewajipan fardhu kifayah.¹⁸⁷

- **Unit Pengurusan Zakat dan Pendidikan**

Unit ini menganjurkan program-program seperti berikut:

- a. **Seminar *Tahsīn al-Qurān***

Seminar ini diadakan sempena menghadapi bulan Ramaḍān dan penyertaannya terbuka kepada staf dan pelajar. Seminar ini bertujuan memperbaiki bacaan pelajar berdasarkan kaedah tajwid. Pelajar dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil dengan jumlah ahli seramai 10 orang dan dibimbing oleh penceramah jemputan.

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Memberi pendedahan kepada warga UNISEL mengenai ilmu-ilmu al-Qurān seperti tajwid, tarannum, qiraat dan sebagainya.
- ii. Menambah penghayatan dan pengamalan terhadap al-Qurān ke arah membentuk modal insan yang berkualiti.

¹⁸⁷ Program Kursus Pengurusan Jenazah Pusat Islam UNISEL 2011 (kertas kerja, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2011).

- iii. Menyemai perasaan cintakan al-Qurān dan mengungkap segala rahsia dan kebesaran al-Qurān.¹⁸⁸

b. Seminar Falak

Seminar Falak merupakan program kerjasama antara Pusat Islam dan Jabatan Mufti Selangor dengan matlamat agar ilmu falak dapat disebarluaskan ke segenap lapisan masyarakat khususnya pelajar-pelajar UNISEL. Seramai 208 pelajar telah mengikuti program tersebut dengan jayanya. Program diakhiri dengan pelancaran perasmian penubuhan Kelab Astronomi dan Falak Syar‘i oleh SS Dato’ Setia Hj. Mohd Tamyas b Abd Wahid, Mufti Negeri Selangor.

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Memupuk minat pelajar untuk mengenali bidang falak disamping menjelaskan kepentingannya dalam era teknologi maklumat.
- ii. Menerapkan nilai-nilai murni dan menghayati kebesaran Allah SWT melalui pameran dan seminar.
- iii. Menjelaskan isu-isu semasa mengenai penetapan arah *qiblat*.¹⁸⁹

¹⁸⁸ Seminar Tahsin al-Quran dan Program Ihyak Ramadhan 2010 (kertas kerja, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2010).

¹⁸⁹ Seminar Falak 2010 UNISEL, (Jabatan Mufti Negeri Selangor, laporan Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2010).

c. Program Nasyid Inter-Fakulti

Festival nasyid ini diadakan sempena sambutan 10 tahun UNISEL. Sebanyak 9 penyertaan solo dan berkumpulan menyertai pertandingan tersebut. Setiap peserta diminta mendendangkan dua buah lagu yang diadili oleh tiga orang juri jemputan. Juara menerima piala pusingan dan wang tunai RM400, tempat kedua RM300 dan ketiga RM200.¹⁹⁰ Seramai 500 pelajar menyertai program ini.¹⁹¹

d. Program Asnaf bagi saudara baru

Pelajar-pelajar yang baru memeluk Islam telah dikumpulkan secara berkala untuk diberi bimbingan dalam memahami Islam dan melakukan praktikal ibadah. Pegawai Pusat Islam juga berperanan menjaga kebajikan mereka dan menguruskan sumbangan zakat dari pihak Majlis Agama Islam Selangor.¹⁹²

e. Kuliah maghrib

Kuliah maghrib dijalankan pada setiap hari Isnin hingga Khamis di masjid UNISEL. Penceramah adalah dari kalangan staf Pusat Islam seperti Ustaz Mokhtar Ridzwan dalam bidang yang bertajuk kekeluargaan Islam, Ustaz Abdul Rahman Ridewan dalam bidang berkaitan Fiqh Muamalat, Ustaz

¹⁹⁰ Risalah Pusat Islam ed. ke- 2, Julai 2009, 10.

¹⁹¹ Program yang telah dijalankan oleh Pusat Islam UNISEL, 2009 (laporan, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2009).

¹⁹² Abdul Rahman Bin Ridewan (2011), dalam temubual dengan penulis, 24 Ogos 2011.

Fathur Rahman Kasdiran dalam bidang *Taşawwur* Islam dan Ustaz Sofyan Razali berkaitan ibadah harian. Kuliah ini kurang mendapat sambutan pelajar dengan kehadiran seramai 15-20 orang sahaja.¹⁹³

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Memberi pendedahan ilmu Islam kepada semua warga UNISEL.
- ii. Mempertingkat dan memperbaiki kemahiran beribadat sebagai tuntutan fardhu ain bagi setiap individu Muslim.
- iii. Menggalakkan budaya menuntut ilmu dalam kalangan setiap warga UNISEL.¹⁹⁴

- **Unit Penerbitan dan Sistem Maklumat**

Unit ini menyelaras aktiviti Pusat Islam melalui Risalah Ad-Deen dan Laman Web Rasmi Pusat Islam. Ia merupakan saluran informasi rasmi pejabat Pusat Islam dengan pihak pejabat Canselori, fakulti-fakulti di UNISEL dan agensi-agensi luar bagi menjadikan Pusat Islam melalui aktivitinya sebagai pusat membangun kecemerlangan modal insan serta pusat ibadah.¹⁹⁵ Di samping itu, unit ini juga memberi ruang kepada warga UNISEL menulis artikel keagamaan dan akademik serta persoalan semasa untuk diterbitkan oleh Pusat Islam melalui penerbitan risalah *Ad Deen* yang dikeluarkan sebanyak tiga kali setahun. Risalah *Ad Deen* yang dikeluarkan akan diedarkan kepada setiap fakulti dan jabatan serta

¹⁹³ Mohd Sofyan Bin Ismail, (Pembantu Tadbir merangkap Bilal dan penceramah kuliah maghrib UNISEL), dalam temubual dengan penulis, pada 30 September 2011.

¹⁹⁴ Aktiviti Pusat Islam UNISEL 2011, *Perancangan Program*.

¹⁹⁵ Penerbitan Buletin dan Penubuhan Laman Web Rasmi Pusat Islam UNISEL, 2009 (kertas cadangan, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2009).

perpustakaan UNISEL. Unit ini juga mengadakan Program Wakaf Buku dan menambah baik mini perpustakaan yang sedia ada.¹⁹⁶

Objektif penubuhan unit ini adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan penyebaran bahan-bahan ilmiah secara global melalui penggunaan internet.
- ii. Menyebarkan maklumat secara luas dan tuntas kepada semua warga UNISEL sama ada melalui media elektronik dan cetakan.
- iii. Mengiklankan ruangan hal-hal yang berkaitan dengan peningkatan aktiviti perhubungan korporat yang positif sebagai satu medan untuk berdakwah.
- iv. Memberi ruang kepada penulis-penulis di UNISEL berkarya dalam perkara berkaitan agama dan akademik serta persoalan semasa untuk diterbitkan oleh Pusat Islam UNISEL.¹⁹⁷

Majlis pelancaran penubuhan laman web Pusat Islam telah diadakan pada bulan April 2008 sebagai satu langkah untuk memudahkan warga UNISEL mengetahui maklumat yang berkaitan dengan Pusat Islam. Laman web ini memudahkan pelajar mengetahui program-program anjuran Pusat Islam dan perkhidmatan yang ditawarkan seperti kelas pengajian di masjid UNISEL dan perkhidmatan rundingan dan nasihat kepada pelajar yang memerlukan.¹⁹⁸

¹⁹⁶ Noor Azzah Mohd Yusof, dalam temubual dengan penulis, pada 24 Ogos 2011.

¹⁹⁷ Kertas Cadangan Penerbitan Buletin dan Penubuhan Laman Web Rasmi Pusat Islam UNISEL, 2009, *kertas cadangan*.

¹⁹⁸ Hafiza Abdul Hamid, (mantan Ketua Unit Penerbitan dan Urusetia Mesyuarat Pusat Islam), dalam temubual dengan penulis, pada 30 September 2011.

- **Unit Pentadbiran, Kewangan dan Latihan**

Unit ini bertanggungjawab melaksanakan modul Anda Bijak Jauhi Zina (ABJZ) dalam setiap minggu tekad siswa pelajar baru.¹⁹⁹ ABJZ merupakan kempen besar-besaran untuk membendung permasalahan sosial di Malaysia yang kian meruncing. Dengan terpaparnya pelbagai berita dalam media cetak dan elektronik mengenai isu-isu seks bebas, pembuangan bayi, khalwat dan sebagainya yang berkaitan dengan remaja, belia mahupun golongan dewasa maka ABJZ merupakan peneraju pertama dalam menangani permasalahan ini dengan menyebarkan informasi dan kesedaran kepada masyarakat umum.²⁰⁰ Ia merupakan sesi pengenalan, penghayatan serta introspeksi diri tentang perkembangan isu semasa, psikologi remaja/ belia, kesan negatif ke atas kesihatan diri dan sosial, perspektif pelbagai agama terhadap perbuatan zina dan nasihat untuk mengatakan tidak kepada perbuatan zina.²⁰¹ Konsep utama di dalam modul ini adalah mewujudkan titik permulaan dalam meneruskan agenda kehidupan menuju kepada hidayah dan kebenaran dalam kehidupan seorang remaja/ belia. Cetusan hidayah ini mampu disampaikan dengan adanya titik permulaan di dalam diri pelajar dengan adanya aktiviti-aktiviti, permainan dan *role play* yang betul menurut al-Qurān dan al-ḥadīth.²⁰²

¹⁹⁹ Nurdin bin Deraman, (Ketua Unit Pentadbiran, Kewangan dan Latihan), dalam temubual dengan penulis, pada 15 Julai 2011.

²⁰⁰ Manual Pintar Anda Bijak Jauhi Zina, 2.

²⁰¹ Set Latihan Asas Anda Bijak Jauhi Zina, 14.

²⁰² Modul Lengkap Anda Bijak Jauhi Zina, 3.

- **Unit Pembangunan Wanita dan Keluarga**

Unit ini memberi perkhidmatan rundingan, bimbingan dan khidmat nasihat bagi membantu staf dan pelajar yang bermasalah.²⁰³ Ia juga bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program khususnya untuk warga UNISEL dalam isu-isu berkaitan pembangunan wanita dan keluarga.²⁰⁴ Antara program yang dianjurkan ialah:

- a. **Hari Interaksi Wanita**

Program ini dirancang seiring dengan Sambutan Hari Wanita peringkat kebangsaan bagi mengingati pengorbanan dan sumbangan berterusan wanita khususnya dalam aspek pembangunan kekeluargaan, pendidikan dan masyarakat. Ia merupakan satu cetusan ilham khusus bagi merapatkan hubungan warga UNISEL khususnya golongan wanita sama ada staf mahupun pelajar. Jumlah kehadiran seramai 80 pelajar²⁰⁵

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Mencungkil bakat dan menyerlahkan kebolehan wanita dalam aktiviti-aktiviti yang dirancangan.
- ii. Menjalin *ukhuwwah* dan kerjasama dalam kalangan wanita khususnya siswi-siswi UNISEL, staf UNISEL dan pertubuhan wanita kawasan sekitar.

²⁰³ Bidang tugas staf Pusat Islam, 2008.

²⁰⁴ Bidang tugas Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam, 2010.

²⁰⁵ Hari Interaksi Wanita, Pusat Islam UNISEL, 2008 (kertas kerja, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2008).

- iii. Memberi peluang kepada golongan wanita untuk mendapatkan khidmat rawatan kesihatan dan maklumat terkini mengenai isu kesihatan wanita secara global.²⁰⁶

Antara aktiviti yang dijalankan ialah tips kesihatan wanita, pemeriksaan kesihatan secara percuma, pertandingan memasak, menggubah hantaran perkahwinan, pertandingan melukis untuk kanak-kanak, bengkel keselamatan diri wanita, pertunjukan busana muslimah dan gerai-gerai makanan, pakaian, produk kesihatan dan aksesori wanita.²⁰⁷

b. Penubuhan kumpulan Marhaban UNISEL

Kumpulan Marhaban ditubuhkan bagi menarik generasi muda khususnya pelajar UNISEL untuk bersama-sama menghayati Islam sebagai agama yang *shumūl*. Dengan adanya perkumpulan seperti ini di UNISEL, diharapkan ia dapat memberikan kesedaran bahawa kesenian juga berperanan dalam mendidik manusia menjadi insan *rabbānī*. Latihan marhaban dijalankan pada setiap hari Jumaat dari jam 5.00 hingga 7.00 petang.²⁰⁸

Objektif penubuhan Marhaban adalah seperti berikut:

- i. Memberi peluang kepada para pelajar berkecimpung dalam bidang kesenian yang diredhai Allah SWT.

²⁰⁶ *Ibid.*

²⁰⁷ Hafizah Khusni, (Pengarah Program Hari Interaksi Wanita), dalam temubual dengan penulis, pada 30 September 2011.

²⁰⁸ Penubuhan kumpulan Marhaban UNISEL, 2008 (kertas cadangan, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2008).

- ii. Menggalakkan para pelajar menghayati sirah junjungan besar Nabi Muhammad SAW melalui aktiviti marhaban dan berzanji.
- iii. Menonjolkan bakat pelajar dalam bidang kesenian Islam.²⁰⁹

c. Program Untukmu Wanita

Program ini diadakan bagi mengupas isu-isu keselamatan diri, jenayah terhadap wanita, langkah pencegahan, isu kesihatan wanita secara global dan hal-hal berkaitan wanita. Ia adalah satu cetusan ilham khusus bagi merapatkan hubungan warga UNISEL khususnya golongan wanita sama ada staf atau pelajar melalui aktiviti khusus bagi wanita. Secara tidak langsung program ini memberi ruang kepada wanita untuk berkongsi pengalaman, maklumat dan kepakaran dalam isu-isu berkaitan wanita.²¹⁰

d. Kursus Pra Perkahwinan

Program ini dijalankan selama dua hari dengan menjemput lapan penceramah yang terdiri daripada Pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pada hari kedua, slot simulasi perkahwinan diadakan bagi memberi gambaran kepada peserta situasi akad nikah, bacaan *ta'liq* dan sebagainya. Para peserta diberikan sijil Kursus Perkahwinan di akhir program. Sehingga kini kursus ini telah dijalankan sebanyak enam siri.²¹¹

²⁰⁹ *Ibid.*

²¹⁰ Program Untukmu Wanita (kertas kerja, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 24 Mei 2008).

²¹¹ Zahidah Muhd Zain, (Pegawai Hal Ehwal Islam Wanita merangkap Ketua Unit Pembangunan Wanita dan Keluarga), dalam temubual dengan penulis, pada 24 Ogos 2011.

Kursus ini merupakan program tahunan yang mendapat sambutan yang baik dari pelajar dengan jumlah peserta seramai 200 orang.²¹²

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Memberi maklumat dan peningkatan ilmu pengetahuan tentang kekeluargaan Islam.
- ii. Membantu warga UNISEL mendapatkan sijil kursus bagi tujuan perkahwinan.

e. Bengkel Mahligai Kasih Semakin Hari Semakin Sayang

Bengkel yang dikendalikan dengan kerjasama Success Together Consulting ini terbuka kepada semua staf dan pelajar UNISEL yang telah berumahtangga. Ia merupakan kesinambungan kursus perkahwinan yang telah dijalankan dan bertujuan meningkatkan kualiti perhubungan pasangan suami isteri dalam melayari bahtera rumahtangga. Isu-isu rumahtangga seperti kestabilan emosi pasangan, keserasian dalam perhubungan, keberkesanan komunikasi dan kemantapan kasih sayang merupakan mesej-mesej utama yang disampaikan dalam bengkel ini.²¹³ Penyertaan adalah seramai 150 orang termasuk pelajar dan staf UNISEL.

²¹² Program yang telah dilaksanakan sepanjang 2007 (laporan, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 2007).

²¹³ Bengkel Mahligai Kasih Semakin Hari Semakin Sayang (kerats kerja, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 9 Mei 2009).

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Memberi input berguna kepada peserta mengenai isu-isu perkahwinan.
- ii. Menyediakan diri pasangan yang baru mendirikan rumahtangga dengan ilmu-ilmu kekeluargaan dan keibubapaan.

f. Program Sehari Bersama Tabung Haji

Program bertujuan menggalakkan staf dan pelajar untuk menabung dan membuka akaun simpanan untuk jaminan masa depan. Pengurus cawangan Tanjung Karang, Tuan Haji Syukur bin Sudin mengulas sejarah penubuhan Tabung Haji, prosedur membuka akaun dan latihan kerjaya di Tabung Haji.²¹⁴ Namun sambutan pelajar agak kurang memberangsangkan kerana kurang promosi dan pelajar terlibat dengan kuliah. Jumlah pelajar yang hadir cuma 30 orang sahaja.²¹⁵

Sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti dakwah kepada warga UNISEL terutamanya pelajar, Pusat Islam telah mengambil pendekatan yang sesuai dan menarik untuk dilaksanakan terhadap pelajar. Pendekatan mengemukakan sesuatu dalam dakwah perlu disampaikan dalam bentuk yang indah kerana yang indah itu lebih menarik sasaran. Oleh kerana Islam itu

²¹⁴ Program Sehari Bersama Tabung Haji, anjuran Unit Pembangunan Wanita dan Keluarga (laporan, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 5 Ogos 2010).

²¹⁵ Zahidah Muhd Zain (2011), dalam temubual dengan penulis, 24 Ogos 2011.

indah, maka gaya mempersembahkannya atau menyampaikannya kepada sasaran dilakukan dengan seindah-indahnya.²¹⁶

Antara pendekatan yang digunakan Pusat Islam adalah dengan menggunakan pelajar sebagai agen menyampaikan maklumat program kepada pelajar yang lain. Pusat Islam juga menggunakan saluran '*facebook*' dan menghantar 'email' kepada pelajar-pelajar yang pernah menghadiri program-program yang dianjurkan. Hebahan juga dilakukan melalui poster-poster, *handbill* yang diletakkan di perpustakaan dan pejabat HEP serta selepas solat jumaat di masjid UNISEL.²¹⁷ Menurut Ustaz Abdul Rahman bin Ridewan, kuliah maghrib yang dijadualkan pada setiap hari juga dijalankan secara berterusan walaupun kurang sambutan pelajar supaya pelajar yang berminat ini akan menjadi agen dalam menggerakkan dakwah dalam kalangan pelajar.²¹⁸

Kesimpulannya, hasil kajian mendapati Pusat Islam menganjurkan program-program dakwah berbentuk umum dan terbuka kepada semua warga UNISEL, pelajar dan staf. Semua program yang dilaksanakan bertujuan untuk membangun insan secara komprehensif iaitu dari sudut spiritual dan mental. Di antara pendekatan dan pengisian program ini ialah tazkirah, ceramah, forum, bengkel, gerak kerja secara berkumpulan, sembahyang berjemaah dan tadarus al-Quran. Namun, program yang dijalankan kurang mendapat kerjasama dan sambutan dari pelajar atas pelbagai alasan seperti sibuk dengan tugas belajar, ada ujian atau

²¹⁶ Ab. Aziz Mohd Zin, Pendekatan Dakwah di Malaysia Dalam Era Wawasan, (Kertas kerja Seminar Dakwah dan Pembangunan Insan 4-6 Okt 1996), 7.

²¹⁷ Noor Azzah Binti Mohd Yusof dalam temubual dengan penulis, 15 Julai 2011.

²¹⁸ Abdul Rahman Bin Ridewan (2011), dalam temubual dengan penulis, 24 Ogos 2011.

peperiksaan. Tambahan pula menurut ustazah Noor Azah, pelajar UNISEL kurang budaya ilmu dan kurang kesedaran mengenai kepentingan menyertai program-program berbentuk keagamaan.²¹⁹

3.3.2 Unit Usrah, Bahagian Hal Ehwal Pelajar

i. Latar Belakang

Unit Usrah ditubuhkan pada tahun 2009. Unit ini diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal pelajar (HEP) yang berperanan dalam pembentukan pelajar UNISEL melalui program usrah atau diskusi dinamik.

Justifikasi penubuhan unit ini bagi mengatasi masalah akhlak pelajar di samping memartabatkan imej Universiti sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menjaga kepentingan pelajar bukan sahaja dari sudut akademik bahkan dari sudut akhlak dan sahsiah diri.

Justeru itu, Unit Usrah Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan usrah sebagai satu subjek kokurikulum berstatus wajib kepada semua Mahasiswa Muslim. Pertemuan dua jam seminggu dalam satu semester bertujuan untuk memperkenalkan kepada mereka kefahaman Islam dan konsep dakwah dalam pembentukan diri

²¹⁹ Noor Azzah Binti Mohd Yusof, dalam temubual dengan penulis, 15 Julai 2011.

sepertimana yang diajar oleh baginda Rasūlullāh SAW kepada umatnya kini.²²⁰

Di akhir pengajian subjek usrah²²¹ ini, pelajar diharapkan dapat menjadi insan yang beriman, betaqwa dan bertanggungjawab dalam segala aspek kehidupan. Di samping itu, dapat mempertingkatkan bakat kepimpinan mahasiswa selari dengan peredaran zaman dalam usaha memperjuangkan agama Islam.²²²

Selain daripada itu unit ini juga banyak mengendalikan program yang berbentuk kepimpinan, ilmiah dan intelektual seperti seminar, bengkel, latihan dan sebagainya.

ii. Peranan

Usrah bukan sahaja tempat untuk menyampaikan atau mendapatkan ilmu, malah ia merupakan tempat untuk sesama ahli kumpulan membincangkan sesuatu masalah yang timbul. Usrah juga merupakan satu medium dakwah untuk berdialog mengenai Islam secara dinamik. Dengan ini ia dapat meningkatkan mutu *ukhuwwah* atau persaudaraan antara pelajar, pensyarah, staf akademik dan pentadbiran serta semua warga UNISEL.

Peranan unit usrah yang digariskan oleh unit Hal Ehwal Pelajar UNISEL adalah seperti berikut:

²²⁰ Unit Hal Ehwal Pelajar, Universiti Selangor, laman sesawang UNISEL yang dicapai pada 16 Jun 2011 www.hep.unisel.edu.my/main/.

²²¹ Subjek Usrah merupakan subjek ko-kurikulum yang dipanggil sebagai matapelajaran Asas Kepimpinan Islam dengan jumlah 1 jam kredit.

²²² Rangka Matapelajaran Subjek Usrah.

1. Menyelaras program usrah atau Diskusi Dinamik yang diketuai oleh seorang *naqīb* atau *naqībah*.
2. Memantau perjalanan program usrah sepanjang semester.
3. Memastikan setiap *naqīb* atau *naqībah* yang dilantik menjalankan tugas yang diberikan.
4. Mengendali perjalanan perlantikan *naqīb* atau *naqībah*.
5. Memastikan semua pelajar baru (muslim) mengikuti program usrah.
6. Menyelaras program, kursus, dan seminar berbentuk kepimpinan dan ilmiah.
7. Mempertingkatkan bakat kepimpinan mahasiswa menerusi penglibatan mereka dalam organisasi dan pengurusan bagi melahirkan insan yang berjiwa kental dalam menempuhi cabaran hidup.²²³

Bagi melancarkan perjalanan usrah dalam kalangan pelajar, Unit Usrah telah menubuhkan Majlis Perwakilan Nuqaba' (MPN) yang dipimpin oleh pelajar untuk menggerakkan usrah dan tarbiah khususnya di dalam kampus UNISEL. Ini bertujuan melatih kepimpinan mahasiswa agar mampu memberikan komitmen penuh pada setiap gerak kerja Islam di dalam kampus.²²⁴ Matlamat utama penubuhan MPN UNISEL adalah untuk mempertingkatkan bakat kepimpinan dan kepemimpinan mahasiswa menerusi penglibatan mereka di dalam organisasi

²²³ *Ibid.*

²²⁴ Mohd Saedal Al-Atas Bin Abdul Ghani (2011), dalam temubual dengan penulis, 17 Jun 2011.

pengurusan dan program-program pembangunan insan. Ahli MPN akan dilatih untuk berhadapan dengan masyarakat selain membina kemampuan diri untuk berorganisasi dan memperkukuhkan kerohanian diri.²²⁵

iii. Objektif


- Melahirkan mahasiswa yang beriman, bertaqwa, berjiwa murni berlandaskan panduan *al-Qurān* dan *al-Sunnah*.
- Mempertingkatkan bakat kepimpinan mahasiswa menerusi penglibatan mereka dalam organisasi dan pengurusan bagi melahirkan insan yang berjiwa kental dalam menempuhi cabaran hidup.
- Mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga dan staf.
- Memantapkan lagi sahsiah mahasiswa yang berteraskan ilmu bagi mempertingkatkan jati diri yang jitu dalam aspek kecemerlangan akademik dan sahsiah yang mulia.
- Melahirkan insan yang bersepadu dari segi rohani dan jasmani untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.²²⁶

²²⁵ Majlis Perwakilan Nuqaba' Universiti Selangor (risalah, Universiti Selangor, Bestari Jaya, t.t.).

²²⁶ *Ibid.*

iv **Struktur Organisasi**

Rajah 3.3 Struktur Organisasi Unit Usrah



Sumber: [www.hep.unisel.edu.my-unit usrah](http://www.hep.unisel.edu.my-unit-usrah), 2011

v. Program Dakwah Pelajar

Hasil temubual dalam kajian ini mendapati bahawa Unit Usrah UNISEL telah berjaya mengurangkan masalah sosial pelajar di UNISEL. Keadaan ini diakui oleh Pn Norsianti Talib, Pegawai Hal Ehwal Pelajar yang menjaga unit disiplin pelajar. Menurut beliau, masalah disiplin kini semakin berkurangan semenjak adanya subjek usrah yang wajib diambil oleh pelajar, kerjasama dari pihak JAIS, polis, jawatankuasa kampung dan tindakan tegas pihak universiti terhadap pelajar-pelajar yang melanggar disiplin.²²⁷ Manakala Ustaz Mohd Saedal Al-Atas menyatakan bahawa menurut pemerhatian beliau terdapat sedikit perubahan terhadap penampilan mahasiswa dan mahasiswi UNISEL terutamanya dari segi pemakaian menutup aurat.²²⁸

Antara program yang dianjurkan oleh Unit Usrah ialah:

- a. Kursus *Nuqabā'*- ia merupakan anjuran bersama Exco Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan. Kursus ini bertujuan melatih para *nuqabā'* yang terdiri dari kalangan pelajar UNISEL supaya menjadi pembimbing kepada rakan sebaya. Peserta diberikan latihan pengendalian usrah serta penguasaan modul usrah agar mampu difahami dan diterima oleh mahasiswa UNISEL. Pelancaran 'Jom

²²⁷ Pn Norsianti Talib, dalam temubual dengan penulis, pada 9 Jun 2011.

²²⁸ Mohd Saedal Al-Atas Bin Abdul Ghani (2011), dalam temubual dengan penulis, 17 Jun 2011.

Usrah' juga diadakan bagi memperkenalkan UNISEL sebagai Kampus Sejahtera menjelang tahun 2012.²²⁹

- b. Seminar Al-Quran – anjuran bersama unit hal ehwal pemuda masjid UNISEL.
- c. Kursus Pengurusan Organisasi- disertai oleh ahli-ahli Majlis Perwakilan Nuqaba' yang bakal menjadi *naqīb* dan *naqībah*. Program ini bertujuan memberi latihan kepimpinan bagi memperkasakan mental dan fizikal ahli agar mampu berhadapan dengan ujian dan cabaran remaja khususnya mahasiswa dan mahasiswi UNISEL. Selain dari itu, aspek akademik dan pengurusan masa juga turut diterapkan agar para *naqīb* dan *naqībah* dapat menjadi contoh kepada para pelajar dalam aspek akademik dan juga sahsiah.²³⁰

Antara pendekatan yang digunakan oleh Unit Usrah dalam menyampaikan mesej dakwah kepada pelajar ialah dakwah melalui bimbingan rakan sebaya. Pensyarah membimbing usrah selama tujuh minggu dan tujuh minggu seterusnya dibimbing oleh *naqīb* dan *naqībah* yang dilantik dalam kalangan pelajar yang terpilih. Mereka akan diberikan latihan berdasarkan modul yang tertentu beserta bahan-bahan multi media

²²⁹ Kursus Nuqaba' Kali Ke-2 dan Pelancaran 'Jom Usrah' (kerja kursus, Universiti Selangor, Bestari Jaya, Disember 2010).

²³⁰ Kursus Pengurusan Organisasi (laporan, Universiti elangor, Bestari Jaya, 15-16 Januari 2011), 3.

yang dibekalkan oleh unit usrah. Kaedah penyampaian yang diaplikasikan lebih berbentuk santai iaitu perbincangan, permainan, lakonan dan kuiz.²³¹

Waktu usrah yang diperuntukkan ialah pada setiap hari Rabu jam 5.30 petang. Tempoh kelas selama 2 jam dibahagikan kepada 1 jam usrah dan 1 jam latihan/ praktikal bagi projek.²³² Manakala markah akan dinilai berdasarkan ujian 50 markah, projek 25 markah, aktiviti *naqīb* 15 markah dan komitmen pelajar 10 markah.

Ujian bertulis berbentuk 50 soalan objektif akan digubal oleh Unit Usrah, projek dilaksanakan mengikut kategori sketsa/ sajak, drama sebabak, nasyid/ budaya, perniagaan dan sukan serta pembentangan projek di dalam kelas. Aktiviti *naqīb* meliputi kuiz dan ujian amali solat yang dibuat oleh pengajar dan *naqīb* Markah komitmen diambil melalui kehadiran pelajar dalam program-program tertentu seperti Larian *Ma'āl* Hijrah dan Perasmian Bulan Solat.²³³

Menurut Yang DiPertua MPN, masa 2 jam yang diperuntukkan di dalam usrah tidak mencukupi untuk mengenali ahli usrah secara dekat. *Naqīb* perlu menjalinkan hubungan akrab di luar waktu usrah secara informal agar dapat mengetahui masalah ahli seterusnya membimbing mereka menjalani kehidupan sebagai seorang muslim yang soleh.²³⁴

²³¹ Huraian modul usrah, 6.,

²³² Minit Mesyuarat Perlaksanaan Ko Kurikulum Kali ke-2, 1 Februari 2011.

²³³ Minit Mesyuarat Penyelarasan Subjek ZKU 1112 Ko Kurikulum, 19 Januari 2011.

²³⁴ Mohd Hafiz bin Zainuddin (2011), dalam temubual dengan penulis, 10 Ogos 2011.

Kesimpulannya, unit usrah berperanan secara khusus terhadap dakwah pelajar melalui program usrah yang telah dijadikan sebagai matapelajaran wajib oleh pihak universiti. Namun cabarannya adalah memastikan para *naqīb* dan *naqībah* yang dilantik berupaya menunjukkan teladan dan melaksanakan modul yang telah dirangka oleh unit ini.

3.4 Masalah Pelaksanaan Dakwah Pelajar di UNISEL

Usaha menyampaikan risalah Islam merupakan amanah yang berat dan dipenuhi dengan cabaran dan rintangan. Inilah hakikat yang pasti dihadapi oleh semua pendakwah dan organisasi dakwah di mana-mana. Pelaksanaan dakwah di UNISEL juga berhadapan dengan cabaran yang berpunca samada dari pendakwah, sasaran dakwah atau organisasi dakwah.

Menurut pegawai di unit HEP pelajar UNISEL sangat memerlukan *tarbiyyah* dan pengisian-pengisian rohani serta aktiviti-aktiviti keagamaan memandangkan tingkah laku mereka tidak melambangkan identiti muslim yang sebenar.²³⁵ Pelajar juga kurang berminat dengan program-program pembinaan sahsiah diri dan keagamaan. Ini dapat diperhatikan melalui sambutan mereka yang agak dingin kecuali jika program yang dianjurkan berstatus wajib.²³⁶

²³⁵ Mohd Saedal Al-Atas Bin Abdul Ghani, dalam temubual dengan penulis, 26 Mei 2011.

²³⁶ Abdul Rahman Bin Ridewan, dalam temubual dengan penulis, 19 Mei 2011.

3.4.1. Kurang Jalinan Kerjasama di Antara Fakulti-fakulti

Kejayaan pelaksanaan dakwah banyak bergantung kepada sinergi antara pelbagai pihak di universiti sama ada Pusat Islam, fakulti dan pihak pensyarah. Kerjasama (*teamwork*) yang erat akan menghasilkan natijah yang positif terhadap pembangunan sahsiah pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa masalah pelaksanaan dakwah berpunca daripada kurangnya jalinan kerjasama antara fakulti dan Pusat Islam.

Menurut Abdul Rahman Bin Ridewan, salah seorang staf Pusat Islam menjelaskan bahawa lazimnya jemputan secara rasmi telah diedarkan kepada setiap fakulti bagi program pelajar yang dikendalikan oleh pihak Pusat Islam. Namun apa yang berlaku adalah maklumat tentang program atau aktiviti yang telah disalurkan melalui surat jemputan dan emel ada kalanya tidak disampaikan kepada para pelajar. Faktor ini menyebabkan penyertaan pelajar terhadap aktiviti-aktiviti yang dianjurkan kurang mendapat sambutan. Kehadiran pelajar dalam program yang dilaksanakan oleh Pihak Islam kebiasaannya hanya mencapai 1/3 daripada jumlah sasaran sebenar. Contohnya program Sehari Bersama Tabung Haji yang dijalankan di masjid UNISEL hanya dihadiri oleh 30 daripada 100 orang pelajar yang disasarkan.²³⁷ Situasi ini menyebabkan pendakwah kurang bersemangat dalam melaksanakan aktiviti dakwah.

²³⁷ Ahmad Tarmizi Bin Zakaria, (Pegawai Hal Ehwal Islam Pusat Islam UNISEL), dalam temubual dengan penulis, 6 Februari 2012.

Selain itu, kerjasama antara staf Pusat Islam dan ketua-ketua program di setiap fakulti sangat signifikan kepada kehadiran pelajar dalam program-program yang dijalankan. Ini membolehkan pemantauan secara langsung dapat dilakukan dengan baik demi menjayakan program yang telah dirancang. Di samping itu, kehadiran para pensyarah juga akan memberi motivasi kepada pelajar untuk terlibat sama.

Namun begitu, hasil temu bual mendapati keterlibatan ketua program dan pensyarah dalam program kurang memberangsangkan. Ini diakui sendiri oleh Encik Nurdin bin Deraman staf Pusat Islam yang menjelaskan bahawa kehadiran mereka kurang memberangsangkan. Pada pandangan beliau situasi ini disebabkan kebanyakan program dijalankan pada waktu malam dan hujung minggu.²³⁸ Dalam sisi yang lain pula, pensyarah-pensyarah dalam kalangan ustaz dan ustazah juga tidak dapat memberikan komitmen mereka untuk menghadiri program yang telah disusun oleh pihak Pusat Islam kerana sibuk dengan tugas-tugas hakiki sebagai pensyarah.²³⁹

3.4.2. Bidang Tugas Yang Banyak

Organisasi yang mantap berorientasikan pembahagian tugas (*deployment*) yang efisien. Sumber tenaga yang diagihkan mengikut bidang dan kepakaran ahli akan membuahkan hasil yang berkualiti. Lebih-lebih lagi Pusat Islam yang berada di bawah pentadbiran HEP. Memang diakui bahawa pihak HEP merupakan organisasi

²³⁸ Abdul Rahman Bin Ridewan (2011), dalam temubual dengan penulis, 19 Mei 2011.

²³⁹ Nurdin bin deraman, dalam temubual dengan penulis, 26 Januari 2012.

yang penting dalam mengendalikan hal ehwal pelajar di universiti. Justeru, pembahagian tugas secara khusus kepada staf Pusat Islam yang mengendalikan program yang berbentuk keagamaan adalah wajar. Pembahagian tugas yang terfokus ini akan mengoptimumkan tenaga dan meminimumkan pertindihan kerja.

Realiti yang berlaku adalah sebaliknya. Hasil temubual dengan Cik Noor Azzah Mohd Yusof, penolong pegawai Hal Ehwal Islam di Pusat Islam mengatakan bahawa staf Pusat Islam juga perlu terlibat dengan program-program anjuran HEP seperti Haluan Siswa dan lain-lain sehingga menyukarkan mereka untuk merancang program dakwah.²⁴⁰ Hal ini membayangkan pembahagian tugas tidak dapat dilakukan dengan baik. Kata beliau;

“ Tugas dakwah bukanlah tugas sampingan yang hanya dilakukan secara sambil lewa. Hakikatnya ia memerlukan tumpuan dan fokus sepenuhnya dari pendakwah khususnya kami di Pusat Islam. Namun apa yang berlaku adalah staf Pusat Islam tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap perancangan aktiviti dakwah. Ini disebabkan kami sibuk dengan urusan kerja dan bebanan tugas lain di HEP yang juga perlu diselesaikan. Pada masa yang sama program dakwah di Pusat Islam juga perlu dirancang dan dilaksanakan.”

²⁴⁰ Noor Azzah Mohd Yusof, dalam temubual dengan penulis, 15 Disember 2011.

Masalah pelaksanaan dakwah khususnya melibatkan bidang tugas yang banyak dan pembahagian tugas yang tidak diatur dengan baik menyebabkan kegagalan program yang dirancang berjalan dengan lancar

3.4.3. Kekurangan Pendakwah Berpengalaman

Pendakwah yang berpengalaman dalam kalangan staf Pusat Islam mampu menjayakan program dakwah ke arah melahirkan sahshiah pelajar yang mapan. Pengalaman ini juga diukur dengan tempoh perkhidmatan seseorang staf dalam organisasi selain dari kemahiran dan kemantapan ilmu. Ini kerana sekiranya staf tersebut berada dalam tempoh perkhidmatan yang lama lazimnya ia mampu memahami realiti dan kecenderungan pelajar. Ia merupakan kriteria kejayaan sesebuah program.

Namun hasil kajian mendapati kekurangan pendakwah dalam kalangan staf Pusat Islam merupakan masalah pelaksanaan dakwah itu sendiri. Ini diakui sendiri oleh Ustaz Mokhtar bin Ridzwan, Pengarah Pusat Islam yang menegaskan bahawa staf Pusat Islam bersifat persinggahan atau *transit*, sentiasa bertukar dan tidak kekal lama. Pusat Islam dijadikan sebagai batu loncatan sebelum berkhidmat di tempat yang lebih menguntungkan. Mereka lebih berminat untuk ditukarkan kepada staf fakulti sebagai pensyarah. Ini disebabkan oleh waktu bekerja staf Pusat Islam tidak tentu masa. Mereka perlu melibatkan diri sebagai ahli jawatankuasa dalam program-program anjuran Pusat Islam yang kebiasaanya dibuat pada waktu malam dan hujung minggu.

Justeru, kehilangan staf yang berpengalaman menyebabkan pihak pentadbir terpaksa mengambil staf baru dan melatih mereka yang kurang berpengalaman dalam menjalankan kerja-kerja dakwah.²⁴¹ Apabila keadaan ini berlaku ia sedikit sebanyak membantutkan kelancaran program yang sedang dan akan dilaksanakan. Ini disebabkan tempoh penyesuaian bagi staf baru kepada tugas yang diberi. Selain itu, terdapat dalam kalangan staf yang bekerja di Pusat Islam kerana kerja semata-mata bukan didasarkan kepada dakwah. Ini kerana sebahagian mereka menganggap tugas mereka sebagai pendakwah hanya kebetulan pada jawatan yang disandang tanpa merasakan kepentingan untuk melakukan kerja-kerja dakwah. Pihak atasan juga tidak memberi panduan yang jelas mengenai skop kerja dan bidang tugas yang perlu dilaksanakan. Tambahan pula staf baru juga kurang mendapat bimbingan dan panduan dari staf lama.²⁴²

Hasilnya, program yang dijalankan tidak menepati objektif yang telah disasarkan. Benarlah apa diungkapkan oleh Prof. Dr Ab. Aziz Mohd. Zin. Ujarnya²⁴³; “...terdapat pendakwah yang berkecimpung di dalam dakwah bukan kerana didorong oleh kesedaran terhadap tanggungjawab dakwah, tetapi kerana oleh dorongan kehidupan.”

²⁴¹ Mokhtar bin Ridzwan, dalam temubual dengan penulis, 24 Ogos 2011.

²⁴² Zahidah Mohd Zain, dalam temubual dengan penulis, 24 Ogos 2011.

²⁴³ Ab. Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah*, 139.

3.4.4. Kurang Kemahiran Dalam Ilmu Dakwah

Hasil kajian mendapati kurang kemahiran dalam ilmu dakwah merupakan masalah dalam pelaksanaan program dakwah. Temu bual dengan Encik Mohd Hafiz bin Zainuddin, staf Pusat Islam menjustifikasi situasi ini. Menurut beliau staf kurang kreatif dalam menganjurkan program yang sesuai dengan kehendak pelajar. Kebanyakan program yang dianjurkan bersifat '*stereo type*' seperti ceramah, seminar dan kursus.²⁴⁴ Disebabkan kemahiran yang rendah dan pengalaman dakwah yang kurang, program yang dilaksanakan kurang mendapat perhatian yang sewajarnya dari kalangan pelajar.

Justeru, Pendakwah harus mempelbagaikan pendekatan dakwah dan bersifat kontemporari seiring dengan perkembangan zaman agar bersesuaian dengan fitrah dan kehendak sasaran dakwah iaitu golongan pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Fariza Sham membuktikan bahawa minat remaja terhadap program dakwah mempunyai hubungan dengan persembahan penceramah yang menarik, pengisian program yang menarik dan program tersebut sesuai dengan jiwa mereka sebagai golongan pelajar.²⁴⁵ Fakta ini juga disokong oleh Roslin Syamsuri yang menegaskan bahawa teknik berdakwah perlu disesuaikan dengan jiwa pelajar. Menurut beliau golongan pelajar amat sensitif dan cepat tersinggung oleh itu

²⁴⁴ Mohd Hafiz bin Zainuddin, dalam temubual dengan penulis, 10 Ogos 2011.

²⁴⁵ Fariza Md Sham, "Dakwah Kepada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan", (tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1995), 209.

pendakwah tidak boleh mengutuk dan mencanang kesalahan yang mereka lakukan.²⁴⁶

3.4.5. Sumber Kewangan Yang Tidak Mencukupi

Kewangan merupakan peruntukan perbelanjaan yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu aktiviti atau program. Ia melibatkan kos pembelian, ganjaran kepada tenaga manusia dan pengurusan.²⁴⁷ Kekuatan kewangan ini banyak membantu dalam menjayakan program yang telah dirancang dan mengupayakan keberkesanan perancangan yang mantap. Namun begitu, kajian mendapati bahawa sumber kewangan yang tidak mencukupi ini merupakan masalah perlaksanaan dakwah. Ini disokong oleh Puan Zahidah Muhd Zain, pegawai Hal Ehwal Wanita di Pusat Islam melalui temubual yang telah dijalankan ke atasnya. Kata beliau:

“Sumber kewangan yang terhad membantutkan aktiviti dakwah yang telah dirancang. Malah banyak program tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana tidak mendapat kelulusan permohonan bajet dari pihak pentadbiran.”²⁴⁸

Selain itu, dana yang tidak mencukupi akan memberi implikasi dalam menilai kejayaan sesuatu program. Keberkesanan program dapat dinilai melalui maklumbalas peserta yang dapat dianalisis dengan borang penilaian yang telah

²⁴⁶ Roslin Syamsuri, *Arus Kebangkitan Remaja Muslim Ke Arah Islam Secara Global*, ed. 1 (Selangor: Pustaka ILMI, 1996), 172-173.

²⁴⁷ Sanep Ahmad, “Pengurusan Ekonomi dalam Pembangunan Dakwah di Malaysia,” dalam Abd Ghafar Don et.al, *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia, Konsep dan Pelaksanaan* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000), 34.

²⁴⁸ Zahidah Muhd Zain (2011), dalam temubual dengan penulis, 15 Disember 2011.

disediakan. Jika bajet yang dipohon tidak mencukupi, pihak urusetia akan memilih secara selektif berdasarkan urutan keutamaan (*priority*) dalam pelaksanaan program tersebut. Lazimny yang menjadi mangsa adalah borang penilaian atau muhasabah demi menjimatkan kos operasi program. Ini diakui sendiri oleh Mohd. Saedal Al-Atas Bin Abdul Ghani, penyelaras akademik subjek usrah UNISEL di Pusat Islam. Beliau menyatakan bahawa borang penilaian tidak dapat diedarkan untuk setiap program yang dilaksanakan kerana bajet untuk setiap program amat terbatas.²⁴⁹

3.5 Kesimpulan

Berdasarkan huraian dalam bab ini dapat disimpulkan bahawa UNISEL merupakan medan yang subur untuk berdakwah kepada pelajar. Pihak universiti telah memberi laluan yang menggalakkan kepada badan-badan dakwah untuk menjalankan program-program yang boleh membimbing pelajar. Antara badan khusus yang berperanan di UNISEL ialah Pusat Islam, dan Unit Usrah.

Sambutan pelajar terhadap program-program dakwah dijalankan masih tidak memberangsangkan berbanding keseluruhan pelajar UNISEL yang berjumlah 7591 pelajar. Oleh itu kajian bagi mengetahui masalah dakwah perlu dianalisis agar usaha-usaha penambahbaikan program yang dijalankan dapat dilakukan bagi memaksimumkan natijah dakwah yang berkesan.

²⁴⁹ Mohd. Saedal Al-Atas Bin Abdul Ghani (2012), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2012.

BAB 4

ANALISIS KEPERLUAN DAN PENERIMAAN DAKWAH KEPADA PELAJAR UNISEL

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini kajian akan membentangkan hasil analisis data berdasarkan data-data yang yang diperolehi daripada soal selidik kajian masalah keperluan dan penerimaan dakwah terhadap pelajar Universiti Selangor (UNISEL). Borang soal selidik telah diedarkan kepada 367 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar UNISEL. Namun, data yang lengkap hanya diperolehi daripada 335 pelajar sahaja. Analisis ini akan merumuskan kesimpulan daripada maklumbalas responden dengan menggunakan analisis statistik *Program Statistical Package For Social Science (SPSS) for Windows* versi 15.0.

Analisis data dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu profil maklumat pelajar, keperluan dakwah pelajar dan penerimaan program dakwah. Dalam penganalisaan data ini, kaedah analisis deskriptif yang digunakan ialah peratusan mudah bagi demografi responden dan kaedah *Skala Likert* bagi mencari kekerapan, peratusan dan min (purata) bagi menjelaskan hasil dapatan kajian yang diperolehi dan analisis statistik kolerasi model Pearson bagi mengukur korelasi yang wujud antara pemboleh ubah kuantitatif.

4.1 Profil Responden

Bahagian pertama memfokuskan kepada profil maklumat pelajar termasuklah jantina, umur, fakulti, peringkat pengajian, pendidikan di peringkat sekolah menengah, penglibatan dalam persatuan agama atau organisasi dakwah dan kekerapan menyertai program-program Islam di UNISEL. Kajian ingin melihat sejauhmana elemen tersebut mempengaruhi keperluan pelajar terhadap dakwah serta penerimaan mereka terhadap program dakwah.

Kajian memilih 367 responden secara rawak daripada jumlah keseluruhan 783 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran wajib Pengajian Islam Semester Julai 2012. Saiz sampel ini bertepatan dengan kaedah Krejcie dan Morgan. Daripada jumlah tersebut seramai 161 pelajar adalah peringkat ijazah sarjana muda manakala seramai 622 orang adalah pelajar diploma. Kajian telah memilih semua pelajar ijazah sarjana muda sebagai responden dan baki responden iaitu seramai 206 orang dipilih secara rawak dari kalangan pelajar diploma. Baki 416 orang pelajar diploma yang tidak dipilih adalah terdiri daripada pelajar semester 1 iaitu seramai 180 dan 230 orang pelajar pula merupakan anak murid kepada pengkaji. Mereka tidak dijadikan responden kerana belum terlibat dengan program dakwah dan bagi mengelakkan dapatan yang bersifat '*bias*' iaitu berat sebelah. Profil bagi setiap item dianalisis dalam bentuk jadual seperti berikut berdasarkan jumlah borang soal selidik yang lengkap diisi oleh responden.

4.1.1 Taburan mengikut jantina

Jadual 4.1.1

Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan responden	Peratus (%)
Lelaki	110	32.8
Perempuan	225	67.2
Jumlah	335	100.0

Jadual 4.1.1 menunjukkan seramai 225 orang responden terdiri daripada pelajar perempuan bersamaan 67.2% dan seramai 110 orang responden terdiri daripada pelajar lelaki bersamaan 32.8%.

4.1.2 Taburan Mengikut Umur

Jadual 4.1.2

Taburan Responden Mengikut Umur

Umur (Tahun)	Bilangan responden	Peratus (%)
17	1	.3
18	32	9.6
19	59	17.6
20	82	24.5
21	64	19.1
22	38	11.3
23	35	10.4
24	14	4.2
25	4	1.2
26	2	.6
27	2	.6
28	2	.6
Jumlah	335	100.0

Jadual 4.1.2 menunjukkan umur responden adalah di antara 17-28 tahun. Ini bermakna responden adalah merupakan golongan lewat remaja dan awal belia. Sebahagian besar responden adalah berumur 20 tahun iaitu seramai 82 orang pelajar bersamaan 24.5% Peratus tertinggi umur pelajar adalah di antara 19 hingga 22 tahun iaitu 72.5% bersamaan 243 orang pelajar, peratusan umur pertengahan responden berusia 23 tahun ke bawah iaitu 20% bersamaan 67 orang pelajar manakala peratusan umur terendah berada pada usia akhir remaja iaitu 7.2% bersamaan 24 orang pelajar.

Kajian mendapati julat umur terendah tersebut berada dalam lingkungan umur di antara 24 hingga 28 tahun sedangkan lazimnya umur graduasi adalah 23 tahun. Justeru, temubual telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat tersebut. Dua orang pelajar mengatakan bahawa mereka mula belajar peringkat sijil dan diploma di kolej lain, sebelum menyambung pelajaran di peringkat ijazah sarjana muda di UNISEL²⁵⁰. Majoriti pelajar yang bekerja sebagai juruwang di pasaraya untuk mengumpul dana sebelum menyambung pelajaran di UNISEL. Manakala seorang pelajar berada pada umur remaja iaitu 17 tahun kerana beliau memulakan persekolahan pada usia 6 tahun²⁵¹.

²⁵⁰ Farah Nabilah Ahmad Riduwan dan Nor Shahira Abdullah, dalam temubual dengan penulis 15 Mac 2012.

²⁵¹ Muhammad Ikmal Rahmad, dalam temubual dengan penulis 17 Mac 2012.

4.1.3 Taburan Mengikut Peringkat Pengajian

Jadual 4.1.3

Taburan Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Bilangan responden	Peratus (%)
Diploma	174	51.9
Ijazah Sarjana Muda	161	48.1
Jumlah	335	100.0

Jadual 4.1.3 menunjukkan peringkat pengajian responden. Seramai 174 orang responden merupakan pelajar diploma bersamaan 51.9% manakala bakinya adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda iaitu 161 orang pelajar bersamaan 48.1% yang mewakili keseluruhan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengambil Pengajian Islam semester Julai 2012.

4.1.4 Taburan Mengikut Fakulti

Jadual 4.1.4

Taburan Mengikut Peringkat Fakulti

Fakulti	Bilangan responden	Peratus (%)
Fakulti Kejuruteraan	5	1.5
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial	178	53.1
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	15	4.5
Fakulti Sains dan Bioteknologi	1	.3
Fakulti Perniagaan	96	28.7
Fakulti Komunikasi Media	8	2.4
Fakulti Bio Perubatan dan Sains Kesihatan	16	4.8
Fakulti Seni Reka dan Bentuk	16	4.8
Jumlah	335	100

Jadual 4.14 menunjukkan taburan responden mengikut fakulti. Secara keseluruhannya peratusan tertinggi menunjukkan 53.1% responden merupakan pelajar dari Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial iaitu seramai 178 orang pelajar. Manakala peratus kedua tertinggi adalah dalam kalangan pelajar Fakulti Perniagaan iaitu sebanyak 28.7% bersamaan 96 orang pelajar. Ini adalah kerana kedua-dua fakulti ini mempunyai bilangan pelajar yang paling ramai dengan pelbagai program yang ditawarkan oleh pihak fakulti. Manakala peratusan terendah iaitu 0.3% bersamaan seorang pelajar dari Fakulti Sains dan Bioteknologi.

4.1.5 Taburan Mengikut Aliran Pendidikan Sekolah Menengah

Jadual 4.1.5

Taburan Mengikut Aliran Pendidikan Sekolah Menengah

Aliran	Bilangan responden	Peratus (%)
Aliran agama	84	25.1
Aliran biasa	251	74.9
Jumlah	335	100.0

Jadual 4.1.5 menunjukkan majoriti responden adalah dari aliran sekolah biasa iaitu seramai 251 orang pelajar bersamaan 74.9% dan selebihnya 84 orang bersamaan 25.1% adalah dari aliran sekolah agama.

4.1.6 Taburan Mengikut Penglibatan Dalam Persatuan Agama

Jadual 4.1.6

Taburan Mengikut Penglibatan Dalam Persatuan Agama

Keterlibatan	Bilangan responden	Peratus (%)
Ya	205	61.2
Tidak	130	38.8
Jumlah	335	100.0

Jadual 4.1.6 menunjukkan penglibatan pelajar dalam persatuan agama atau organisasi Islam. Seramai 205 orang responden pernah terlibat dengan persatuan agama bersamaan 61.2% manakala selebihnya tidak pernah terlibat dengan persatuan agama iaitu 130 orang pelajar bersamaan 38.8%. Ini menggambarkan jumlah responden adalah seimbang di antara pelajar yang berpengalaman dalam

penglibatan persatuan agama Islam dengan pelajar yang tidak pernah terlibat dengan persatuan Islam.

4.1.7 Korelasi Antara Penglibatan Dalam Persatuan Agama Dengan Aliran Pendidikan di Peringkat Menengah

Kajian korelasi Pearson dilakukan bagi mengenal pasti hubungan antara penglibatan pelajar dalam persatuan agama dengan latar belakang aliran pendidikan di peringkat sekolah agama dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 4.1.7

Hubungan Penglibatan dalam Persatuan Agama dan Aliran Pendidikan di Peringkat Menengah

Pearson Correlation	Sig. (2-tailed)	N
.192**	.000	335

**Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$ (2-tailed)

Analisis korelasi Pearson dalam jadual 4.1.7 di atas menunjukkan korelasi positif yang ketara di antara penglibatan pelajar dalam persatuan agama dan aliran pendidikan di peringkat sekolah menengah dengan nilai $r=0.19$. Korelasi tersebut adalah signifikan pada $p < .01$. Keputusan analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan iaitu bahawa pelajar yang beraliran agama terlibat dengan persatuan agama atau organisasi Islam.

4.1.8 Taburan Mengikut Kekerapan Menyertai Program

Jadual 4.1.8

Taburan Mengikut Kekerapan Menyertai Program

Kekerapan	Bilangan responden	Peratus (%)
1-2 kali	230	68.7
3-4 kali	67	20.0
5-6 kali	23	6.9
lebih 7 kali	15	4.5
Jumlah	335	100.0

Jadual 4.1.7 menunjukkan kekerapan penyertaan pelajar dalam program-program keagamaan di UNISEL. Kekerapan pelajar dalam menyertai program-program keagamaan yang paling tinggi adalah di antara 1 hingga 2 kali sahaja iaitu seramai 230 responden bersamaan 68.7%. Seramai 67 responden bersamaan 20% menyertai program-program keagamaan sebanyak 3 hingga 4 kali. Sementara 23 responden bersamaan 6.9% menyertai program-program keagamaan sebanyak 5 hingga 6 kali dan 15 responden bersamaan 4.5% menyertai program keagamaan melebihi 7 kali. Taburan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar UNISEL kurang menyertai program-program agama yang dijalankan oleh pihak universiti. Kesimpulan daripada analisis ini mendapati bahawa lazimnya pelajar mengikuti program keagamaan sebanyak 1 hingga 2 kali sahaja.

4.2 Maklumbalas Responden Berkaitan Keperluan Dakwah dalam kalangan Pelajar

Bahagian ini akan menganalisis maklumbalas responden terhadap keperluan dakwah dalam kalangan pelajar. Kajian ini dilakukan untuk menyokong data berkaitan penerimaan dakwah. Responden diberi peluang untuk menilai faktor-faktor keperluan dakwah melalui soalselidik yang telah disediakan. Maklumbalas yang diberikan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.2.1 sehingga 4.2.6.

4.2.1. Analisis Faktor Akidah

Jadual 4.2.1

Faktor Akidah

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Total
1. Program keagamaan membina iman.	3 .9%	6 1.8%	23 6.8%	154 46.0%	149 44.5%	335 100.0
2. Program keagamaan memahami matlamat hidup Muslim.	3 .9%	1 .3%	34 10.1%	139 41.5%	158 47.2%	335 100.0
3. Pengetahuan Islam menjadikan mukmin bertaqwa.	1 .3%	3 .9%	28 8.4%	120 35.8%	183 54.6%	335 100.0

Dari jadual 4.2.1 secara keseluruhannya peratusan yang tinggi berada pada tahap setuju (skala sederhana setuju, setuju dan sangat setuju) dengan jumlah peratusan bagi item pembinaan iman sebanyak 97.3%. Pembolehubah kefahaman matlamat hidup Muslim dan pengetahuan Islam melahirkan mukmin yang bertakwa memperoleh peratusan yang sama iaitu sebanyak 98.8%. Manakala selebihnya

mengatakan tidak setuju (skala tidak setuju dan sangat tidak setuju) dengan jumlah peratusan bagi item pembinaan iman sebanyak 2.7%. Pembolehubah kefahaman matlamat hidup Muslim dan pengetahuan Islam melahirkan mukmin yang bertakwa merupakan pembolehubah yang memperolehi peratusan yang sama iaitu sebanyak 1.2%

Hasil maklumbalas responden di atas jelas menunjukkan bahawa semua pembolehubah dalam faktor akidah merupakan elemen penting yang perlu diterapkan kepada pelajar dalam pelaksanaan program-program dakwah. Hasil daripada akidah yang mantap akan melahirkan individu yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab kepada diri, keluarga dan masyarakat.

Kenyataan ini sangat bertepatan dengan apa yang telah diutarakan oleh ‘Abdullāh Nāseḥ ‘Ulwān yang menyatakan kekuatan akidah adalah elemen utama dalam proses pembangunan akhlak kerana metode ini mampu mencetuskan kefahaman yang jelas tentang hakikat penciptaan manusia iaitu sebagai hamba yang bertakwa dan khalifah Allah SWT di muka bumi ini.²⁵²

²⁵² ‘Abdullāh Nāseḥ ‘Ulwān, *Tarbiyyatul Aulād Fil Islām*, 600-606.

4.2.2. Analisis Faktor Terpengaruh Dengan Aktiviti Tidak Bermoral Dan Budaya Barat

Jadual 4.2.2

Faktor Pengaruh Budaya Barat

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Total
4. Menghadiri program keagamaan mengelakkan diri melakukan aktiviti tidak bermoral.	4 1.2%	9 2.7%	27 8.1%	130 38.8%	165 49.3%	335 100.0
5. Mengisi masa lapang mengelak terpengaruh dengan budaya barat.	4 1.2%	8 2.4%	83 24.8%	169 50.4%	71 21.2%	335 100.0

Dalam faktor pengaruh budaya barat dari jadual 4.2.2 menunjukkan jumlah peratusan tidak setuju bagi pembolehubah menghadiri program bagi mengelakkan aktiviti tidak bermoral mencatat sebanyak 3.9% (13 orang pelajar) dan pembolehubah mengisi masa lapang bagi mengelak pengaruh budaya barat sebanyak 3.6% (12 orang pelajar). Dapatan ini menunjukkan terdapat faktor lain yang membantu pelajar daripada terpengaruh dengan aktiviti tidak bermoral dan budaya barat.

Fakta ini disokong oleh Dr. ‘Ali ‘Abdul Ḥalīm Maḥmūd yang menjelaskan bahawa pembangunan akhlak ditunjangi oleh kestabilan institusi keluarga. Ini kerana hikmah dan fungsi institusi keluarga adalah untuk melaksanakan pembangunan akhlak yang berterusan kepada anak-anak bagi mewujudkan kasih sayang, belas ehsan dan saling berinteraksi dalam suasana harmonis dalam

hubungan kekeluargaan.²⁵³ Manakala Imam al-Ghazālī pula merumuskan bahawa sesetengah manusia mendapat rahmat dari Allah SWT dengan dikurniakan akhlak yang baik secara semulajadi semenjak mereka dilahirkan.²⁵⁴

Walaupun bagaimanapun, sebilangan besar responden bersetuju bahawa faktor agama penting bagi mengelakkan pengaruh aktiviti tidak bermoral dan budaya barat. Bagi pembolehubah menghadiri program agama bagi mengelakkan aktiviti tidak bermoral, jumlah peratusan setuju adalah sangat tinggi iaitu 96.2% (322 orang pelajar) dan pembolehubah mengisi masa lapang bagi mengelak pengaruh budaya barat mencatat jumlah peratusan 96.4% (323 orang pelajar).

Maklumbalas ini membuktikan bahawa dakwah amat perlu bagi mengelakkan pengaruh budaya barat menular ke dalam jiwa para pelajar seterusnya menghindar diri mereka daripada terjerumus ke dalam lembah kemaksiatan dan perkara-perkara mungkar. Justeru, dengan melibatkan diri dengan suasana keagamaan dapat melembutkan jiwa dan melahirkan peribadi muslim yang soleh dan musleh.

²⁵³ ‘Alī ‘Abdul Ḥalīm Maḥmūd, *Tarbiyyah al-Nasyi’ al-Muslim*, Al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’ lī al-Ṭaba‘ah wa al-Naṣr wa al-Tawzi’, (t.tp.: t.p., 1992), 8-9.

²⁵⁴ Azhar bin Ahmad (2006), “Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak” (tesis, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 2006)), 79.

4.2.3. Analisis Faktor Hidup Dalam Kemewahan dan Kelalaian

Jadual 4.2.3

Faktor Hidup Dalam Kemewahan dan Kelalaian

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Total
6. Hidup sederhana selepas menghadiri program agama.	2 .6%	12 3.6%	62 18.5%	172 51.3%	87 26.0%	335 100.0

Jadual 4.2.3 bagi faktor hidup dalam kemewahan dan kelalaian menggambarkan peratusan tertinggi adalah 51.3% (172 orang pelajar) yang terletak pada skala setuju iaitu hidup sederhana selepas menghadiri program agama, 26% (87 orang pelajar) sangat setuju, diikuti 18.5% (62 orang pelajar) pada skala sederhana setuju. Walau bagaimanapun 4.2% (14 orang pelajar) tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Daripada data di atas menjelaskan bahawa sebanyak 95.8% (321 orang pelajar) setuju mengubah cara hidup yang mewah kepada kesederhanaan. Justeru maklumbalas ini membuktikan bahawa melalui program-program dakwah yang dilaksanakan, pelajar termotivasi untuk mengawal diri mereka daripada melakukan perkara yang sia-sia dan meletakkan material sebagai matlamat utama yang perlu dicapai dalam hidup. Oleh itu, faktor kemewahan boleh dibendung dengan menghadiri dan menghayati program-program agama.

4.2.4. Analisis Faktor Memupuk Keyakinan Diri

Jadual 4.2.4

Faktor Memupuk Keyakinan Diri

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Total
7. Menghadiri program agama memberi peluang bergaul dengan rakan yang baik.	3 .9%	8 2.4%	42 12.5%	124 37.0%	158 47.2%	335 100.0
8. Bersemangat belajar al-Quran dan ibadah lain setelah mengikuti program.	1 .3%	1 .3%	39 11.6%	154 46.0%	140 41.8%	335 100.0
9. Bermotivasi melakukan perubahan setelah mengikuti ceramah agama.	1 .3%	-	61 18.2%	170 50.7%	103 30.7%	335 100.0

Secara keseluruhan dari jadual 4.2.4 menunjukkan 50.7% (170 orang pelajar) telah bermotivasi melakukan perubahan diri secara konsisten selepas mengikuti ceramah agama. 47.2% (158 orang pelajar) pula sangat setuju serta yakin dengan menghadiri program agama akan memberi peluang kepada mereka untuk bergaul dengan rakan yang baik yang mampu membimbing mereka. Manakala 46% (154 orang pelajar) setuju bahawa program agama mampu membina semangat untuk membaca al-Qurān dan melakukan ibadah.

Daripada dapatan di atas, 98.6% setuju dengan kenyataan bahawa dengan menghadiri program agama memberi peluang kepada mereka bergaul dengan rakan yang baik, memberi semangat untuk belajar al-Qurān dan beribadah serta memberi

suntikan motivasi untuk melakukan perubahan diri ke arah yang positif. Walau bagaimanapun, masih terdapat pelajar yang tidak setuju dengan kenyataan tersebut iaitu sebanyak 1.4%.

Justeru, dapatan kajian ini menjelaskan bahawa program-program dakwah dapat meningkatkan keyakinan pelajar untuk menampilkan identiti diri sebagai seorang Muslim. Seterusnya beristiqamah dalam melakukan kebaikan agar dapat meningkatkan nilai dan harga diri sebagai muslim sejati. Situasi ini jelas dinyatakan oleh ‘Abdullāh Nāseḥ ‘Ulwān, yang menegaskan bahawa bimbingan yang berterusan mampu mengembalikan individu ke pangkal jalan dan memupuk keyakinan diri untuk melakukan perubahan berterusan ke arah yang lebih baik.²⁵⁵

4.2.5. Analisis Faktor Mengelak Sikap Putus Asa

Jadual 4.2.5

Faktor Mudah Putua Asa

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Total
10. Hidup tenang selepas mengikuti program agama	1 .3%	-	29 8.7%	145 43.3%	160 47.8%	335 100.0
11. Harapan mendapat redha Allah lebih dirasai setelah program.	2 .6%	-	26 7.8%	157 46.9%	150 44.8%	335 100.0
12. Sifat tawakal semakin bertambah setelah mengikuti program.	1 .3%	3 .9%	36 10.7%	157 46.9%	138 41.2%	335 100.0

²⁵⁵ ‘Abdullāh Nāseḥ ‘Ulwān, *Tarbiyyatul Aulād Fīl Islām*, 641.

Jadual 4.2.5 di atas menunjukkan secara keseluruhannya, responden bersetuju dengan menghadiri program-program agama dapat mengelakkan sifat mudah berputus asa dalam hidup dengan jumlah peratusan 99.3%. Analisis terperinci mendapati 33.3% responden bersetuju bahawa hidup mereka lebih tenang dan 33.2% bersetuju harapan untuk mendapat redha Allah SWT. Manakala 32.9% bersetuju kasih sayang Allah lebih dirasai dan sifat tawakal iaitu kebergantungan diri kepada Allah SWT semakin tinggi selepas menghadiri program. Jumlah peratusan tidak setuju dan sangat tidak setuju pada tahap yang sangat rendah iaitu 0.3% hingga 0.9% sahaja.

Maklumbalas ini seiring dengan pendapat al-Ghazali bahawa emosi manusia seperti terburu-buru, putus asa dan kecewa wujud kerana hati manusia kurang mendapat sentuhan Ilahi.²⁵⁶ Justeru, dapat disimpulkan bahawa program-program agama dapat memberikan ketenangan dan kebahagiaan kepada jiwa pelajar. Pelajar lebih merasakan kehadiran Allah dalam diri mereka dan ini dapat memupuk sifat kebergantungan hidup hanya kepadaNya. Sifat tersebut akan melahirkan jiwa yang kental serta semangat yang tinggi untuk membawa perubahan yang positif dalam diri pelajar.

²⁵⁶ Fariza Md Sham, "*Tekanan Emosi Remaja Islam*".

4.2.6. Analisis Faktor Jahil Mengenai *Taşawwur* Islam

Jadual 4.2.6

Faktor Jahil Mengenai *Taşawwur* Islam

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Total
13. Merasai keindahan Islam setelah menyertai program.	2 .6%	1 .3%	29 8.7%	147 43.9%	156 46.6%	335 100.0
14. Islam sebagai penyelesaian masalah ummah selepas memahami dakwah.	1 .3%	-	21 6.3%	128 38.2%	185 55.2%	335 100.0
15. Program agama yang disertai mengubah persepsi terhadap Islam yang syumul.	2 .6%	3 .9%	30 9.0%	153 45.7%	147 43.9%	335 100.0

Dalam faktor kejahilan mengenai *taşawwur* Islam dari jadual 4.2.6 menunjukkan peratus tertinggi adalah 55.2% (185 orang pelajar) iaitu yakin Islam sebagai penyelesaian masalah ummah selepas memahami dakwah yang terletak pada skala sangat setuju. Peratusan sederhana adalah 38.2% (128 orang pelajar) iaitu sama dengan pembolehubah di atas tetapi berada pada skala setuju, manakala peratus terendah juga sama dengan pembolehubah di atas dan terletak pada skala tidak setuju, dengan 0.3%.

Maklumbalas responden yang menyatakan peratusan sangat setuju adalah berada antara 43.9% sehingga 55.2%. Peratusan setuju pula berada antara 38.2% sehingga 45.7%. Bagi peratusan sederhana setuju ia berada di antara 6.3% sehingga

9%. Manakala peratusan tidak setuju berada di antara 0% sehingga 0.9% dan peratusan amat tidak setuju iaitu terletak antara 0.3% sehingga 0.6%.

Justeru maklumbalas ini menunjukkan faktor kejahilan mengenai *taṣawwur* Islam boleh diatasi dengan menghadiri kuliah dan ceramah-ceramah agama. Ini selari seperti mana yang dijelaskan oleh Muṣṭafā Mashhūr bahawa tasawwur yang sebenar terhadap Islam dapat membentuk *world view* kehidupan muslim.²⁵⁷ Oleh itu, program-program agama banyak membantu pelajar memahami peranan individu Muslim iaitu menyempurnakan amanah sebagai hamba dan khalīfah Allah SWT. Ia selari dengan tujuan pendidikan dalam Islam iaitu memimpin insan mengenali dan mengiktiraf Penciptanya.²⁵⁸

4.3 Hubungan Antara Faktor Demografi Pelajar dan Keperluan Dakwah Pelajar

Dalam konteks ini kajian secara keseluruhannya akan meneliti hubungkait antara profil responden dengan keperluan dakwah. Bagi memudahkan analisis ini kajian menyediakan jadual khusus untuk melihat hubungan signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

²⁵⁷ Muṣṭafā Mashhūr, *Jalan Dakwah*, 135.

²⁵⁸ Maria binti Mansur, "Islamisasi Ilmu Pengetahuan Antara Harapan dan Realiti Dalam Konteks Pendidikan di Malaysia" *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 13, Bil 2, (2012), 9.

Jadual 4.3.1

Hubungan antara Demografi Pelajar dan Faktor Keperluan Dakwah Pelajar di UNISEL

Profil Responden	Faktor akidah	Pengaruh budaya barat	Kemewahan dan kelalaian	Memupuk keyakinan diri	Mengelak sikap putus asa	Jahil mengenai Islam
1. Jantina	.232	.013	.053	.022	.931	.438
2. Umur	.353	.065	.416	.373	.510	.509
3. Peringkat pengajian	.547	.505	.935	.526	.572	.166
4. Pendidikan menengah	.611	.182	.224	.030	.018	.074
5. Penglibatan persatuan agama	.005	.000	.398	.040	.263	.057

** Hubungan signifikan $r < 0.05$

Ujian korelasi Pearson-r telah digunakan untuk mengukur hubungan antara demografi dan keperluan dakwah dalam kalangan pelajar. Pada keseluruhan faktor yang diuji mencatatkan hubungan tidak signifikan dengan nilai $r = > .05$. Walau bagaimanapun terdapat hubungan signifikan antara faktor jantina dan pengaruh budaya barat dengan nilai $r = < .013$ dan faktor memupuk keyakinan diri iaitu mempunyai nilai $r = < .022$. Begitu juga terdapat hubungan sederhana kukuh antara faktor aliran pendidikan sekolah menengah dan memupuk keyakinan diri dengan nilai $r = .030$, serta mengelak sikap putus asa dengan nilai $r = .018$. Selain itu, faktor penglibatan agama juga mempunyai hubungan signifikan yang ketara dengan faktor akidah iaitu nilai $r = < .005$ dan pengaruh budaya barat iaitu nilai $r = < .000$.

Dalam profil jantina faktor-faktor yang mempunyai kaitan dengan keperluan dakwah dalam kalangan pelajar ialah terpengaruh dengan budaya barat dan memupuk keyakinan diri iaitu berkaitan sikap pelajar. Namun, ia tidak berkaitan dengan faktor akidah, kemewahan dan kelalaian, mengelak sikap putus asa dan jahil mengenai Islam, iaitu berkaitan dengan kepercayaan.

Secara keseluruhannya profil umur dan peringkat pengajian adalah tidak mempunyai hubungan signifikan dengan keperluan dakwah dalam kalangan pelajar. Manakala, dalam profil aliran pendidikan menengah terdapat dua faktor yang mempunyai hubungan signifikan iaitu faktor memupuk keyakinan diri dan mengelak sikap putus asa. Begitu juga profil penglibatan dalam persatuan agama terdapat dua faktor yang mempunyai hubungan signifikan iaitu faktor akidah dan terpengaruh dengan budaya barat sahaja tetapi tidak melibatkan faktor yang lain.

4.4 Maklumbalas Responden Berkaitan Penerimaan Pelajar Terhadap Dakwah

Tajuk ini akan membincangkan penerimaan dakwah pelajar UNISEL sebagai melengkapkan objektif terakhir dalam kajian ini. Justeru untuk mengukur penerimaan pelajar terhadap program dakwah yang dianjurkan oleh UNISEL empat faktor utama akan dianalisis iaitu penganjuran program, pengisian program, penyampaian penceramah dan pemahaman pelajar. Data yang diperolehi diolah dengan menggunakan jadual kekerapan dan peratusan. Kaedah analisis deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan adalah digunakan bagi menjelaskan demografi responden dan terhadap soalan-soalan yang mempunyai pilihan jawapan. Berikut adalah hasil kajian dinyatakan dalam bentuk rajah dan jadual.

Jadual 4.4.1

Nilai Min Skor bagi Menentukan Tahap Penerimaan Program Dakwah

Kod kumpulan	Julat Min Skor	Tahap keselarian
1	3.68 - 5.00	Tinggi
2	2.34 - 3.67	Sederhana
3	1.00 - 2.33	Rendah

4.4.1. Analisis Faktor Penganjuran program

Dalam kajian ini, responden diberi peluang untuk menilai program-program keagamaan yang dianjurkan oleh UNISEL. Maklumbalas yang diberikan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.4.1.

Jadual 4.4.2

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Berkaitan Penganjuran Program

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Min
1. Selesa dengan persekitaran tempat program yang menarik.	1 .3%	7 2.1%	42 12.5%	156 46.6%	129 38.5%	4.21
2. Program dilaksanakan pada waktu yang sesuai.	3 .9%	8 2.4%	65 19.4%	166 49.6%	93 27.8%	4.01
3. Maklumat program diperolehi melalui poster/ facebook.	5 1.5%	16 4.8%	83 24.8%	150 44.8%	81 24.2%	3.85
Skor Purata Min						4.02

Jadual 4.4.1 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan persepsi responden terhadap penganjuran program. Analisis menunjukkan bahawa seramai 327 orang (97.6%) responden merasa selesa dengan persekitaran tempat program yang menarik dan 324 orang (96.8%) mengatakan program dilaksanakan pada waktu yang sesuai. Sementara itu seramai 314 orang (93.8%) responden mengatakan bahawa mereka memperolehi maklumat program melalui poster atau *facebook*.

Secara keseluruhan peratusan yang menyatakan sangat setuju adalah antara 24.2% hingga 38.5% iaitu responden selesa dengan persekitaran tempat program yang menarik iaitu 38.5%, diikuti program dilaksanakan pada waktu yang sesuai iaitu 27.8% dan maklumat program diperolehi melalui poster/facebook iaitu 24.2%.

Bagi peratusan setuju ia berada di antara 44.8% dan 49.6%. Peratusan bagi sederhana setuju pula iaitu antara 12.5% dan 24.8%, peratusan bagi tidak setuju antara 2.1% dan 4.8% manakala peratusan bagi amat tidak setuju adalah rendah iaitu sekitar 0.3% dan 1.5%.

Analisis berdasarkan skor purata (min) juga dapat menjelaskan lagi mengenai faktor penganjuran program dakwah terhadap pelajar. Skor purata (min) keseluruhan yang diperolehi daripada item-item soalan bagi faktor ini adalah 4.02. Ini bermakna faktor penganjuran program adalah pada tahap keselarian tinggi kerana ia berada dalam julat purata (min) skor 3.68 hingga 5.00.

Sehubungan dengan itu boleh dirumuskan bahawa faktor penganjuran seperti tempat, masa dan promosi jelas menentukan tahap penerimaan program dakwah dalam kalangan pelajar. Ia sejajar dengan pandangan Rahimah Hashim yang menjelaskan bahawa penerimaan banyak bergantung kepada kaedah dakwah dan teknik dakwah khususnya elemen masa dan tempat yang sesuai.²⁵⁹

4.4.2. Analisis Faktor Pengisian Program

Jadual 4.4.3, 4.4.4 dan 4.4.5 menganalisis secara keseluruhan berkaitan faktor pengisian program yang mempengaruhi penerimaan dakwah pelajar.

Jadual 4.4.3

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Berkaitan Penceramah

Penceramah	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Min
4. Penampilan penceramah memberi kesan penumpuan kepada ceramah.	3 .9%	9 2.7%	63 18.8%	153 45.7%	107 31.9%	4.05
5. Penceramah memiliki pengetahuan yang mencukupi.	0 0%	6 1.6%	31 8.5%	169 46.2%	160 43.7%	4.33
6. Penceramah memahami kehendak pendengar.	1 .3%	10 2.7%	65 17.7%	188 51.2%	103 28.1%	4.05
Skor Purata Min						4.14

Jadual 4.4.2 menunjukkan maklumbalas responden berkaitan faktor penceramah.

Peratusan tertinggi adalah 51.2% (188 orang pelajar) iaitu responden bersetuju bahawa penceramah dapat menyampaikan isi ceramah mengikut cita rasa

²⁵⁹ Rahimah Hashim, *Ilmu Komunikasi: Kaedah dan Teknik Dalam Dakwah Islamiah*, 140.

pendengar, peratusan sederhana adalah 28.1% (103 orang pelajar) iaitu responden juga sangat bersetuju bahawa penceramah memahami kehendak pendengar dan peratusan terkecil adalah 0% iaitu responden sangat tidak bersetuju bahawa penceramah memiliki pengetahuan yang mencukupi.

Analisis secara keseluruhan dari jadual ini menunjukkan peratusan sangat setuju adalah antara 28.1% hingga 43.7%. Peratusan setuju adalah antara 45.7% hingga 51.2%, manakala peratusan sederhana setuju adalah antara 8.5% hingga 18.8%. Sebaliknya peratusan tidak setuju adalah antara 1.6% hingga 2.7% dan peratusan sangat tidak setuju antara 0% hingga 0.9%. Dari peratusan ini jelas menunjukkan bahawa faktor penceramah seperti penampilan, ilmu yang mencukupi dan memahami kehendak pendengar mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap program dakwah.

Analisis melalui min (purata) menjelaskan lagi kedudukan ini. Secara keseluruhan skor purata (min) adalah pada tahap 4.14 iaitu pada tahap tinggi. Analisis secara terperinci terhadap faktor penceramah menunjukkan bahawa skor purata (min) tertinggi pada nilai 4.33 adalah penceramah memiliki pengetahuan yang mencukupi diikuti oleh dua pemboleh ubah yang mencatat skor purata (min) yang sama dan pada tahap yang tinggi iaitu penampilan penceramah memberi kesan penumpuan penceramah dan penceramah memahami kehendak pendengar.

Ini membuktikan bahawa terhadap kaitan yang sangat signifikan antara penerimaan pelajar terhadap dakwah dengan tahap ilmu pendakwah. Ia selari dengan pandangan ‘Abbās As Sīsī yang menjelaskan bahawa manifestasi keilmuan

yang tinggi akan menghasilkan pendakwah yang mampu memukau audien dengan hujah dan fakta yang menarik.²⁶⁰

Jadual 4.4.4

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Berkaitan Mesej Ceramah

Mesej	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Min
7. Mesej Islam yang disampaikan jelas dan mudah difahami.	0 0%	3 .9%	33 9.9%	171 51.0%	128 38.2%	4.27
8. Mesej penceramah berkaitan dengan kehidupan pelajar.	3 .8%	16 4.4%	80 21.9%	180 49.2%	87 23.8%	3.91
9. Mesej ceramah membantu memahami Islam.	1 .3%	2 .5%	28 7.6%	190 51.8%	146 39.8%	4.30
10. Objektif program diketahui pelajar.	1 .3%	12 3.6%	106 31.6%	156 46.6%	60 17.9%	3.78
Skor Purata Min						4.07

Jadual 4.4.3 di atas menunjukkan secara keseluruhan, responden memahami mesej ceramah yang disampaikan dalam program-program keagamaan pada tahap keselarian yang tinggi iaitu dengan nilai purata (min) 4.07. Analisis secara terperinci pula menunjukkan bahawa sebahagian besar responden iaitu (91.6%) berada pada tahap bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mesej yang disampaikan oleh penceramah membantu mereka memahami Islam yang *shumūl*, diikuti (89.2%) responden yang berpendapat mesej Islam yang disampaikan penceramah jelas dan mudah difahami. Manakala (73%) mengatakan bahawa mesej ceramah

²⁶⁰ ‘Abbās As-Sīsī, *Al-Torīq Ilā al-Qulūb*, 75.

yang disampaikan berkaitan dengan kehidupan mereka sebagai seorang pelajar dan (64.5%) mengetahui objektif setiap program agama yang dianjurkan oleh universiti.

Dapatan ini selari dengan pandangan yang memberikan oleh Zāin al-‘Abidīn al-Rikābī yang mnegatakan bahawa mesej ceramah merupakan faktor yang penting dalam elemen penerimaan dakwah terhadap pelajar. Mesej Islam yang jelas dan berkisar dengan kehidupan pelajar mampu membentuk sahsiah mereka dalam mengaharungi liku-liku kehidupan di kampus.²⁶¹

²⁶¹ Zāin al-‘Abidīn al-Rikābī, *Al-Nazriyyāt al-Islāmiyyah fī al-‘ilm al-Islāmī wa al-‘alāqāt al-Islāmiyyah*, 299.

Jadual 4.4.5

Taburan Kekekapan Dan Peratusan Responden Berkaitan Bentuk Program

Bentuk program	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Min
11. Bentuk program yang pelbagai dan sesuai dengan jiwa.	0 0%	10 3.0%	64 19.1%	162 48.4%	99 29.6%	4.04
12. Program yang diminati berunsur akidah.	1 .3%	4 1.2%	62 18.5%	164 49.0%	104 31.0%	4.09
13. Program yang diminati berunsur ibadah.	2 .6%	5 1.5%	49 14.6%	167 49.9%	112 33.4%	4.14
14. Program yang diminati berunsur akhlak.	1 .3%	3 .9%	36 10.7%	139 41.5%	156 46.6%	4.33
15. Program yang diminati berunsur pemikiran.	2 .6%	5 1.5%	50 14.9%	145 43.3%	133 39.7%	4.20
16. Saya minat program berbentuk ceramah/ forum/ seminar	4 1.2%	12 3.6%	75 22.4%	135 40.3%	109 32.5%	3.99
17. Saya minat kesenian Islam seperti nasyid, lakonan, sajak	5 1.5%	11 3.3%	55 16.4%	124 37.0%	140 41.8%	4.14
18. Saya minat program berbentuk kursus	2 .6%	8 2.4%	41 12.2%	133 39.7%	151 45.1%	4.26
19. Saya minat program berbentuk praktikal	5 1.5%	10 3.0%	56 16.7%	136 40.6%	128 38.2%	4.11
Skor Purata Min						4.14

Jadual 4.4.2 menunjukkan maklumbalas responden terhadap bentuk program dakwah anjuran UNISEL. Peratusan tertinggi adalah 49.9% (167 orang pelajar) iaitu ceramah yang diminati pelajar berunsurkan ibadah terletak pada skala setuju,

peratusan sederhana adalah 22.4% (75 orang pelajar) iaitu pelajar meminati program berbentuk ceramah, forum dan seminar dan peratusan terkecil adalah 0.3% pada skala sangat tidak setuju bahawa iaitu program yang diminati berunsurkan akidah dan akhlak.

Analisis secara keseluruhan dari jadual ini menunjukkan peratusan sangat setuju adalah antara 29.6% hingga 46.6%. Peratusan setuju adalah antara 37% hingga 49.9%, manakala peratusan sederhana setuju adalah antara 12.2% hingga 22.4%. Sebaliknya peratusan tidak setuju adalah antara 0.9% hingga 3.6% dan peratusan sangat tidak setuju antara 0.3% hingga 1.5%. Dari peratusan ini jelas menunjukkan bahawa faktor bentuk program yang pelbagai mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap program dakwah.

Ini dapat dibuktikan melalui peratusan tertinggi bagi faktor pengisian dalam pemboleh ubah yang menunjukkan sangat setuju adalah bentuk program yang diminati berunsurkan akhlak. Sementara pemboleh ubah yang menunjukkan setuju ialah bentuk program berunsurkan ibadah dan pemboleh ubah yang menunjukkan sederhana setuju ialah program berbentuk ceramah, forum dan seminar.

Analisis melalui min (purata) menjelaskan lagi kedudukan ini. Secara keseluruhan skor purata (min) adalah pada tahap 4.14 iaitu pada tahap keselarian tinggi. Pemboleh ubah yang mencatat skor purata (min) pada tahap yang paling tinggi iaitu program yang diminati berunsurkan akhlak pada nilai 4.33. Ini diikuti program berbentuk kursus seperti penambakan solat, pembaikan bacaan al-Qurān dan kepimpinan pada nilai skor purata (min) 4.26, program berunsurkan pemikiran

pada skor min 4.20. Terdapat dua pembolehubah yang mencatat skor min yang sama iaitu program yang diminati berunsurkan ibadah dan program berbentuk kesenian seperti nasyid, lakonan dan deklamasi sajak pada skor min 4.14, seterusnya diikuti oleh program berbentuk praktikal seperti pengurusan jenazah dan penyembelihan haiwan pada skor min 4.11, program yang berunsurkan akidah pada nilai skor min 4.09, pelajar teruja untuk hadir ke program yang dianjurkan kerana bentuk program yang pelbagai dan sesuai dengan jiwa mereka pada skor min 4.04 dan nilai skor min yang paling rendah adalah pembolehubah program yang diminati berbentuk ceramah, forum dan seminar iaitu pada skor min 3.99.

Keseluruhan skor purata (min) daripada maklumbalas bentuk program adalah 4.14 yang berada pada tahap keselarian sangat tinggi. Ini membuktikan bahawa faktor bentuk program yang dilaksanakan oleh pihak universiti memberi kesan kepada penerimaan dakwah pelajar. Ia bertepatan dengan pandangan Munir bin Md Amin bahawa bentuk program dakwah akan berjaya sekiranya disesuaikan dengan sasaran dakwah.²⁶²

²⁶² Munir bin Md Amin, *Program Dakwah Masjid di Daerah Gombak*, 65-66.

4.4.3. Analisis Faktor Penyampaian

Jadual 4.4.6

Taburan Kekерapan Dan Peratusan Responden Berkaitan Penyampaian Program

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Min
20. Penyampaian ceramah yang pelbagai.	1 .3%	6 1.8%	49 14.6%	148 44.2%	131 39.1%	4.20
21. Gaya persembahan penceramah menarik.	2 .6%	9 2.7%	40 11.9%	126 37.6%	158 47.2%	4.28
22. Penceramah menggunakan peralatan teknologi maklumat.	2 .6%	14 4.2%	56 16.7%	150 44.8%	113 33.7%	4.07
Skor Purata Min						4.18

Jadual 4.4.3 menunjukkan maklumbalas mengenai penyampaian dalam program dakwah. Secara keseluruhannya peratusan tertinggi yang ditunjukkan pada jadual di atas adalah 47.2% (158 orang pelajar) berada pada tahap sangat setuju iaitu pembolehkan gaya persembahan penceramah yang menarik, peratusan sederhana adalah 16.7% (56 orang murid) terletak pada skala sederhana setuju dan peratusan terendah adalah 0.3% (1 orang murid) berada pada skala sangat tidak setuju iaitu pembolehkan penyampaian ceramah yang pelbagai.

Dari aspek tahap peratusan sangat setuju berada antara 33.7% hingga 47.2%. Peratusan sangat setuju paling tinggi adalah gaya persembahan penceramah yang menarik iaitu 47.2% diikuti penyampaian ceramah yang pelbagai iaitu 39.1% dan penceramah menggunakan peralatan teknologi maklumat iaitu 33.7%. Manakala peratusan setuju berada antara nilai 37.6% hingga 44.8% dan peratusan sederhana

setuju antara 11.9% hingga 16.7%. Sebaliknya peratusan tidak setuju mencatat peratusan yang sangat kecil iaitu antara 0.3% hingga 0.6% sebaliknya peratusan kurang setuju antara 1.8% hingga 4.2%.

Jika diukur pada nilai keseluruhan skor purata (min) ia berada pada kedudukan nilai 4.18 iaitu pada tahap keselarian tinggi menunjukkan faktor penyampaian mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap program dakwah adalah pada tahap tinggi. Skor purata (min) yang paling tinggi adalah gaya persembahan penceramah yang menarik pada nilai 4.28, diikuti oleh penyampaian penceramah yang pelbagai pada nilai 4.20 dan pembolehkan penceramah menggunakan peralatan teknologi maklumat pada nilai 4.07.

Ini jelas membuktikan bahawa faktor penyampaian seperti kemahiran berkomunikasi dan penggunaan alat bantu mengajar sangat mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap program-program dakwah yang dijalankan seperti mana pandangan Siti Aishah Abu Bakar.²⁶³

²⁶³ Siti Aishah Abu Bakar, "Penggunaan Multimedia Dalam Khutbah Jumaat: Kajian Terhadap Penerimaan Jemaah di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq Bangsar Kuala Lumpur", 76.

4.4.4. Analisis Faktor Pemahaman Islam

Jadual 4.4.7

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Berkaitan Pemahaman Islam

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Min
23. Saya mengaplikasikan dan menghayati ilmu yang diberikan.	2 .6%	5 1.5%	56 16.7%	167 49.9%	105 31.3%	4.10
24. Teruja untuk mengikuti program seterusnya.	2 .6%	10 3.0%	70 20.9%	170 50.7%	83 24.8%	3.96
25. Perbaiki ibadah selepas mengikuti program agama.	1 .3%	4 1.2%	35 10.4%	155 46.3%	140 41.8%	4.28
Skor Purata Min						4.12

Secara umum untuk melihat faktor pemahaman kandungan penyampaian penceramah boleh merujuk kepada analisis berdasarkan peratusan. Peratusan tertinggi adalah 50.7% (170 orang pelajar) iaitu pembolehubah pelajar tertunggu-tunggu untuk mengikuti program dakwah yang seterusnya terletak pada skala setuju, peratusan sederhana adalah 24.8% (83 orang pelajar) iaitu pembolehubah yang sama dengan peratusan tertinggi dan peratusan terendah adalah 0.3% (1 orang pelajar) iaitu pembolehubah memperbaiki amal ibadah selepas menghadiri kuliah agama pada skala sangat tidak setuju.

Secara keseluruhan peratusan yang menyatakan sangat setuju berada di antara 24.8% hingga 41.8% iaitu memperbaiki ibadah selepas menghadiri kuliah agama pada kadar 41.8% diikuti mengaplikasi dan menghayati ilmu yang diberikan iaitu 31.3% dan tertunggu-tunggu untuk mengikuti program seterusnya iaitu 24.8%.

Bagi peratusan setuju ia berada di antara 46.3% hingga 50.7% . Peratusan bagi sederhana setuju iaitu di antara 10.4% hingga 20.9%. Sebaliknya purata peratusan bagi tidak setuju adalah sekitar 1.2% hingga 3% dan peratusan sangat tidak setuju adalah sangat rendah iaitu antara 0.3% hingga 0.6%. Ini menunjukkan bahawa faktor kefahaman mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap program dakwah. Situasi tersebut dapat dibuktikan dengan peratusan tertinggi keseluruhan pembolehubah berada dalam kategori setuju.

Analisis berdasarkan skor purata (min) juga dapat menjelaskan setiap kenyataan mengenai faktor pemahaman dalam mempengaruhi penerimaan dakwah pelajar terhadap program dakwah. Skor purata (min) keseluruhan yang dicatat adalah 4.12. Ini bermakna tahap pengaruh pemahaman pelajar dalam penerimaan dakwah adalah tinggi berdasarkan jadual penentuan tahap keselarian dalam menentukan penerimaan program dakwah.

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas adalah lebih baik untuk meninjau secara lebih terperinci kepada setiap pembolehubah berdasarkan skor purata (min) di atas. Berdasarkan jadual 4.4.5 di atas faktor kefahaman yang paling tinggi merujuk kepada pelajar dapat memperbaiki amal ibadah selepas menghadiri kuliah agama iaitu skor puratanya (min) adalah 4.28 iaitu setuju, diikuti oleh pelajar dapat mengaplikasi dan menghayati ilmu yang diberikan di mana skor puratanya adalah 4.10 iaitu setuju. Manakala skor purata yang paling rendah adalah 3.96 di mana pelajar teruja mengikuti program dakwah seterusnya iaitu setuju.

Secara keseluruhan dalam faktor kefahaman ini jelas menunjukkan ia mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap program-program dakwah yang dilaksanakan. Fakta ini selari dengan kajian Abdull Rahman Mahmood yang merumuskan bahawa penerimaan sesuatu perkara amat bergantung kepada faktor kefahaman.²⁶⁴ Justeru, pendakwah perlu mengambil cakna terhadap tahap pemikiran sasaran dakwahnya.

4.5 Kesimpulan

Skor purata (min) bagi keseluruhan keperluan dakwah dalam kalangan pelajar adalah 4.27 iaitu terletak pada skala keselarian tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar amat memerlukan dakwah dalam kehidupan seharian mereka

Manakala skor purata (min) bagi keseluruhan penerimaan dakwah adalah 4.12 juga terletak pada keselarian tinggi. Ini membuktikan secara jelas bahawa penerimaan dakwah pelajar bergantung kepada faktor penganjuran program, pengisian program, penyampaian penceramah dan pemahaman pelajar.

²⁶⁴ Abdull Rahman Mahmood et al., "Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi Di Malaysia", 46.

BAB 5

RUMUSAN DAN SARANAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan beberapa kesimpulan terhadap persoalan kajian yang berkisar tentang permasalahan dakwah terhadap pelajar UNISEL. Ia merangkumi secara khusus pelaksanaan dakwah, masalah pelaksanaan dakwah, keperluan dan penerimaan dakwah dalam kalangan pelajar. Selain itu, bab ini juga mengetengahkan beberapa saranan yang mungkin boleh diberikan pertimbangan terhadap kajian dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk dimanfaatkan dalam melaksanakan dakwah terhadap golongan pelajar secara keseluruhan.

5.1 Rumusan

Berikut adalah beberapa rumusan berdasarkan dapatan-dapatan yang diperolehi hasil kajian yang diperolehi dalam penyelidikan ini.

5.1.1 Pelaksanaan Dakwah Terhadap Pelajar-Pelajar di UNISEL.

Melalui kajian yang dijalankan, kajian mendapati pelaksanaan dakwah terhadap pelajar-pelajar di UNISEL dikendalikan oleh dua badan dalaman universiti iaitu Pusat Islam dan Unit Usrah di bawah seliaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISEL.

Pusat Islam mempunyai lima unit dakwah yang merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk membangunkan modal insan di UNISEL. Agenda dakwah Pusat Islam pula disusun mengikut pembahagian unit-unit yang telah dipertanggungjawabkan.

Unit-unit tersebut ialah:

- i. Unit Program Kebesaran Islam dan Kursus Amali
- ii. Unit Pengurusan Zakat dan Pendidikan
- iii. Unit Penerbitan dan Penyelarasan Modul
- iv. Unit Pentadbiran, Kewangan dan Latihan
- v. Unit Khidmat Nasihat dan Pembangunan Wanita

i. Unit Program Kebesaran Islam dan Kursus Amali

Unit ini bertanggungjawab mengadakan program-program keagamaan bersempena hari kebesaran Islam setiap tahun.

ii. Unit Pengurusan Zakat dan Pendidikan

Unit ini menganjurkan program-program pendidikan seperti kuliah maghrib, seminar *tahsīn* al-Qurān, seminar falak, pertandingan nasyid inter-fakulti dan program asnaf bagi saudara baru dalam kalangan pelajar.

iii. Unit Penerbitan dan Sistem Maklumat

Unit ini menyelaras aktiviti Pusat Islam melalui Risalah Ad-Deen dan Laman Web Rasmi Pusat Islam. Ia merupakan saluran informasi rasmi pejabat Pusat Islam dengan pihak pejabat Canselori, fakulti-fakulti di

UNISEL dan agensi-agensi luar bagi menjadikan Pusat Islam melalui aktiviti sebagai pusat membangun kecemerlangan modal insan serta pusat ibadah

iv. Unit Pentadbiran, Kewangan dan Latihan

Unit ini bertanggungjawab melaksanakan modul Anda Bijak Jauhi Zina (ABJZ) dalam setiap kali kemasukan pelajar baru yang dikenali sebagai Minggu Tekad Siswa.

v. Unit Pembangunan Wanita dan Keluarga

Unit ini memberi perkhidmatan rundingan, bimbingan dan khidmat nasihat bagi membantu staf dan pelajar yang bermasalah. Ia juga bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program khususnya untuk warga UNISEL dalam isu-isu berkaitan pembangunan wanita dan keluarga.

Manakala Unit Usrah Bahagian Hal Ehwal Pelajar berperanan untuk mengendalikan usrah sebagai satu subjek kokurikulum berstatus wajib universiti kepada semua mahasiswa Muslim. Pertemuan dua jam seminggu dalam satu semester bertujuan untuk memperkenalkan kepada mereka kefahaman Islam dan konsep dakwah dalam pembentukan modal insan.

5.1.2 Masalah pelaksanaan dakwah di UNISEL

Terdapat pelbagai kekangan dan masalah yang dihadapi oleh pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan usaha-usaha dakwah tersebut. Kajian yang dilakukan mendapati terdapat enam masalah yang dihadapi oleh Pusat Islam dan Unit Usrah dalam menjalankan aktiviti dakwahnya.

i. Kurang jalinan kerjasama di antara fakulti-fakulti di UNISEL

Pihak fakulti lebih mementingkan kejayaan akademik berbanding kepentingan memiliki akhlak yang baik. Faktor ini menyebabkan penyertaan pelajar terhadap aktiviti-aktiviti yang dianjurkan kurang mendapat sambutan. Oleh itu, semua warga universiti harus memiliki wawasan yang sama iaitu memastikan kejayaan pelajar dari sudut akademik dan pada masa yang sama memiliki keperibadian yang mulia.

ii. Sikap staf yang tidak mementingkan dakwah

Terdapat segelintir staf yang kurang menghayati kepentingan melaksanakan kerja-kerja dakwah. Mereka menganggap tugas mereka sebagai pendakwah hanya kebetulan pada jawatan yang disandang tanpa merasakan kepentingan untuk melakukan kerja-kerja dakwah. Oleh itu, dakwah dianggap sebagai urusan kerja semata-mata.

iii. Bidang dan bebanan tugas yang banyak

Staf tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap perancangan aktiviti dakwah lantaran sibuk dengan urusan kerja dan bebanan tugas lain yang perlu diselesaikan. Oleh kerana pentadbiran Pusat Islam UNISEL di bawah HEP maka staf Pusat Islam juga perlu terlibat dengan program-program anjuran HEP seperti Haluan Siswa dan lain-lain sehingga menyukarkan mereka untuk merancang program dakwah. Oleh itu, cara yang dilakukan oleh Pusat Islam ialah dengan menubuhkan Kelab Belia Masjid yang dianggotai oleh pelajar bagi membantu mereka menjalankan program dakwah.

iv. Kekurangan pendakwah yang berpengalaman

Kakitangan Pusat Islam bersifat transit, sentiasa bertukar dan tidak kekal lama. Mereka lebih berminat untuk ditukarkan kepada staf fakulti sebagai pensyarah. Ini disebabkan waktu kerja staf yang tidak menentu. Mereka perlu melibatkan diri sebagai ahli jawatankuasa dalam program-program anjuran Pusat Islam yang lazimnya dibuat pada waktu malam dan hujung minggu. Situasi ini menyebabkan staf Pusat Islam kurang berpengalaman dalam melaksanakan aktiviti dakwah.

Tanpa adanya pendakwah UNISEL yang berkaliber, perjalanan dakwah akan terjejas dan ini akan membawa gambaran negatif terhadap sasaran dakwah. Kajian berpendapat UNISEL perlu memandang serius

perkara ini kerana pelajar yang berakhlak merupakan aset yang paling berharga dalam menjaga nama baik universiti. Mereka merupakan agen promosi yang secara tidak langsung boleh menarik minat masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sana.

v. Kurang kepakaran dalam ilmu dakwah

Kajian mendapati bahawa kakitangan yang terlibat dalam merancang aktiviti dakwah pelajar kurang kreatif. Kebanyakan program yang dianjurkan bersifat '*stereo type*' seperti ceramah, seminar dan kursus. Kesannya, aktiviti dakwah yang dilaksanakan kurang mendapat sambutan yang sewajarnya dari kalangan pelajar. Kajian berpendapat kursus yang menekankan asas-asas dakwah perlulah dilaksanakan kepada staf Pusat Islam agar mereka lebih menjiwai amanah berat yang disandang mereka.

vi. Sumber kewangan yang tidak mencukupi

Sumber kewangan yang terhad membantutkan aktiviti dakwah yang dilaksanakan. Implikasinya, program yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana tidak mendapat kelulusan bajet dari pihak pentadbiran. Justeru, borang penilaian tidak dapat diedar pada setiap program yang dilaksanakan kerana peruntukan kewangan yang amat terbatas. Secara tidak langsung, pihak penganjur tidak dapat maklumbalas dari peserta program untuk tujuan penambahbaikan pada masa akan datang.

5.1.3 Faktor Penerimaan Pelajar Terhadap Dakwah

Kajian mendapati terdapat empat faktor utama yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap program dakwah yang dianjurkan oleh UNISEL iaitu penganjuran program, pengisian program, penyampaian penceramah dan pemahaman pelajar. Hasil penyelidikan melalui soal selidik dalam penerimaan dakwah pelajar terhadap dakwah adalah 4.12 iaitu pada tahap keselarian tinggi. Ia membuktikan bahawa faktor-faktor tersebut amat mempengaruhi penerimaan dakwah dalam kalangan pelajar.

i. Faktor Penganjuran Program

Maklumbalas daripada responden berdasarkan soal selidik yang dijalankan mencatatkan purata keseluruhan min berkaitan penganjuran program ialah 4.02 iaitu berada pada tahap tinggi. Ini membuktikan bahawa keselesaan persekitaran tempat program, pemilihan waktu yang sesuai serta kepelbagaian cara untuk mempromosi program amat mempengaruhi penerimaan dakwah terutamanya dalam kalangan pelajar.

ii. Faktor Pengisian Program

Keberkesanan pengisian sesebuah program bergantung kepada faktor penceramah, mesej ceramah yang disampaikan dan bentuk ceramah yang dilaksanakan.

Penampilan penceramah secara langsung mempengaruhi penumpuan pelajar terhadap ceramah yang disampaikan. Maklumbalas daripada responden membuktikan bahawa penceramah perlu memiliki ilmu pengetahuan yang mencukupi agar perbincangan yang dilakukan menarik minat pelajar. Di samping itu penceramah perlu menyesuaikan penyampaian dengan tahap kefahaman pelajar serta memahami kehendak pendengar.

Pengaruh mesej ceramah tidak boleh dinafikan dalam melaksanakan sesebuah program keagamaan. Mesej ceramah yang hendak disampaikan mestilah jelas dan mudah difahami. Begitu juga dengan objektif program perlu dimaklumkan agar pelajar dapat menghayati pengisian yang hendak disampaikan oleh penceramah. Mesej juga perlu sesuai dan berkaitan dengan kehidupan pelajar agar mereka mampu mengaplikasikan ilmu yang diterima dengan sebaiknya.

Selanjutnya, dapatan analisis menunjukkan bentuk program yang pelbagai dan bersesuaian dengan jiwa mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap dakwah. Antara bentuk program yang diminati mengikut keutamaan pilihan responden adalah program berbentuk kursus, kesenian Islam seperti nasyid, lakonan dan sajak, program secara praktikal dan program berbentuk ceramah, forum dan seminar. Bahkan program yang diminati pelajar mengikut urutan skor purata (min) ialah yang berunsurkan akhlak, pemikiran, ibadah dan akidah. Dapatan ini memberi implikasi bahawa bentuk-bentuk program yang pelbagai mengikut keutamaan pilihan pelajar

perlu diberikan perhatian khusus dalam memastikan penerimaan dakwah terhadap golongan ini.

iii. Faktor Penyampaian

Secara keseluruhan, analisis faktor penyampaian yang dilakukan dalam kajian ini menunjukkan teknik penyampaian amat mempengaruhi keberkesanan dakwah. Penganjur perlu memikirkan gaya persembahan ceramah yang menarik dan pelbagai bagi merangsang pelajar ke program-program yang dianjurkan. Penggunaan peralatan teknologi maklumat juga dapat meningkatkan lagi keberkesanan sesuatu penyampaian. Dalam satu kajian yang dibuat, 75% daripada proses pembelajaran seseorang itu berlaku melalui penglihatan, 15% melalui pendengaran dan 10% melalui sentuhan, rasa dan bau.²⁶⁵

iv. Analisis Faktor Pemahaman

Dapatan analisis kajian menunjukkan aspek yang penting dalam penerimaan dakwah pelajar ialah membina kefahaman Islam yang *shumūl*. Elemen kefahaman pelajar dapat diukur melalui penghayatan dan pengaplikasian ilmu yang diberi dalam kehidupan seharian. Bahkan pelajar juga sentiasa teruja dan ternanti-nanti untuk mengikuti program seterusnya. Malah mereka sentiasa terdorong untuk memperbaiki ibadah dan seterusnya menjadi hamba Allah yang beriman.

²⁶⁵ Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah*, ed.1 (Selangor: Polygraphic Press Sdn. Bhd., 1990), 145.

5.2 Saranan

Beberapa saranan dikemukakan dalam kajian ini bagi membolehkan semua pihak yang terlibat membantu mempertingkatkan pelaksanaan dakwah terhadap pelajar khususnya mahasiswa dan mahasiswi di negara ini.

5.2.1 Dapatan kajian ini merumuskan tentang pentingnya peranan yang perlu dimainkan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar melalui Pusat Islam atau mana-mana agensi dakwah mempergiatkan program-program dakwah yang sesuai dan menarik minat golongan pelajar kerana mereka merupakan pelapis pemimpin masyarakat akan datang. Sekiranya mereka telah disuntik dengan kefahaman Islam yang menyeluruh, nescaya pemimpin akan datang bukan sahaja mempunyai wawasan dunia bahkan berjiwa besar untuk mencapai wawasan akhirat.

5.2.2 Selanjutnya, kerjasama dari semua fakulti perlu digarap agar cakne terhadap program-program keagamaan, di samping memberi motivasi dan galakan agar pelajar-pelajar menghadiri program demi kelangsungan kejayaan di hari kemudian. Pensyarah-pensyarah pengajian Islam juga perlu membantu pusat Islam dari aspek masa atau tenaga dalam melaksanakan kerja-kerja amal dalam membina generasi pelajar yang beriman dan beramal.

5.2.3 Ruang yang lebih luas bagi menggalakkan pengembangan dakwah di UNISEL perlu difikirkan secara serius bagi meningkatkan penghayatan Islam dalam kalangan pelajar. Pihak berwajib perlu mengadakan program

secara berkala dan tersusun, meningkatkan teknik berdakwah dengan pelbagai metode dan memberi motivasi kepada staf yang terlibat secara langsung dalam merancang program-program dakwah.

5.2.4 Penyelidikan tajuk ini secara keseluruhannya telah berjaya memberi gambaran awal tentang fenomena masalah pelaksanaan dakwah terhadap pelajar. Oleh itu disarankan agar kajian lanjutan khusus berkaitan metodologi dakwah terhadap pelajar dapat dilaksanakan bagi memperkayakan lagi kefahaman kita terhadap senario pelaksanaan dakwah kepada pelajar dengan lebih khusus.

5.2.5 Penyelidikan tajuk ini juga perlu dilanjutkan bagi meneliti secara lebih mendalam berkaitan sumbangan NGO dalam melaksanakan dakwah di Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun Swasta.

5.3 Penutup

Sebagai penutup, usaha dakwah kepada pelajar perlu diberikan fokus oleh semua warga universiti secara langsung atau tidak langsung demi melahirkan modal insan yang berakhlak, berwawasan tinggi serta mempunyai jati diri sebagai individu Muslim yang hebat. Begitu juga pihak yang berkaitan disaran agar bertindak secara proaktif bagi mengatasi permasalahan dakwah yang telah dikenalpasti agar usaha dakwah kepada pelajar dapat dilaksanakan secara optimum dan berkesan.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Aziz Mohd Zin. "Pendekatan Dakwah di Malaysia Dalam Era Wawasan", Dalam Kertas kerja Seminar Dakwah dan Pembangunan Insan, 4-6 Okt 1996.
- _____. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1999.
- _____. *Metodologi Dakwah*. Cet. ke-3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- _____. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- ‘Abbās As-Sīsī. *Al-Ṭorīq Ilā al-Qulūb*. Juz. 1, cet. ke-6. Al- Mansūrah, *Dār al-Wafā’*, 2009.
- ‘Abd Karīm Zāydan. *Uṣūl al-Da‘wah*. Ed. 5, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1976.
- Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor, *Dimensi Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- ‘Abd Fattāh Abū Ghuddah. *Al-Rasūl al-Mu‘allim wa Asālībīhi fī al-Ta‘alīm*, terj. Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: M. Khairi Enterprise, 2001. Tajuk: Mengajar Secara Beransur-ansur.
- ‘Abdul Ḥamīd al-Ghazālī. *Perkara Asas Dalam Agenda Kebangkitan Ummah: Kajian berdasarkan Gagasan Imam Al-Banna*, terj. Solehan Ayub. Selangor: Penerbitan Teras Bakti, 2004.
- Abdul Halim El-Muhammady. *Pengurusan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1996.
- Abdull Rahman Mahmood et al. "Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi Di Malaysia". *Jurnal Hadhari*. Bil 2, 2009.
- ‘Abdullāh Muḥammad. *Tafsir Ibn katsir*, terj. M. Abdul Ghoffar E.M. et all. Cet. ke-8. Jakarta: Pustaka Imam Asy Syafi’i, 2003.
- ‘Abdullāh Naseh ‘Ulwān. *Peranan Pemuda Di Dalam Menyampaikan Risalah Islam*, terj. Kamaludin Mustafa. Cet. ke-2. Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1987.
- _____. *Tarbiyyatul Aulād Fīl Islām*. Cet. ke-9. Kaherah: Dār Al-Salām, 1985.
- Abū al-Fāḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram Ibn Manzūr al-Afrīqī al-Miṣrī. *Lisan al-‘Arab*. Jilid ke-14, t.p. 1968.
- Ahmad Atian. *Menuju Kemenangan Dakwah Kampus*. Solo, Indonesia : PT Era Adicitra Intermedia, 2010.

- Aḥmad Ibrāhīm Abu Ṣīn, *Pengurusan dalam Islam*, terj. Abd Rashid Ngah & Jusoh Kadir. Cet. ke-2, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunos. “Cabaran Dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang”. Tesis kedoktoran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- Aidiahmad Dewa. “Membina Kekuatan Mendepani Tribulasi Dakwah Masa Kini”. Laman sesawang WordPress, 10tahun karisma.wordpress.com/ himpunan-ucapan-dasar/membina-kekuatan-mendepani-tribulasi-dakwah-masa-kini. 18 November 2013.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān. *Hakadha fal Nad‘ū ilā al-Islām*. Damshīq: Maktabah al Farābi. (t.t)
- ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *Al-Da‘wah ilā Allah*. Al-Qāherah: Dar al-Wafā’. 1990.
- ‘Alī Jarīshah. *Du‘āt Lā Bughāt*. Kuwait: Dār al-Buḥūth al-‘Ālamiyyah, 1979.
- Asmah Bee Mohd Noor dan Iran Herman. *Membina Kesejahteraan Remaja*. Cet. ke-1, Selangor: Tekno Edar, 1995.
- Auni Abdullah. *Hisbah dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: Ikdas Sdn. Bhd., 2000.
- Azman Che Omar. *Pengurusan di Malaysia Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Azlina Abu Bakar @ Mohd. *Psikologi Personaliti Individu*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd, 2002.
- B. Lewis et al. *The Encyclopedia of Islam*. Jilid ke-2. 1965.
- Buttrick, David G. Interpretation: A Journal of Bible & Theology. Jan 2011, Vol. 65 Issue 1,2011.
- Chua Yan Piaw. “*Kaedah dan Statistik Penyelidikan*” (Buku 1), McGraw-Hill Malaysia Sdn. Bhd. 2006.
- _____. *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Cet. ke-1. Malaysia : Mc Graw Hill, 2006.
- Daniel Weingartner. Artikel yang telah diterbitkan pada 2 April 2010 dalam The news website of the School of Journalism and Electronic Media, University of Tennessee, Knoxville, 2010.
- David Allis. [www.hrcsn.org/Resources/The problem with preaching.pdf](http://www.hrcsn.org/Resources/The_problem_with_preaching.pdf), 3 Jun 2012.
- David Irwan. *Exploiting IT In Business: Putting Technology To Work To Grow Your Profit*. Great Britain: Hawksmere, 1999.

- Deobold P. Van Dalen. *Memahami Penyelidikan Pendidikan*, terj. Abdul Fatah Abdul Malik et al. Cet. ke- 2. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 1999.
- Dr. Teuku Iskandar. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Farahwahida Mohd. Yusof dan Norazila Binti Sugiman. “Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks”. *Journal of Education Psychology & Counseling*. Volume 1. 2011.
- Fariza Md Sham. “Dakwah Kepada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan”. Tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1995.
- _____. “Cabaran Dakwah dalam Era Globalisasi”. Dalam Abdul Ghafar Hj. Don (eds), *Dakwah Menjana Masyarakat Madani*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.
- _____. *Tekanan Emosi Remaja Islam*, laman sesawang UKM, dicapai pada 15 Julai 2010 http://pkukmweb.ukm.my/~penerbit/jurnal_pdf/jis27-01.pdf.
- Fathī Yakān. *Musykilat al-Da’wah wa Da’iyat*. Beirut: Muassasah al-Risalah. 1980.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. “Pembangunan Akhlak Remaja Menurut al-Quran: Kajian Tentang Pendekatannya Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah-Sekolah Menengah di Ampang, Selangor Darul Ehsan”. Disertasi sarjana Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Islam, Universiti Malaya, 2002.
- Ghazali Darusalam. *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Cet. ke-1., Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1996.
- Hammām ‘Abdul Raḥīm Sa’īd. *Qawā’id Ad-Da’wah Ilā Allāh*. t.tp, t.p., t.t.
- H Salim Bahreisy dan H. Said Bahreisy. *Terjemah Singkat Tafsir Ibn Katsier*. Jilid ke- 8 & 9, Victoria Kuala Lumpur, 1994.
- Hurlock, Elizabeth Bergner. *Adolescent Development*. New York: McGraw Hill Inc., 1973.
- Ibn Hīshām. *Sīrah Ibn Hishām*. Juz. 1. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1983.
- _____. dan Abī Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī. *Al Jāmi’ Li Aḥkām al-Qurān*, Beirut: Dār al-Fikr, 1984.
- Ībrāhīm Muṣṭafā et al. *Mu’jam al-Wāṣit*. Istanbul: Mu’assasah Thaḳāfah Iil Taklīf wa Ṭaba’ah wa Naṣr wa Tawzi’, 1989.

- Idris Awang. *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Cet.ke-1, Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009.
- _____. *Kaedah Penyelidikan: Suatu Overview*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Kamus Dewan*. Ed. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Kenneth D. Bailey. *Kaedah Penyelidikan Sosial*, terj. Hashim Awang. Cet. ke-1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Khadijah Haidi Khalid. *Meneroka Alam Remaja*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1994.
- Mazlan Mohamad, “Rahsia Kejayaan Apple”, laman sesawang *Majalah Niaga*, dicapai pada 12 November 2013, www.majalahniaga.com/rahsia-kejayaan-apple-steve-job.html.
- Mahdzan Ayob. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi-Suatu Pengenalan*. Cet. ke-1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.
- Maria binti Mansur. “Islamisasi Ilmu Pengetahuan Antara Harapan dan Realiti Dalam Konteks Pendidikan di Malaysia”. *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 13, Bil 2, 2012.
- M. Natsir. *Fiqhud Da‘wah*. Pustaka Nasional Pte Ltd., Singapura, 1982.
- Merriem S.B. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Ed. 2. San Francisco: Jossey-Bass, 1998.
- Mohamad A’sim Ismail, “Ibubapa Tidak Boleh Lepas Tangan Pantau Akhlak Anak di IPT”, dicapai pada 20 November 2013, www.bharian.com.my/bharian/article/ibubapatidakbolehpantauakhlakanakdiIT/article/
- Mohamad Nazli Omar . “Pengurusan Dakwah di Negeri Maju: Kajian Tentang Cabaran dan Masalahnya di Melaka”. Tesis kedoktoran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2013.
- Mohamad Zaki Hamid. “Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor: Kajian tentang pelaksanaan Program dakwah dan keberkesanannya.” Disertasi Sarjana Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.
- Mohd Ismail Mustari. *Menjadi Belia Cemerlang*. Cet. ke-1. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005.
- Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cet. ke-6. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Mohd Najib A. Ghafar. *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, 1998.

- Mohd Nasir Bin Ripi et al. *Kajian Program Bina Sahsiah Staf di IPTA: Kajian Kes di UTM dan USM*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2006.
- Mohd Shahar Sidik. *Pengurusan Organisasi dari Perspektif Islam*. Dalam *Pegurusan Dalam Islam*. ed Abd Halim el-Muhammady. Bangi: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1996.
- Mohd. Shahir Hj Abdullah. *Masalah Sosial: Strategi Penyelesaian Menerusi Organisasi Dakwah*. Dalam *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. ed Fariza Md Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2000.
- M. Qurash Shihab. *Tafsir al-Mishbah, Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran v. 10*. Cet. ke-2, Jakarta: Penerbit Lentera Hati, 2004.
- Muhammad Ahmad Ar-Rashid. *Al- 'Awāiq*. t.tp., t.t., Muassasah al-Risalah.
- Muhammad As-Sair Al Wakil. *Usus Ad Da'wah wa Adab Ad Du'at*. Cet. ke-4. Darul Wafa', Al Madinah Al Munawwarah, 1993.
- Munir bin Md Amin. "*Program Dakwah Masjid di Daerah Gombak: Suatu Kajian Tentang Keberkesanannya*", (disertasi, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), 2005.
- Muṣṭafā Mashhūr. *Jalan Dakwah*, terj. Mohd Tahir Daeng Mengati. Cet. ke-2. Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1986.
- _____. *Min Fiqh al-Dakwah ila-al-Islam*, Beirut, al-Maktabah al-Islāmī, 1995.
- _____. *Jalan Dakwah Antara Keaslian dan Penyelewengan*, terj. Mohd Yusof Ismail. Cet. ke-3. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1999.
- Muuss Rolf E. *Adolescent Behaviour and Society: A Book of Readings*. New York: Randon House Inc., 1975.
- Noraini Ismail. "Pengaruh Falsafah Pragmatisme Ke atas Pemikiran Pelajar Melayu Islam: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, Kuala Lumpur" (disertasi, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), 2001.
- Patton, M.Q. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. London: Thousand Oaks, New Delhi Sage Publications, 1990.
- Peter Tryfos. *Sampling Methods For Applied Research*. Cet. ke-1. Canada: J Carey Publishing Service, 1996.
- "Penulis tidak diketahui". *Majmu' ah Rasail Al-Imām Al-Shahīd Hasan al-Bannā*. Al-Iskandariyyah: Dār al-Da'wah, 1989.

- Pusat Islam UNISEL, dicapai pada 24 Mei 2011 <http://pusatislam.unisel.edu.my>.
- Rahimah Hashim. *Ilmu Komunikasi: Kaedah dan Teknik Dalam Dakwah Islamiah*. Dalam Abdullah Muhammad Zain et al (ed). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.
- Riduan Mohamad Nor. *Potret Perjuangan Mahasiswa Dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2007.
- Roslin Syamsuri. *Arus Kebangkitan Remaja Muslim Ke Arah Islam Secara Global*. Cet. ke-1, Selangor: Pustaka ILMI, 1996.
- Rozhan Othman. *Pengurusan Dakwah*. Selangor: Ummah Media Sdn. Bhd., 1990.
- Sanep Ahmad. "Pengurusan Ekonomi dalam Pembangunan Dakwah di Malaysia," dalam Abd Ghafar Don et.al, *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia, Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.
- Sayyīd Sābiq. *Akidah Islam Menurut al-Quran dan Hadis*, terj. Rangkaian Berkat Sdn. Bhd. & Pustaka Salam Sdn. Bhd., Rangkaian Berkat Sdn. Bhd. & Pustaka Salam Sdn. Bhd., 2005.
- Sayyīd Qūṭb. *Fi Zilāl al-Qur'ān*. Jilid 4, Beirut: Dār al Syurūq. 1977.
- _____. *Petunjuk Sepanjang Jalan*, terj. H. Salahuddin Abdullah. Cet. ke-4. Kuala Lumpur, 1994.
- Sidek Baba. *Remaja dan Islam*. Cet. ke-1, Selangor, Karya bestari Sdn. Bhd., 2007.
- Siti Aishah Abu Bakar. "Penggunaan Multimedia Dalam Khutbah Jumaat: Kajian Terhadap Penerimaan Jemaah di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq Bangsar Kuala Lumpur". Disertasi, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.
- Sohair Abdel Moneim Sery. *Konsep Pengurusan Pentadbiran Menurut Ajaran Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1990.
- Sulaiman Ibrahim. "Tarbiyah Dakwah Untuk Golongan Remaja: Suatu Tinjauan Terhadap Manhaj Ikhwan al-Muslimin". Dalam Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Dakwah dan Perubahan Sosial Universiti Kebangsaan Malaysia, 5-6 November 1997.
- Syed Abdul Rahman Syed Husin. Permasalahan Umah dan Dakwah Masa Kini, Dalam Koleksi Persidangan Seminar Kerohanian dan Dakwah, Universiti Malaya, 1990.
- Syed Arabi Idid. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Cet. ke-4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Syed Othman Alhabsyi. "*Quality and Productivity Consciousness: An Islamic Approach*", Quality Management in Islamic Perspectives, Leeds Publication, 1996.

- Tawfīq al- Wa‘īe. *Dakwah Seruan Menuju Allah*, terj. Time Training & Services. Cet. ke-1, Selangor : Time Training & Services, 2010.
- Unit Hal Ehwal Pelajar,Universiti Selangor, dicapai pada 16 Jun 2011, www.hep.unisel.edu.my/main/
- Wahbah al-Zuhaylī. *Al Tafsīr Al Munīr*. Jilid ke-29, cet. ke-1. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘aşir, 1991.
- Wahidah Yusof. “Institusi-institusi Dakwah Islamiah di Malaysia: Satu Kajian Tentang Sumbangan Dan Masalah Dalam Perkembangan Dakwah Masa Kini”. Disertasi Sarjana Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997.
- Wan Liz Osman Wan Omar. *Pengurusan Islam Abad ke-21*. Utusan Publications & Distributors, 1996.
- Yūsuf al-Qarḏāwī. *Thaqāfah al-Dā‘iyah*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 1978.
- Zāin al-‘Abidīn al-Rikābī. *Al-Nazriyyāt al-Islāmiyyah fī al- ‘ilm al-Islāmī wa al- ‘alāqāt al-Islāmiyyah*. Riyāḏ: t.pt., 1979.
- Zainah Anwar. “Islamic Revivalism in Malaysia: Dakwah among the Students”. *Journal of Southeast Asian Studies*, volume 21, 1987.
- Zubaidah Bayan. “Program Dakwah Terhadap Banduan Wanita di Penjara Tengerang, Indonesia”. Disertasi, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.

SENARAI TEMU BUAL

- Ahmad Tarmizi Bin Zakaria (2012), Pegawai Hal Ehwal Islam Pusat Islam UNISEL. Temubual pada 6 Februari 2012.
- Farah Nabilah Ahmad Riduwan dan Nor Shahira Abdullah, Pelajar Fakulti Bio Teknologi. Temubual pada 15 Mac 2012.
- Hafiza Abdul Hamid (2011), mantan Ketua Unit Penerbitan dan Urusetia Mesyuarat Pusat Islam. Temubual pada 30 September 2011.
- Hafizah Khusni (2011), Pengarah Program Hari Interaksi Wanita. Temubual pada 30 September 2011.
- Hj. Mokhtar Hj. Ridzwan (2011), Pengarah Pusat Islam UNISEL. Temubual pada 17 Jun 2011.
- Mohd Fathur Rahman Bin Kasdiran (2011), Pegawai Hal Ehwal Islam Pusat Islam UNISEL. Temubual pada 17 Jun 2011.
- Mohd Hafiz Bin Zainuddin (2011), Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Nuqaba' Sessi 2010/2011. Temubual pada 10 Ogos 2011.
- Mohd Saedal Al-Atas Bin Abdul Ghani (2011), Penyelaras Akademik Subjek Usrah UNISEL. Temubual pada 17 Jun 2011.
- Mohd Sofyan Bin Ismail (2011), Pembantu Tadbir merangkap Bilal dan penceramah kuliah maghrib UNISEL. Temubual pada 30 September 2011.
- Muhammad Ikmal Rahmad (2012), Pelajar Fakulti Perniagaan. Temubual pada 17 Mac 2012.
- Noor Azzah Mohd Yusof (2011), Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Pusat Islam merangkap Ketua Unit Penerbitan dan Sistem maklumat. Temubual pada 24 Ogos 2011.
- Norsianti Binti Talib (2011), Pegawai Hal Ehwal Pelajar UNISEL. Temubual pada 9 Jun 2011.
- Nurdin bin Deraman (2011), Ketua Unit Pentadbiran, Kewangan dan Latihan. Temubual pada 15 Julai 2011.
- Zahidah Muhd Zain (2011), Pegawai Hal Ehwal Islam Wanita merangkap Ketua Unit Pembangunan Wanita dan Keluarga. Temubual pada 24 Ogos 2011.

BAHAN-BAHAN DOKUMENTASI

Buku istiadat konvo unisel ke 2.

Buku Panduan Staf Pusat Islam (2008).

Bidang tugas Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam 2010.

Bidang tugas staf Pusat Islam, 2008.

Kertas Cadangan Penerbitan Buletin dan Penubuhan Laman Web Rasmi Pusat Islam UNISEL, 2009.

Kertas Cadangan penubuhan kumpulan Marhaban UNISEL, 2008.

Kertas Kerja Bengkel Mahligai Kasih Semakin Hari Semakin Sayang, 9 Mei 2009.

Kertas kerja Hari Interaksi Wanita, Pusat Islam UNISEL, 2008.

Kertas kerja Kursus Nuqaba' Kali Ke-2 dan Pelancaran 'Jom Usrah', Disember 2010.

Kertas kerja Program Ihyak Ramadhan 2011.

Kertas kerja Program Kursus Pengurusan Jenazah Pusat Islam UNISEL 2011.

Kertas kerja Program Majlis Sambutan Maal Hijrah 2010.

Kertas Kerja Program Untukmu Wanita, 24 Mei 2008.

Kertas kerja Seminar Tahsin al-Quran dan Program Ihyak Ramadhan 2010.

Laporan Mesyuarat Pengurusan Pusat Islam Bil 5 2007/2008.

Laporan Kursus Pengurusan Organisasi, 15-16 Januari 2011.

Laporan perangkaan Unit Disiplin Pelajar, HEP semester 2/2010/2011.

Laporan program/ aktiviti Pusat Islam 2010.

Laporan Program Sehari Bersama Tabung Haji, anjuran Unit Pembangunan Wanita dan Keluarga, 5 Ogos 2010.

Laporan program yang telah dijalankan oleh Pusat Islam UNISEL, 2009.

Laporan program yang telah dilaksanakan sepanjang 2007.

Laporan ringkas program Kempen Anda Bijak Jauhi Zina, 12 April 2011.

Laporan Seminar Falak 2010 UNISEL, Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Manual Pintar Anda Bijak Jauhi Zina.

Minit Mesyuarat Perlaksanaan Ko Kurikulum Kali ke-2, 1 Februari 2011.

Minit Mesyuarat Penyelarasan Subjek ZKU 1112 Ko Kurikulum, 19 Januari 2011.

Minit mesyuarat Program Ihya' Ramadhan 2011.

Modul Lengkap Anda Bijak Jauhi Zina.

Perancangan Program/ Aktiviti Pusat Islam UNISEL 2011.

Risalah Majlis Perwakilan Nuqaba' Universiti Selangor.

Risalah Pusat Islam Unisel, bil 1/2008.

Risalah Pusat Islam edisi 2, julai 2009